

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 13	Isnin	27 Mac 2017
----------------	--------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017	(Halaman 27)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016	(Halaman 29)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 27 Mac 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah mengamalkan konsep kesederhanaan untuk memastikan negara kekal aman dan harmoni bagi membolehkan kerajaan merancang pelbagai program untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, sukacita saya maklumkan pada pagi ini *alhamdulillah* Kerajaan Malaysia telah berjaya membawa pulang dua orang daripada lima orang rakyat Malaysia [*Tepuk*] Tajuddin Anjot dan Abdul Rahim yang diculik selama lapan bulan seminggu oleh kumpulan Abu Sayyaf. Malah mereka telah pun ditemukan dengan ahli keluarga masing-masing di kediaman saya. Apa yang penting, Kerajaan Malaysia akan terus membantu kedua-dua mangsa baik dari segi rawatan mahupun kebajikan untuk memastikan mereka kembali pulih seperti sedia kala.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih khususnya kepada Kerajaan Filipina, Kerajaan Negeri Sabah, Wisma Putra, PDRM dan Kelab Putra 1Malaysia di atas urusan membawa pulang mangsa-mangsa dengan selamatnya ke tanah air, *insya-Allah...* [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Kerajaan Malaysia amat komited dan penuh iltizam dalam mengamalkan konsep kesederhanaan yakni prinsip *wasatiyyah* atau dikenali sebagai *moderation* dalam sistem pentadbiran serta kepimpinan di negara ini. Sebenarnya konsep *wasatiyyah* yang diamalkan ini adalah menepati prinsip *maqasid syariah*. Ia juga seiring dengan undang-undang tertinggi negara yakni Perlembagaan Persekutuan yang secara adil menyatakan bahawa kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi agama-agama lain bebas diamalkan dengan aman dan damai.

Begitu juga kedudukan istimewa kaum Melayu dan bumiputera tanpa menafikan kepentingan sah kaum-kaum lain. Malah sejak saya memegang kepimpinan kerajaan, diperkenalkan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan yang berlandaskan dasar Transformasi Nasional. Ia bertali temali dengan dasar-dasar terdahulu di mana amalan kesederhanaan ini terus mendapat tempat dalam kepimpinan kerajaan.

Bahkan kesungguhan kerajaan ini jelas terbukti apabila mengangkat satu lagi dasar dalam falsafah negara di mana Kabinet telah meluluskan Dasar Wasatiyyah Negara atau DWN pada 21 Oktober 2016 yang lalu direalisasikan sebagai dasar negara untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian negaraku, yakni tanah air kita yang tercinta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat lima objektif utama Dasar Wasatiyyah Negara yakni:

- (i) meningkatkan kefahaman rakyat Malaysia terhadap pendekatan *wasatiyyah* yang menjadi asas utama dalam setiap kehidupan;
- (ii) penyelesaian kepada permasalahan masyarakat yang dibelenggu oleh isu-isu ekstremisme dan radikalisme yang melampau serta integriti;
- (iii) memperkukuhkan penghayatan *wasatiyyah* bagi mewujudkan semangat toleransi rakyat Malaysia yang tinggi antara satu sama lain;
- (iv) membangunkan bangsa Malaysia yang harmoni dalam menghayati nilai-nilai dan etika yang unggul berkonsepkan *wasatiyyah* dalam segenap kehidupan; dan
- (v) menjadikan *wasatiyyah* sebagai satu cara hidup rakyat Malaysia dalam segenap aspek kehidupan seperti pendidikan, ekonomi, pentadbiran, sosial, politik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kerajaan berjaya menyediakan Pelan Strategik Lima Tahun Pendekatan *Wasatiyyah* yang bermula dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Bagi merealisasikan pelan strategik ini, Institut *Wasatiyyah* Malaysia Jabatan Perdana Menteri telah dilantik sebagai agensi penyelaras untuk melaksanakan pendekatan *wasatiyyah* yang berperanan sebagai pusat sehenti atau *one-stop centre*.

Sememangnya, *wasatiyyah* ini berasaskan kepada prinsip kesederhanaan, keseimbangan, kecemerlangan dan keadilan amat penting diamalkan. Hasilnya Malaysia telah diiktiraf dan dijadikan *role model* sebagai negara Islam contoh yang maju dan dinamik lagi progresif di seluruh dunia. Seheingakan baru-baru ini Raja Salman Abdulaziz Al-Saud, Raja Arab Saudi dan penjaga dua masjid suci telah memuji Malaysia mengamalkan kesederhanaan dengan begitu berjaya sekali... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, justeru jelasnya melalui perwujudan DWN juga di mana satu jawatankuasa penyelarasan pelaksanaan dasar *wasatiyyah* peringkat kebangsaan agensi, dan negeri telah ditubuhkan dipengerusikan oleh saya sendiri. Kerajaan yakin akan dapat menyebarkan pendekatan ini kepada segenap lapisan masyarakat demi menjamin kestabilan dan keutuhan Malaysia yang majmuk menuju generasi TN50 pada zaman mendatang, *insya-Allah*. Terima kasih.

■1010

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas soalan tadi.

Seorang Ahli: Jawapan... [Dewan riuh]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Jawapan tadi. Rasa lain macam, Tuan Yang di-Pertua pagi-pagi ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia panik. Aura, aura Perdana Menteri.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah berjaya membawa pulang mangsa-mangsa penculikan ke pangkuan keluarga mereka... [Tepuk] Ini bererti, Tuan Yang di-Pertua saya melihat bahawa kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam konsep kesederhanaan ini untuk melihat bangsa Malaysia, rakyat Malaysia dapat hidup dalam keadaan yang aman, harmoni tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... [Tepuk]

Soalan datang nanti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan menjawab ya, Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Apakah impak ataupun terkesannya konsep *wasatiyyah* yang telah diamalkan di dalam negara kita kepada umat Islam di negara-negara yang lain. Setakat manakah negara-negara yang lain ini dapat mencontohi dan dibawa ke peringkat serantau dan juga global.

Akan tetapi sedangkan kita dalam keadaan masa hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mendapati mendepani persoalan, keganasan, penekanan ekonomi yang tidak adil serta ancaman peperangan ataupun diplomasi, politik di peringkat antarabangsa yang boleh mengancam kestabilan ekonomi dan juga keselamatan. Apakah pendekatan Malaysia ini dalam soal berkenaan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan yang berlaku di dunia pada masa ini tuntutan untuk bukan sahaja di Malaysia tetapi dunia mengamalkan *wasatiyyah* ini. Prinsip kesederhanaan, *moderation* ini lebih relevan hari ini daripada masa-masa yang lalu. Sama ada kalau kita lihat dari segi ancaman ekstremisme, IS, Daish mahupun kebimbangan keterlaluan di barat dalam aspek *Islamophobia* dan sebagainya.

Jadi dalam keadaan sedemikian tuntutan untuk kita mengamalkan *wasatiyyah* sebagai satu nilai sejagat adalah lebih relevan, lebih diperlukan hari ini daripada masa-masa kita yang lalu dan peranan Malaysia dalam hal ini bersama-sama dengan negara-negara lain misalnya bila Raja Salman bersetuju hendak mewujudkan *King Salman Global Center for Peace* di Malaysia ini sebagai contoh di mana kita boleh bekerjasama dengan negara-negara lain untuk menyebar luas kefahaman *wasatiyyah* ini.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan kerana jawapan yang cukup komprehensif dan kalimah *wasatiyyah* ini kita tahu kalimah Arab yang dimasyhurkan oleh Perdana Menteri kita dan kita harap *insya-Allah* bahasa Arab akan dimajukan lagi.

Soalan tambahan saya, walaupun kita mengutarakan *wasatiyyah* ini tetapi kita masih lagi melihat ekstremisme ini atau puak-puak pelampau ini tetap wujud dan berkembang.

Apakah usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan fahaman-fahaman ekstrem ini tidak merebak di kalangan orang Islam dan juga di kalangan mereka yang bukan Islam. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu cabaran yang amat besar bagi kita sebab untuk menimbulkan kemarahan malah kebencian ini sebagai satu perasaan emosi dan *state of mind*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Adalah lebih mudah lagi daripada kita hendak mengajak orang untuk mengamalkan prinsip dan nilai kesederhanaan.

Inilah yang menjadi cabaran di mana naratif puak-puak ekstrem ini, militan ini dengan perasaan untuk menghasut dan untuk mengapikan perasaan kebencian lebih mudah diterima daripada saranan kita untuk mengamalkan nilai-nilai murni yang dituntut oleh Islam seperti kesederhanaan ataupun *wasatiyyah*. Jadi saya anggap ini sebagai cabaran daripada semua tidak kira parti politik sama ada kerajaan ataupun pembangkang kita mesti ada platform yang sama yakni *wasatiyyah* sebagai satu amalan dan cara hidup yang terbaik untuk kita semua...
[Tepuk]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan konsep *wasatiyyah* yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, kita bersetuju bahawa ianya konsep universal. Dalam konteks negara Malaysia saya baca Confucius ada kesederhanaan. Saya baca dalam agama Hindu ada konsep kesederhanaan. Dalam agama Kristian ada konsep kesederhanaan. Jadi dalam konteks negara Malaysia ini apakah kerajaan bercadang untuk memanggil cerdik pandai daripada Buddha, Confucius, Hindu, Kristian untuk kita bicarakan tentang *wasatiyyah* kesederhanaan sebab kita terapkan dalam masyarakat Malaysia.

Kedua, apakah kerajaan bercadang hendak jadikan *wasatiyyah* ini sebagai kokurikulum pembelajaran pada Darjah 1 sehingga ke universiti supaya rakyat Malaysia faham tentang pengertian-pengertian dasar kerajaan kesederhanaan *wasatiyyah* ini.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita kaji selidik semua agama mereka setiap agama itu ada amalan-amalan yang boleh dikatakan universal. Walaupun kita berbeza dari segi akidah tetapi dari segi nilai itu kebersamaan nilai itu yang mesti kita tekankan sama ada dalam agama Kristian kah, agama Buddha ada Chung Yung, makna kesederhanaan dan sebagainya.

Ini semua adalah amalan yang baik yang mana pemimpin-pemimpin agama lain mestilah bekerjasama, bersatu hati dalam hal ini. Saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa ini perlu kita usahakan kerana memang kita sedang usahakan. Kedua kita memang bercadang untuk sisipkan dalam kokurikulum di sekolah dan universiti tentang konsep kesederhanaan ataupun *wasatiyyah* ini.

2. Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menyatakan, punca prestasi kewangan Tabung Haji yang teruk sehingga hanya mampu membayar dividen 4.25 peratus, yang terendah berbanding tahun sebelum ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, konsep simpanan di Lembaga Tabung Haji seperti termaktub di dalam Akta Tabung Haji 1995, Akta 535 adalah berlandaskan kepada simpanan *Al-Wadi'ah Yad Dhamanah* iaitu tiada sebarang pulangan yang dijanjikan. Kadar pemberian hibah adalah berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa dan mengikut budi bicara Tabung Haji.

Tabung Haji telah mengumumkan p-ada 3 Februari lalu kadar hibah bagi tahun kewangan 2016 kepada pendeposit sebanyak 4.25 peratus dan tambahan hibah haji sebanyak 1.50 peratus kepada pendeposit yang belum pernah menunaikan fardu haji. Jumlah keseluruhan hibah yang diagihkan adalah RM2.88 bilion kepada pendeposit.

Secara umumnya kadar yang diagihkan oleh Tabung Haji adalah kompetitif jika dibandingkan dengan simpanan di institusi-institusi perbankan Islam lain. Simpanan di dalam Tabung Haji adalah dijamin oleh kerajaan dan pemberian hibah telah mengambil kira 2.5 peratus bayaran zakat Tabung Haji 2016 iaitu sebanyak RM60.3 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Syariah Bursa Malaysia telah menyusut sebanyak 6 peratus pada tahun lalu manakala purata dividen daripada syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia hanyalah sekitar 3 peratus. Pulangan daripada pasaran bon berada di dalam trend menurun ekoran penurunan kadar polisi semalaman oleh Bank Negara Malaysia.

■1020

Prestasi sebegini bukan sahaja dihadapi oleh Tabung Haji sahaja, malah rata-rata pengurus dana dan syarikat-syarikat korporat terkesan daripada situasi tersebut. Namun begitu, prestasi kewangan Tabung Haji kekal positif meskipun berhadapan dengan persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu bagi tahun 2016 dan dijangka mungkin akan berterusan pada tahun ini. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah mengenai punca-punca prestasi yang merosot. Kalau kita bandingkan dengan prestasi syarikat lain, itu satu hal lah. Akan tetapi kita membandingkan tahun ke tahun dalam Tabung Haji itu sendiri dan kelihatannya bagi tempoh 13 tahun yang terakhir ini, inilah prestasi yang paling rendah iaitu 4.25 peratus.

Tahun yang sebelum yang rendah ialah tahun 2003 yang lalu, empat peratus tetapi bonus haji ada dua peratus, kali ini 1.5 peratus. Jadi, tentulah kita tahu ekonomi merosot. Bursa Saham jatuh 6 persen tetapi kejatuhan hibah tabung haji ini lebih daripada 6 persen.

Jadi saya hendak bertanya sekali lagi secara khusus, apakah puncanya sama ada prestasi anak-anak syarikat Tabung Haji ataupun prestasi pelaburan Tabung Haji di dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan ataupun dalam mana-mana tempat pelaburan yang lain. Itu yang saya hendak tanya. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Berkaitan dengan penurunan kadar hibah, kita

Tabung Haji sebelum daripada ini dia terlampau terikat dengan nama yang diberikan iaitu dengan kadar dividen ataupun kita panggil bonus. Akan tetapi sebenarnya, sebagaimana saya perelaskan awal Yang Berhormat Kuala Krai, hibah ini merupakan suatu simpanan yang diberikan daripada Tabung Haji di atas *Wadi'ah Yad Dhamanah* iaitu simpanan yang dijamin, walaupun berlaku kehilangan dan sebagainya. Namun bukan ini menjadi faktor untuk kita hendak mempertahankan.

Saya sebutkan awal, Yang Berhormat pun sebutkan bahawa ini melibatkan soal penurunan daripada indeks Syariah Bursa Saham Malaysia pun turun kepada 6 peratus. Begitu juga dengan penurunan ekonomi global yang telah menyebabkan kedudukan penurunan-penurunan termasuk syarikat. Berbalik kepada Yang Berhormat Kuala Krai sebutkan tadi ialah, adakah ini dipuncakan kerana pelaburan anak syarikat?

Sebenarnya pengiraan untuk memberikan hibah ini dia berdasarkan kepada jumlah keseluruhan. Mungkin kalau faktor-faktor tambahan yang telah disebutkan tadi, saya tak boleh bagi maklumat di sini secara angka tetapi boleh diberi kemudian kalau Yang Berhormat perlukan untuk maklumat yang tersebut. Akan tetapi keseluruhannya kita mengambil kira ialah Tabung Haji kalau saya sebutkan tadi kadar penurunan ini kena ambil kira juga satu perkara yang mungkin orang tak ambil tahu ialah di mana campuran daripada pembayaran yang kita berikan ialah termasuk 2.5 peratus daripada kadar zakat yang telah pun diselesaikan oleh pihak Tabung Haji dibandingkan dengan institusi-institusi kewangan ataupun perbankan yang lain yang tidak mengambil kira kadar zakat.

Jadi kalau campur dengan kadar zakat, ini satu jumlah yang begitu tinggi. Yang keduanya Yang Berhormat Kuala Krai, yang perlu saya tekankan juga ialah kaunter-kaunter yang kita laburkan ini ialah merupakan kaunter-kaunter yang *syariah compliance*, dengan izin, ataupun yang telah mematuhi syariah. Jadi kalau ini diukur, maknanya selain daripada kita mempunyai jumlah kaunter yang agak terhad dibandingkan dengan konvensional tetapi dalam masa yang sama kita masih lagi Tabung Haji mencapai keuntungan dan boleh memberikan hibah kepada pendeposit mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak mengucapkan berbilang-banyak tahniah terutamanya kepada kerajaan dan juga Tabung Haji yang tidak pernah mengecewakan pendeposit di Tabung Haji. Jadinya walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang begitu mencabar, mampu juga untuk terus mengimbangi keadaan ekonomi semasa.

Jadi soalan tambahan saya kepada pihak kementerian adalah, apakah pelaburan masa hadapan ataupun *future investment*, dengan izin, kepada Tabung Haji dalam dan juga luar negara untuk menjamin kelestarian pendapatan Tabung Haji untuk terus bersaing terutamanya di dalam bidang pelaburan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Hari ini Yang Berhormat Parit Sulong, dia beralih daripada soalan yang wajib Parit Sulong iaitu bab halal, terima kasih dan terima kasih juga kerana menyokong usaha-usaha dan kerja, kesungguhan yang telah dilaksanakan pelaburan

dan juga hibah kembali kepada penyimpan, pendeposit Tabung Haji. Yang Berhormat Parit Sulong, selain daripada urusan utama ataupun *core business*, dengan izin, ataupun fungsi dan tugas bersama Tabung Haji ialah untuk hendak membantu untuk melaksanakan ibadat Haji.

Bidang-bidang yang lain selain daripada meneruskan yang telah sedia ada, bidang-bidang yang menjadi keutamaan, bahkan ini merupakan perancangan masa depan untuk menambahkan kelestarian bagi tujuan untuk kita memberikan hibah dan juga keuntungan kepada Tabung Haji di masa hadapan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, saya suka hendak memberikan pemakluman bahawa kuota Haji selain daripada tambahan yang diberikan Raja Salman kepada kita, kita masih lagi mengekalkan jumlah bayaran RM9,980 sedangkan jumlah pembayaran yang sebenar, kos yang sebenar sepatutnya dibayar ialah melebihi daripada RM18,000.

Ini maknanya satu perbezaan yang hampir sama banyak yang dikeluarkan oleh pendeposit hendak pergi haji dan jumlah yang dia kena bayar adalah RM9,980. Ini kemudian ditambah oleh pihak Tabung Haji melalui usaha dan kesungguhan kerajaan, kita telah pun memberikan tambahan kepada mereka juga RM9,000 lebih. Jadi Yang Berhormat, usaha ini kita hendak ambil daripada mana hendak menampung melainkan usaha-usaha yang telah kita susun.

Di antaranya ialah di dalam bidang-bidang utama hartanah yang melibatkan soal jual beli dan kita bukan hanya sekadar beli dan jual juga tanah, kita bangunkan tanah-tanah dengan perumahan, perkilangan dan sebagainya dan ini adalah merupakan perancangan masa depan yang sedang berjalan dan juga masa hadapan kita fokuskan. Begitu juga dengan perladangan yang merupakan salah satu daripada punca utama juga pendapatan kita, perladangan sawit dan juga getah.

Begitu juga dengan kewangan Islam yang mana kita melihat di belakang kita dengan kekuatan Bank Islam yang Tabung Haji merupakan mereka yang menguasai Bank Islam. Begitu juga infrastruktur dalam bentuk prasarana awam termasuk yang melibatkan pembinaan jalan, lebuhraya dan sebagainya, Tabung Haji sedang melihat. Ini merupakan punca-punca kelestarian kalau sekiranya ada di sana peluang untuk kita terlibat membangunkan lebuhraya dan di sana ada ruang untuk kita mendapat peluang ini dengan konsesi dan sebagainya, kita merasakan ini merupakan kelestarian yang boleh membantu Tabung Haji di masa hadapan dan seterusnya juga kita melihat kepada tenaga yang boleh diperbaharui dalam bidang-bidang pembekalan, solar dan sebagainya, tenaga-tenaga yang boleh diperbaharui ini boleh memberikan punca pendapatan yang boleh memberikan tempoh masa yang panjang bagi pendapatan.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat, kita masih begitu fokus secara serius untuk dapat kita bangunkan walaupun kita tidak dibenarkan membeli tanah di Makkah dan juga di Madinah, tetapi mungkin kita ada JV dalam urusan kita bekerjasama dengan pihak Kerajaan Arab Saudi untuk membangunkan kawasan untuk penempatan bagi jemaah haji Malaysia dan juga termasuk musim-musim umrah pada tempoh sewaan ataupun perjanjian yang mengambil

masa yang agak panjang sedikit, mungkin *50 plus 50* ataupun 100 tahun dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan untuk soalan berkaitan Tabung Haji ini. Kita tahu bahawa Tabung Haji tidak dapat dinafikanlah merupakan sebuah institusi kewangan Islam dan juga pengurus dana Islam yang terbesar dalam negara kita ini dan untuk berlaku adil, saya kira walaupun dividen untuk tahun 2016 ini agak kurang berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu lima persen, tahun ini 2016, 4.25 persen. Namun saya rasa berbanding dengan institusi yang lain khususnya yang melibatkan umat Islam, Tabung Haji masih lagi mampu untuk menjaga kepentingan pendeposit dan sebagainya. Saya difahamkan bahawa dengan pendeposit 9 juta, dananya RM62 bilion dan kita masih lagi boleh memberikan bonus dan sebagainya.

■1030

Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, sama ada dalam negara kita ataupun di dunia, sekarang ataupun mungkin masa akan datang, adakah Tabung Haji masih lagi boleh menjamin beberapa perkara? Antaranya kemudahan pendeposit yang merupakan jemaah haji yang menunaikan haji setiap tahun itu tidak akan berkurangan ataupun terjejas. Yang keduanya, yang tadi mungkin telah dijawab oleh Yang Berhormat iaitu jaminan terhadap simpanan pendeposit itu sendiri walau ekonomi berada dalam keadaan macam mana pun. Ketiganya, adakah dijamin ada perkiraan atau diambil kira pelaburan Tabung Haji itu sendiri dalam sektor yang mungkin mempunyai risiko-risiko yang tinggi? Jadi, mohon penjelasan di situ. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Berkaitan Tabung Haji tadi, ya memang betul kita mempunyai pendeposit yang untuk pergi haji sahaja Yang Berhormat. Yang simpan untuk bukan pergi haji tetapi dia menunggu untuk mendapat hibah. Dulu ini dia kata dapat dividen dan bonus tetapi kita sebutkan hibah ialah lebih daripada sembilan juta orang. 2.5 juta ini ialah yang memang dia senaraikan untuk pergi haji. Ada sedikit boleh saya sebutkan sebagai tanda-tanda baik sikit sebab daripada 2.5 juta ini, oleh kerana penambahan baru yang diberikan oleh *King Salman* semasa lawatan ke Malaysia, ini boleh saya katakan *wow factor* kehadirannya ialah dulu ini 2.5 juta kena menunggu 102 tahun.

Tempoh menunggu ialah 102 tahun tetapi dengan penambahan daripada 22,320, ia telah mula memendekkan tempoh menunggu sebanyak 89 tahun. Jadi Yang Berhormat, walaupun nampak macam ada pengurangan tetapi pengurangan dalam kadar yang ya lah, kita masih lagi bersyukur iaitu lebih kurang dalam tempoh 13 tahun. Maknanya, ada orang yang dia terpaksa lagi 13 tahun hendak pergi tetapi oleh kerana tempoh penambahan diberikan, dia tahun depan sudah boleh dapat dah. Ada yang dua tahun, ada sampai 13 tahun, ini di antara tempoh.

Balik kepada soalan Yang Berhormat tadi iaitulah yang pertamanya berkenaan tentang adakah pendeposit-pendeposit yang menyimpan ini, termasuk sembilan juta tadi, dia tak

terjejas. Ini merupakan komitmen yang ditanggung, Tabung Haji mengambil tanggungjawab yang begitu tinggi dengan integriti dan sebagainya untuk menjaga pendeposit-pendeposit ini, termasuk 2.5 juta dan sembilan juta lebih yang menyimpan untuk menanti pulangan dalam bentuk hibah.

Keduanya, macam saya sebutkan awal bahawa jaminan kepada pendeposit ini ialah nama simpanan akad yang dilakukan ialah *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Dalam erti kata mudah ialah ia simpanan yang dibenarkan untuk Tabung Haji menguruskan dana tersebut untuk tujuan pelbagai tetapi satu sen pun ia tetap dijamin oleh pihak kerajaan yang dinamakan dengan *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Ketiganya ialah tentunya pelaburan dalam bidang risiko sebagaimana Yang Berhormat sebutkan. Sebenarnya Yang Berhormat, selain daripada ya, apa pun memang terdedah. Ada risikonya sendiri dalam konteks perniagaan.

Akan tetapi dalam mengurangkan risiko-risiko ini Yang Berhormat, kita telah pun mengadakan pelbagai lapisan penapisan sebelum kita sama ada pelaburan, sama ada pembelian hartanah, di mana pihak penapisan yang telah dibuat ada empat ke lima tapisan-tapisan yang dibuat dalam menentukan risiko. Termasuk dalam kumpulan yang dilantik tersebut, jawatankuasa dipanggil penapisan risiko ataupun mengurangkan kesan risiko daripada terdedah. Kebiasaannya Tabung Haji tidak mengambil risiko-risiko untuk melabur pada cadangan-cadangan yang pihak penapisan jawatankuasa ini bahawa ianya mempunyai risiko yang tinggi. Jadi, tentu ada risiko, namun kita tidak memilih untuk berada pada tempat yang mempunyai risiko yang tinggi. Terima kasih.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Sebelum saya memberi soalan no.3 saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pekan kerana telah berjaya membawa dua orang nelayan balik. Ini menunjukkan bahawa walaupun ia kecil tetapi dianggap besar. Selagi mana rakyat kita berada dalam keadaan susah, Perdana Menteri kita bersedia untuk membantu di mana mereka.

3. Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, berapakah jumlah keseluruhan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) yang telah dijual, dan berapakah lagi jumlah yang akan dibina.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:
Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca selawat]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, itulah Kerajaan Malaysia yang sebenarnya. Kita prihatin kepada rakyat dan kita akan pastikan bahawa rakyat didahulukan dan kita harap rakyat akan terus hidup selama-lamanya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, di bawah Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan atau RUMAWIP, Kementerian Wilayah Persekutuan menyasarkan sebanyak 80,000 unit rumah mampu milik akan dibina di Wilayah Persekutuan menjelang tahun 2020.

Bermula daripada tahun 2013 sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 11,627 unit melibatkan 19 projek telah dijual. Daripada jumlah tersebut, 3,802 unit telah siap dibina dan

diduduki. 6,990 unit telah menandatangani perjanjian jual beli, manakala baki 835 unit pula sedang di peringkat memuktamadkan perjanjian jual beli. Selain itu, terdapat 14,238 unit yang melibatkan 23 projek sedang dalam pembinaan dan di peringkat akhir saringan permohonan. Projek-projek ini dijangka siap antara tahun 2017 hingga 2020, manakala sebanyak 25,308 unit melibatkan 43 projek telah mendapat kelulusan perintah pembangunan dan 26,138 unit yang melibatkan 44 projek lagi sedang di peringkat pertimbangan Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat atau *one-stop centre*, dengan izin, OSC.

Kesemua projek yang ditawarkan tersebut melibatkan harga jualan antara RM198 ribu hingga RM300 ribu di Kuala Lumpur. Di kawasan seperti di Labuan, harganya bermula di bawah RM157 ribu seunit. Ini menunjukkan inisiatif RUMAWIP yang dilaksanakan oleh kementerian dengan kerjasama agensi-agensi telah diterima baik oleh rakyat dalam mendapatkan kediaman pada harga yang mampu dimiliki. Sekian.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana berjaya memulus pemaju-pemaju untuk terus membina rumah mampu milik di kawasan-kawasan yang mana kadang-kadang menerima tentangan. Soalan saya ialah, Bank Dunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengatakan bagi menilai pasaran rumah mampu milik di bandar, ianya mestilah mempunyai isi rumah boleh membiayai iaitu membuat pembelian kurang daripada tiga kali pendapatan tahunan. Ia mencadangkan harga rumah adalah sebanyak RM165 ribu di dalam bandar ini.

Soalan saya, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus membina rumah bagi maksud kategori RM165 ribu di dalam bandar ini? Keduanya ialah disebabkan Wilayah Persekutuan ini, permohonan untuk menyewa adalah sebanyak 40 ribu hingga 50 ribu orang, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan bercadang melalui RUMAWIP ini untuk membina lebih banyak lagi rumah untuk disewa? Pada saya, penyewaan rumah generasi kedua yakni lebih daripada 650 untuk disewakan kepada pemohon-pemohon ini. Minta penjelasan.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Setiawangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, itulah perancangan yang sedang kita lakukan. Banyak orang tidak sedar bahawa Kuala Lumpur ini adalah satu bandar raya yang kecil, satu. Yang kedua, kita tidak mempunyai banyak tanah yang masih lagi boleh diguna pakai. Sekarang ini kita sedang berbincang dengan pihak-pihak agensi lain atau kementerian-kementerian lain, umpamanya yang tidak guna pakai tanah-tanah yang telah mereka simpan selama ini. Ada yang telah dibangkitkan konon kawasan-kawasan ini merupakan kawasan hijau tetapi yang sebenarnya kawasan-kawasan ini telah pun diberi kepada agensi-agensi untuk membangunkan, umpamanya balai polis ataupun balai bomba ataupun sekolah dan sebagainya.

■1040

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga yang kita jual di Kuala Lumpur ini mengikut kategori-kategori yang tertentu. Saya sebut tadi RM198,000. Sebenarnya ada juga rumah yang kita jual dengan harga RM42,000. Ada juga rumah yang kita telah bincang dengan pihak pemaju bersama dengan pihak pemilik yang telah beli rumah tersebut dengan harga

RM35,000, RM25,000 dengan Dewan Bandaraya dahulu dengan kadar yang kita *urban renewal* dengan mendapat jumlah perumahan yang lebih dan kita beri pulangan kepada pemilik tersebut dengan secara percuma. Seperti apa yang berlaku di Kerinchi Residensi dan ada lagi tiga atau empat tempat yang akan berlaku sedemikian rupa di mana kita akan biayai *one-to-one free* dengan keluasan tidak kurang daripada 800 kaki persegi.

Saya ambil perhatian apa yang Yang Berhormat telah sebut dan memang betul apa yang Yang Berhormat telah sebutkan tadi bahawa apa yang kita hendak laksanakan adalah satu kaedah di mana kita campurkan pendapatan isi keluarga iaitu kedua-dua suami dan isteri kalau bekerja, supaya mereka dapat membiayai pinjaman yang telah ditetapkan oleh pihak bank.

Berkenaan dengan rumah *council home* ataupun rumah disewa. Kita sedang merancang untuk membangunkan satu kawasan di Sungai Udang di Segambut di mana kita akan bangunkan lebih kurang dalam 600 unit rumah untuk disewa tapi dengan kadar berbeza daripada rumah PPR.

Satu lagi yang telah diarahkan oleh saya, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini prihatin terhadap masalah perumahan khususnya untuk anak muda, jadi kita juga akan bangunkan satu lagi rumah *council home* di Sungai Besi untuk disewakan khususnya kepada anak-anak muda graduan yang baru keluar dan baru bernikah dengan harga berpatutan, bukan dengan harga PPR, tapi unit-unit ini berbeza daripada PPR.

Umpamanya di Sungai Udang, dia seperti *condo living*. Dia mempunyai *swimming pool*, mempunyai segala-galanya kemudahan tetapi rumah itu dimiliki oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, akan disewa dengan harga, sekarang ini kita sedang fikirkan di antara harga RM300 ke RM500 sebulan. Untuk anak-anak muda di Sungai Besi, kadar yang kita juga sedang fikirkan di antara RM300 dengan RM500 sebulan. Ini *council home* yang akan kita bangunkan.

Saya juga sedang meneliti kawasan-kawasan lain seperti di Taman Mutiara di Wangsa Maju untuk kita bangunkan perumahan *council home* kerana kita hendak bangunkan semula kawasan tersebut dan saya telah maklumkan kepada pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya dijual kepada penduduk, dan selebihnya dibangunkan untuk *council home* supaya kita dapat menyewakan rumah-rumah yang lebih baik dan rumah-rumah yang boleh dihuni kepada masyarakat khususnya anak-anak muda.

Selain daripada itu, kita juga mempunyai satu program tetapi Yang Berhormat telah sebutkan tadi, berkenaan dengan banyak orang sedang menunggu untuk mendapat rumah PPR. Program yang telah saya arahkan ialah tiap-tiap malam, sebenarnya sudah tiga empat bulan lepas, saya telah arahkan semua pegawai-pegawai saya untuk meneliti tiap-tiap rumah PPR yang sedang dan telah disewakan. Kita telah minta balik rumah-rumah yang kalau penghuni rumah tersebut bukan seperti apa yang tertera apabila mereka hendak menyewa daripada DBKL. Ini telah kita laksanakan dan *insya-Allah*, kita akan ambil balik rumah-rumah ini dan kita akan agihkan kepada penghuni-penghuni yang memerlukan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat mengurangkan lagi beban ke atas Ahli Parlimen kerana dikerumuni para pemohon dan bolehkan kriteria itu disesuaikan?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Untuk Ahli Yang Berhormat, kriteria yang kita tetapkan mudah saja, Yang Berhormat iaitu tidak menyusahkan. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat adalah salah satu Ahli Parlimen yang langsung tidak bersuara ataupun tidak memekik seperti apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Seputeh di mana kawasan Yang Berhormat telah kita bangukan rumah PPA1M, RUMAWIP dan sebagainya dan saya bersedia untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat jika ada permasalahan-permasalahan yang bangkit dengan pengundi-pengundi Yang Berhormat.

Kriteria yang telah kita tetapkan, untuk makluman Yang Berhormat, pemohon mestilah warganegara Malaysia, berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ketika permohonan dibuat. Itu yang pertama. Pendapatan kasar isi rumah bagi pemohon individu, bujang atau tidak berkeluarga hendaklah tidak lebih daripada RM10,000 sebulan manakala berkeluarga tidak lebih daripada RM15,000 sebulan. Keutamaan permohonan diberi kepada pemohon yang belum memiliki rumah di Wilayah Persekutuan. Keutamaan permohonan diberi kepada pemohon yang bekerja atau bermastautin di Wilayah Persekutuan semasa permohonan dibuat. Sekatan penjualan, *we got a moratorium*, dengan izin, selama 10 tahun. Ini kerana kita tidak mahu spekulasi dalam hartanah berlaku.

Selain daripada itu, pembeli hendaklah mendiami rumah yang dibeli dan tidak boleh disewakan. *That's the reason why*, dengan izin, untuk makluman Yang Berhormat, kriteria-kriteria ini yang kadang-kadang melambatkan untuk kelulusan ini kerana bila kita buat *online checking*, kita sudah tahu sudah bahawa dia ini ada rumah yang mereka sudah beli rumah tempat lain tapi dia hendak beli rumah ini juga. Jadi ini masalah-masalah yang sedang dibangkitkan. Ketua isi rumah layak memiliki satu unit rumah mampu milik sahaja di Wilayah Persekutuan. Itu yang kita tetapkan.

Tapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika Ahli Yang Berhormat perlukan penjelasan seterusnya atau perlukan bantuan, kita ada kaunter yang di bawah lobi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana Yang Berhormat boleh minta pembeli tersebut untuk menanyakan segala persoalan.

Dan RUMAWIP-RUMAWIP ini kita tidak hadkan untuk Melayu kah, Cina kah, India tapi ini adalah untuk rakyat Malaysia kerana negaraku Malaysia. Itu yang kita harapkan. Terima kasih.

4. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, langkah ke arah memperkasakan kerjasama ekonomi dalam kalangan negara OIC bagi mengimbangi kekuatan perdagangan negara-negara kuasa besar dunia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Pasir Mas. Malaysia telah terlibat dalam hubungan ekonomi bersama Negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam, *Organization of Islamic Cooperation* (OIC), dengan izin, walaupun sebelum menyertai pertubuhan tersebut pada tahun 1969. Hubungan antara Malaysia dengan negara-negara OIC dalam bidang ekonomi terus rapat dan jalinan perdagangan terus berkembang.

Jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara OIC pada tahun 2016 meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada RM145.18 bilion berbanding RM144.87 bilion pada tahun 2015. Dari jumlah ini, eksport ke negara-negara OIC telah meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada RM82.07 bilion manakala import adalah sebanyak RM63.11 bilion. Imbangan perdagangan turut menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2016 dengan pertumbuhan sebanyak 67 peratus kepada RM18.96 bilion berbanding RM11.37 bilion pada tahun 2015.

Hampir 70 peratus eksport Malaysia ke negara-negara OIC adalah ke Indonesia, Emiriah Arab Bersatu, Turki, Bangladesh dan Pakistan untuk tahun 2016. Antara barangan yang dieksport adalah minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit, kimia dan produk berasaskan kimia, produk petroleum, mesin, peralatan serta produk *electrical* dan elektronik.

Malaysia melaksanakan pelbagai usaha secara berterusan bagi memperkasakan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara OIC. Antara lain:

- (i) Malaysia telah menandatangani perjanjian perdagangan bebas FTA dengan Pakistan pada tahun 2007 dan Turki pada tahun 2014;
- (ii) mengadakan mesyuarat kedua Jawatankuasa Bersama Perdagangan dan Pelaburan dengan Indonesia;
- (iii) mengadakan rundingan tahunan dengan Indonesia dan Brunei Darussalam;
- (iv) menandatangani Memorandum Persefahaman Perdagangan dan Pelaburan bersama Arab Saudi pada 27 Februari bersempena lawatan negara Raja Salman Abdulaziz Al Saud;
- (v) menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif dengan Mesir pada tahun 2013;
- (vi) menganjurkan misi galakan perdagangan dan pelaburan ke Arab Saudi dan Qatar pada 7 hingga 10 November 2016, ke Iran pada 22 hingga 25 Oktober 2016 susulan daripada penarikan semula sekatan ekonomi antarabangsa ke atas republik tersebut; dan
- (vii) menandatangani Perjanjian Tarif Berkeutamaan atau dengan izin, *Preferential Tariff Agreement* (PTA) dengan negara-negara anggota D8 iaitu *Developing-8 Organization for Economic Cooperation*, dengan izin, yang juga merupakan negara-negara ahli OIC iaitu Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Nigeria, Pakistan dan Turki.

■1050

Malaysia turut menyokong penuh pelaksanaan *Trade Preferential System among the Members State of the OIC (TPS-OIC)*, dengan izin, yang dijangka dapat memantapkan lagi

hubungan perdagangan intra OIC melalui keutamaan-keutamaan yang diberikan kepada negara-negara anggota seperti pengurangan tarif ke atas eksport barangan tertentu. Terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan panjang lebar dan saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berusaha untuk mengukuhkan lagi hubungan perdagangan antara negara-negara OIC.

Kita tahu bahawa kerjasama ekonomi di kalangan negara OIC ini adalah satu aspek yang amat penting yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Ini kerana ia bukan hanya mengukuhkan lagi hubungan ekonomi bahkan kita mampu mengukuhkan hubungan politik, hubungan keselamatan dan lebih penting sebagai *beginning tools* sebagai mengimbangi kuasa-kuasa besar. Negara-negara Islam hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sering menjadi topik isu-isu krisis perang dan kemanusiaan. Malangnya hubungan antara negara-negara Islam yang masih rapuh dan tiada kerjasama yang erat telah menjadi punca gagalannya penyelesaian yang diusahakan dengan cepat dan sempurna.

Saya mencadangkan kerjasama ekonomi yang diusahakan oleh pihak kerajaan hendaklah lebih bersifat lebih kepada aspek *complimentary* iaitu saling menyempurnakan di antara negara Islam dan bukan hanya bersifat saling bersaing di antara negara. Ini bagi mewujudkan suasana menang-menang dan saling memerlukan di antara negara-negara Islam.

Saya mahu pandangan pihak kementerian terhadap perkara ini dan bagaimana pelan strategik di teliti bagi mengatasi perkara tersebut sekali gus mewujudkan kerjasama mini literal di kalangan negara-negara OIC. Apakah wujud halangan-halangan daripada luar yang cuba menggagalkan usaha pengukuhan hubungan di antara negara-negara OIC ini? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Berhubung dengan hubungan politik, keselamatan, berkaitan kuasa-kuasa besar, halangan-halangan itu ialah MITI tidak terlibat dalam bab itu. Sebagaimana yang Yang Berhormat Pasir Mas sedia maklum, kita menumpukan kepada hubungan ekonomi. Saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Pasir Mas supaya hubungan ekonomi ini lebih kepada hubungan *win-win*, menang-menang, *complimentary*, bukan persaingan. Saya juga ingin memaklumkan di sini bahawa sebagai satu kumpulan negara perdagangan, negara-negara OIC ini adalah rakan kelima terbesar perdagangan antara Malaysia dan negara-negara di luar.

Pertama, ialah ASEAN. ASEAN itu jumlahnya 27 peratus daripada keseluruhan RM1.48 *trillion* perdagangan pada tahun sudah. Itu yang pertama. Kedua ialah negara China sebanyak 16.2 peratus. Ketiga, Singapura sebanyak 12.6 peratus, keempat *European Unions* sebanyak sepuluh peratus, OIC yang kelima, Yang Berhormat sebanyak 9.8 peratus dan keenam Amerika Syarikat sebanyak 9.2 peratus.

Jadi dengan lain perkataan, rakan dagang kelima terbesar ini adalah OIC dan kita akan terus melaksanakan kerjasama-kerjasama. Contohnya, agensi di bawah MITI iaitu MATRADE sentiasa mengadakan apa yang dipanggil sebagai *Export Acceleration Mission* (EAM) yang juga dalam bahasa Malaysia disebut Misi Lonjakan Eksport. Ini adalah untuk kita mewujudkan

misalnya industri minyak dan gas. Kita telah mengadakan hubungan dengan Iran, Nigeria, Brunei, industri pembinaan bahan binaan dengan Indonesia, industri *Maintenance Repair and Overhaul* (MRO) dengan UAE.

Pada ketika yang sama, kita juga mengadakan pameran perdagangan antarabangsa. Kita mengikuti pameran perdagangan antarabangsa yang dilaksanakan oleh negara-negara OIC. Sebagai contoh, *Al-Gawf Food*, *The Big Price Show*, *Arab Health* di Dubai, *Saudi Health* di Jeddah, *Tehran International Industry Exhibition* di Tehran dan *IndoBuildTech Expo* di Indonesia. Selain daripada itu, hubungan kita selain daripada misi lonjakan eksport, selain daripada pameran perdagangan antarabangsa, ada satu lagi misi dengan negara-negara Islam ini iaitu melalui *Islamic Development Bank* (IDB) dan apa yang kita lakukan dengan MATRADE ialah bekerjasama meliputi pembangunan, perdagangan, industri penyelidikan, industri teknologi maklumat dan juga pembangunan industri halal. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkembangan ekonomi negara-negara Islam OIC dijangkakan pada tahun 2017 mencecah *USD12.5 trillion purchasing power parity*. Maknanya dekat sini, ia mempunyai daya beli yang tinggi. Ini bertambah sebanyak 45 peratus sejak tahun 2012. Ini satu peningkatan yang amat besar dan saya hendak tanya kementerian. Adakah kita merupakan negara yang menerajui industri hab halal. Jadi dengan potensi besar ini, apakah kita bercadang untuk bekerjasama dengan OIC untuk mengetengahkan lagi produk-produk halal ini. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Negara-negara OIC ini ada 57 buah negara dan ia meliputi penduduk sejumlah 1.6 bilion orang-1.6 bilion penduduk di seluruh dunia. OIC, 57 buah negara itu 1.6 bilion penduduk. Kalau kita campurkan dengan umat Islam yang lain, berjumlah 1.8 bilion potensi industri halal sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. Pada 27 Februari baru ini, kita menandatangani tujuh MoU. Dengan Arab Saudi sebagai contoh. Salah satu daripada MoU itu adalah melibatkan industri halal dan kita akan terus membuat susulan-susulan kepada negara-negara OIC yang lain. Dari segi perkembangan industri halal ini, kita ada agensi *Halal Industry Development Corporation* (HDC) di bawah MITI dan kita sering bekerjasama dengan JAKIM bagi memastikan *certification* ataupun persijilan itu boleh kita peroleh.

Jadi usaha-usaha kita ini akan diteruskan dengan dari segi sebagaimana yang saya sebut tadi antaranya kerjasama dengan IDB untuk memastikan pertambahan dari segi lonjakan industri halal. Terima kasih.

5. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, sejauh manakah kerajaan telah bersedia dari aspek penyelidikan dan inovasi untuk menggunakan getah dalam pembinaan jalan raya dan apakah manfaatnya untuk pekebun kecil dan lebuhraya.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mohon menjawab

soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Tebrau bertarikh 30 Mac 2017 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama iaitu *rubberize road*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyelidikan awal mengenai jalan raya berasaskan getah beku telah dilaksanakan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) sejak 2014. Hasil kajian menunjukkan jalan menggunakan campuran bitumen dan getah beku ataupun *cuplump modified bitumen* (CMB) memberikan prestasi yang lebih baik berbanding bahan binaan konvensional. Untuk menguji ketahanan dan prestasi jalan CMB, LGM telah membina jalan perintis CMB yang pertama sepanjang satu kilometer di jalan utama Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi, Johor pada Disember 2014. Hasil daripada pemantauan selama dua tahun menunjukkan ketahanan dan keadaan jalan berada pada tahap yang baik.

Kelebihan jalan berasaskan CMB dapat meningkatkan ketahanan jalan dari segi rintangan keretakan permukaan jalan, penuaan, kelesuan, rintangan gelincir yang baik dan mengurangkan bunyi. Peningkatan ketahanan jalan akan dapat mengurangkan kos penyelenggaraan dalam jangka masa panjang. Di samping itu, keadaan permukaan jalan yang baik dan pengurangan tahap bunyi akan memberi keselesaan pemanduan kepada pengguna.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, LGM telah menandatangani memorandum perjanjian bersama Jabatan Kerja Raya pada tahun 2015 untuk bekerjasama dalam membina lima kilometer jalan perintis bagi menguji ketahanan dan prestasi jalan CMB. Sehingga kini, tiga kilometer jalan di tiga lokasi berbeza telah diturap menggunakan CMB iaitu satu kilometer setiap satu di Gemencheh, Negeri Sembilan, Baling, Kedah dan Temerloh, Pahang. Pada tahun 2017, dua kilometer jalan perintis akan diturap di Kota Bharu, Kelantan. Bagi projek jalan yang telah siap diturap, pemantauan sedang dilakukan dan keputusan ujian menunjukkan prestasi jalan di tahap yang baik.

Pemilihan jalan perintis di lima lokasi dibuat atas beberapa faktor seperti berikut:

- (i) kadar dan jenis trafik;
- (ii) rekod kerosakan lalu dan kerosakan semasa yang berlaku pada jalan;
- (iii) keselamatan penggunaan jalan;
- (iv) prestasi jalan; dan
- (v) keperluan kajian ujian dan pengumpulan data.

Faktor-faktor dalam memilih lokasi projek perintis ini adalah penting bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Selain itu, bagi membolehkan penyelenggaraan dilaksanakan melalui proses penurapan jalan, faktor keselamatan juga merupakan salah satu faktor penting yang ditetapkan kerana kelebihan jalan yang menggunakan CMB ialah dapat meningkatkan keselamatan jalan melalui tahap prestasi yang tinggi dan peningkatan cengkaman tayar di dalam keadaan jalan basah.

Perbandingan dalam pembinaan jalan CMB menunjukkan terdapat peningkatan kos di peringkat permulaan sebanyak hampir 15 peratus berbanding jalan konvensional. Peningkatan kos tersebut adalah berdasarkan kepada penggunaan bahan getah sebanyak lima peratus di

dalam CMB. Walaupun kos pembinaan awal adalah tinggi berbanding jalan konvensional namun kos penyelenggaraan dapat dijimatkan pada anggaran 40 peratus setahun. Ini disebabkan oleh daya ketahanan jalan CMB yang lebih tinggi. Kos-kos ini adalah penting bagi memastikan kos kitaran hayat projek turapan jalan menggunakan CMB adalah benar-benar efektif dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mensasarkan sebanyak 10 peratus daripada jumlah pengeluaran getah digunakan sebagai bahan campuran untuk pembinaan jalan raya. Berdasarkan kajian oleh LGM, 4.2 tan *cup lumps* diperlukan untuk turapan satu kilometer jalan. Pendekatan ini dapat membolehkan peningkatan permintaan pasaran getah domestik dan seterusnya membantu menstabilkan harga getah. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagan Serai merasakan ini satu program yang sangat penting dan kerajaan patut mengambil perhatian yang lebih serius kerana ia bakal mengubah nasib pekebun-pekebun kecil. Jika kita lihat penilaian projek-projek perintis ini, penyelidikan dan inovasi, kalau berjaya menghasilkan impak yang baik, mungkin ini menjadi satu ciptaan pertama di dunia berkenaan jalan menggunakan getah ini dan kita dapat eksport teknologi ini dan memberikan kebaikan kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan raya di negara kita ini, jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung, lebu-lebu raya malah Lebuhraya Pan Borneo sendiri yang melebihi 1,000 kilometer menanti-nantikan getah ini. Cuba kita bayangkan betapa banyak sumber getah yang diperlukan untuk program ini.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan bersedia untuk membangunkan kapasiti nasional untuk membekalkan getah ini dalam pembinaan pelbagai jalan-jalan raya. Adakah dijangka keadaan ini dapat menstabilkan komoditi ini dan seterusnya dapat mengubah nasib pekebun-pekebun kecil dan menjadikan kemiskinan ini satu sejarah dalam kehidupan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Memang adalah dasar kerajaan untuk amat prihatin dengan keadaan kehidupan para pekebun kecil getah. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan harga getah itu stabil supaya pekebun-pekebun kecil boleh hidup selesa seperti juga rakyat yang lain. Usaha untuk menggunakan getah ataupun *natural rubber* ini sebagai bahan kepada membina *rubberized road* adalah tujuannya untuk memastikan penggunaan getah itu diperlukan, *natural rubber* itu diperluaskan untuk membina jalan.

Ini telah dilaksanakan dan kita menjangka, LGM menjangka atau kementerian menjangka bahawa dengan penerimaannya getah sebagai satu bahan untuk membina jalan akan pasti menstabilkan harga komoditi ini di pasaran dan dengan itu akan memberi keuntungan yang lebih baik kepada pekebun-pekebun kecil. Kerajaan memang bersedia untuk memastikan kesediaan bila keperluan apabila penggunaan getah ini telah diterima pakai dalam membina jalan di Malaysia, kerajaan akan memastikan bekalan akan mencukupi untuk penggunaan bahan getah untuk digunakan sebagai jalan raya. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Getah ini dengan Baling amat signifikan sebab pengeluaran getah yang terbesar dalam negara kita adalah datangnya daripada kawasan Parlimen saya. Persoalan saya kepada Timbalan Menteri, perkara ini kita telah bincang begitu lama berkaitan dengan NBOS, bagaimana cara kaedah dapat kita guna pakai untuk membuat jalan raya, perabot dan sebagainya. Akan tetapi persoalan saya pada hari ini, bilakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bersiap sedia dan boleh memberi jaminan dan laporan dalam Dewan yang mulia ini.

Sesungguhnya kita hendak membantu penoreh-penoreh getah ini sebab hari ini harga getah *alhamdulillah*, kita harap ia bertahan tetapi kalau tidak ada *window-window* yang lain untuk kita memperkasakan produk getah ini, maka saya khuatir suatu masa nanti harga getah jatuh balik dan rakyat akan susah balik di akar umbi dan akhirnya kerajaan sendiri kena datang tampung membantu mereka. Jadi persoalan saya, bila dan saya minta ada *time frame* nya kementerian, Yang Berhormat Menteri sendiri dan NBOS dengan kementerian-kementerian lain untuk memastikan perkara yang kita sebutkan selama ini akan dapat direalisasikan, akan menjadi kenyataan khususnya untuk rakyat luar bandar yang tetap menjadi *fixed deposit*-penyokong tegar Barisan Nasional. Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Kajian sebenarnya sudah hampir ke penghujungnya dan data-data yang diperoleh dan bukti-bukti telah menunjukkan bahawa memang amat sesuai sekali getah ini digunakan sebagai satu bahan untuk membina jalan raya tetapi kajian ini dibuat bersekali dengan JKR, Kementerian Kerja Raya. Jadi perbincangan demi perbincangan telah dilaksanakan dan saya menjangkakan ia akan diputuskan dalam tempoh masa yang terdekat ini. Cuma saya tidak boleh beri tarikh yang tepat tetapi kajian telah hampir penghabisan, telah penghujungnya dan saya rasa ia akan dibuat- pengumuman-pengumuman tertentu akan dibuat dalam tempoh masa yang terdekat ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, soalan getah ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Soalan tambahan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena pun sinonim dengan getah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin.

6. **Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sama ada pihak kementerian memberi jaminan polisi terhadap wanita-wanita hamil yang memohon kerja untuk tidak ditolak tawarannya hanya kerana mendedahkan status kehamilannya.

■1110

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang, sebelum saya mulakan jawapan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya ucapkan selamat datang kepada guru-guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Temin, Jerantut, Pahang... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Ampang, Malaysia sebuah negara yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi. Kerajaan memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih bidang dan jenis pekerjaan yang mereka inginkan, tidak menyekat atau memaksa mana-mana pekerja untuk bekerja di mana-mana premis pekerjaan serta tidak memaksa mana-mana majikan untuk menerima mana-mana kategori pekerja atau mengecualikan mana-mana kategori pekerjaan daripada diterima bekerja.

Kriteria kelayakan akademik, pengalaman yang diperlukan mengikut kategori pekerjaan dan kriteria yang diinginkan yang bersesuaian dengan jawatan ditawarkan tanpa sebarang sekatan dari segi warna kulit, pegangan agama, keturunan, tiada sebarang undang-undang yang memperuntukkan bahawa mana-mana majikan yang tidak mengambil wanita hamil bekerja sebagai suatu kesalahan. Walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara majikan untuk mengambil atau tidak mana-mana kategori pencari kerja tetapi tidak melakukan diskriminasi.

Walaupun bagaimanapun, tiada sebarang peruntukan dalam mana-mana akta Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja, tetap akan mengambil aduan yang dibuat oleh pihak pekerja dan akan menyiasat setiap aduan yang dilaporkan. Sekiranya, aduan tersebut didapati berasas, majikan diminta supaya tidak mengamalkan diskriminasi dalam pemilihan calon bekerja terutama mengikut gender.

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia dari tahun 2014 hingga 2016, Jabatan Tenaga Kerja hanya menerima satu aduan mengenai keengganan majikan untuk menggaji wanita bertudung. Hasil siasatan didapati isu ini adalah berasas dan majikan telah diberi amaran dan nasihat yang sewajarnya supaya tidak mengamalkan diskriminasi begini.

Kementerian Sumber Manusia menerusi Akta Kerja 1955 sentiasa menjaga kebajikan pekerja termasuk pekerja wanita yang hamil. Akta ini memperuntukkan beberapa faedah yang akan dinikmati oleh pekerja wanita yang melahirkan anak. Antaranya, cuti bersalin bergaji sebanyak 60 hari jika pekerja wanita itu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) hamil sekurang-kurangnya 22 minggu;
- (ii) tidak mempunyai lima atau lebih anak yang masih hidup;
- (iii) telah diambil bekerja oleh majikannya bagi satu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah tidak kurang daripada 90 hari dalam masa sembilan bulan sebelum saja dia bersalin;

- (iv) telah diambil bekerja oleh majikannya pada bila-bila masa dalam tempoh empat bulan sebelum sahaja dia bersalin; dan,
- (v) majikan telah dimaklumkan mengenai kehamilan pekerja berkenaan.

Selain itu, seksyen 42 Akta Kerja 1955 juga memperuntukkan sekatan ke atas pemecatan pekerja wanita selepas tempoh kelayakan bagi memastikan pekerja wanita semasa cuti bersalin tidak diberhentikan kerja oleh majikan. Akta Kerja 1955 turut memperuntukkan bahawa mana-mana majikan yang tidak mematuhi peruntukan berkenaan perlindungan kepada pekerja wanita semasa cuti bersalin akan dikenakan penalti atau denda tidak melebihi RM10,000. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak khuatir tentang isu wanita yang sudah bersalin, tentang cuti bersalin dan sebagainya kerana sudah ada ketetapan dan ada polisi. Akan tapi apa yang saya khuatirkan tadi seperti apa yang dikata Menteri, ketika ini bila ada persoalan ataupun aduan mengenai diskriminasi kepada seorang wanita yang hamil di tempat bekerja, dia berlandaskan *discretion* ataupun budi bicara majikan-majikan.

Jadi tidakkah kementerian fikir mesti ada satu ketetapan yang kita harus mengkaji dan mengeluarkan satu polisi agar wanita yang hamil, yang minta kerja, tidak di diskriminasi. Kalau kita lihat daripada *research* ataupun kajian yang telah dibuat oleh WAO, 90 peratus wanita menghadapi diskriminasi di tempat kerja. Di mana, termasuk 40 peratus dia dihalang, dilengah-lengahkan untuk kenaikan pangkat dan ada juga yang ditolak permohonan mereka 20 peratus, 30 peratus, terpaksa melengah-lengahkan perancangan mereka untuk mengandung.

Jadi walaupun Malaysia mengamalkan satu Akta Kesamarataan Gender tapi ia tidak mencukupi untuk melindungi orang perempuan yang kita lihat ada beberapa kes seperti kes yang *landmark* yang mana saudari Fadilla telah digugurkan tawarannya kerana bila majikan Kementerian Pendidikan mendapati bahawa beliau mengandung. Jadi saya faham guru-guru di sini. Jadi agar guru-guru wanita terutamanya, agar mereka tidak diskriminasi kerana ini perlu untuk kita menjadi sebuah negara maju.

Satu akta *Pregnancy Discrimination Act* harus difikirkan untuk dilaksanakan di Malaysia ini kerana kalau kita hendak wanita bersama-sama maju dalam menyumbang ekonomi negara, maka kita sudah mesti fikirkan satu progresif polisi seperti negara-negara maju agar wanita tidak di diskriminasi kerana Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, diskriminasi *to woman is discrimination to the nation*. Kalau wanita itu diskriminasi, maka bangsa itu juga diskriminasi kerana tidak dapat maju untuk mencapai, kononnya kita uar-uarkan sampai negara maju tahun 2020, nak ada *high income nation* dengan keadaan ekonomi yang amat merisaukan rakyat, jadi orang perempuan tetap kena turut menyumbangkan ekonomi negara.

Jadi saya harap kementerian lebih serius untuk melihatkan perkara ini, menyemak, mengkaji dan sudah tiba masanya untuk Malaysia melaksanakan undang-undang yang khususnya untuk orang perempuan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Ampang di atas keprihatinan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, semakan semula Akta 265 dan akta perburuhan sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian secara holistik dan berperingkat oleh pihak kementerian dan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

Konvensyen-konvensyen *International Labour Organization* (ILO) dengan izin, berkaitan dan juga amalan-amalan semasa yang dikuatkuasakan di bawah undang-undang buruh negara maju juga diberi perhatian dalam usaha memberi perlindungan terbaik kepada pekerja wanita. Saya ingat terima kasih atas pandangan Yang Berhormat dan *insya-Allah*, saya tidak akan benarkan diskriminasi dilakukan kepada pekerja wanita.

Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja akan menjalankan siasatan kepada mana-mana syarikat sekiranya terdapat kes yang melibatkan diskriminasi. Yang Berhormat, kalau ada kes-kes ini, *please come to us*. Tolong, dengan izin, datang kepada kita, buat laporan dan kita akan buat siasatan. Kita tidak akan benarkan diskriminasi dilakukan terhadap pekerja-pekerja kita termasuk wanita dan termasuk mereka yang hamil dan juga bersalin.

Hak pekerja wanita yang dinafikan penggajian di bawah peruntukan undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan oleh jabatan. Sekiranya pekerja wanita ditamatkan pekerjaan atas alasan hamil, sekiranya perkara itu satu tindakan yang dianggap tidak adil dan patut pekerja wanita boleh memfailkan di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan, JPP untuk bekerja semula dengan jawatan asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kita mempunyai tenaga kerja ataupun *workforce* sekarang ini ada 14.7 juta dan kita ada pekerja lelaki 9 juta, 5.6 juta wanita dan kita ada jumlah pengangguran sekarang Tuan Yang di-Pertua, ialah 3.5 peratus masih rendah, 209,000 adalah terdiri daripada wanita. Kita ada 1.9 juta pekerja asing, lebih kurang *plus minus* yang *legal*. Saya nak menyeru kepada wanita-wanita dan juga penganggur walaupun penganggur ini tidak penganggur yang semata-mata menganggur malas tetapi oleh kerana sebahagian mereka mencari pekerjaan baru dan sebagainya, jadi kita nak menyeru supaya peluang ini direbut oleh wanita-wanita.

Banyak faedah yang telah pun disediakan oleh kementerian, oleh kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Wanita dan lain-lain kementerian dalam kita nak menggalakkan supaya pencapaian tahap 55 peratus penglibatan wanita dalam pekerjaan di negara ini dapat kita dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada 130,000 kurang lebih, ekspatriat ataupun pegawai dagang yang harus direbut oleh anak-anak bangsa kita dan ambillah peluang ini supaya kita tidak izinkan pekerja asing terus berada di negara kita sedangkan peluang itu harus direbut oleh kita sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya di sini, berdasarkan statistik daripada *Women's Aid Organisation*, ramai wanita menjadi mangsa kepada diskriminasi akibat kehamilan mereka tidak tahu saluran yang boleh mereka lakukan laporan mereka ataupun mereka khuatir *they will be*, dengan izin, *blacklisted that their names will be shared among other employers, so they would not find employment in other places*. Saya ingin tahu, apa inisiatif yang telah diambil atau akan diambil oleh pihak kementerian untuk, dengan izin, *roadshow for example* untuk memberi *awareness* kepada *employer* dan *employee* mengenai hak-hak mereka terutama sekali untuk wanita dan wanita yang hamil?

■1120

Setakat ini adakah *road show* atau *awareness* ini ada kesan yang positif atau masih lagi ada ruang-ruang yang boleh diperbaiki? Mohon menjawab. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan yang juga seorang wanita dan prihatin di atas kewanitaan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mungkin di peringkat dunia banyak *discriminate* berlaku. Akan tetapi seperti mana yang saya sebutkan tadi, yang menghantar laporan kepada kita dan kita dapat kesan adalah setakat ini satu dalam tahun 2014 sehingga tahun 2016. Saya amat mengalu-alukan peranan Yang Berhormat sama ada di Barisan Nasional atau sebelah sana. Janganlah kita berpolitik. Yang penting, bagaimana kita boleh membela masa depan pekerja-pekerja kita ini?

Oleh yang demikian, kalau ada maklumat daripada Yang Berhormat *please* datang kepada saya. Saya akan secara peribadi bersama Menteri saya dan seluruh kakitangan kita akan bekerja untuk pastikan tidak ada diskriminasi. Namun demikian, seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa kita sedang berusaha untuk mengemaskinikan akta-akta yang ada di dalam Kementerian Sumber Manusia termasuk Akta Kerja, akta yang lain-lain kita ada lebih kurang 21 akta di bawah kementerian yang mempunyai hubungan kait yang rapat dengan masalah pekerja termasuklah aspek diskriminasi kepada pekerja.

Namun begitu, sekiranya pekerja tidak berpuas hati terhadap tindakan disiplin diskriminasi majikan dan menganggap sesuatu tindakan penamatan yang terancang, tidak adil dan tidak patut. Maksudnya mungkin ada perancangan di peringkat industri ataupun majikan. Pekerja perlu merujuk dan memfailkan representasi untuk dipulihkan pekerjaannya ke jawatan asal dalam tempoh 60 hari di bawah seksyen 60 Akta Perhubungan Perusahaan. Sekiranya tidak ada penyelesaian diperoleh semasa runding damai, kes dirujuk kepada Menteri Sumber Manusia sama ada kes berkenaan perlu atau tidak dibicarakan di Mahkamah Perusahaan. Selain itu, pekerja juga boleh mengambil tindakan sivil di Mahkamah Majistret untuk memfailkan sebarang tuntutan terhadap isu berkenaan termasuk ganti rugi.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat jangan bimbang, kita akan melindungi pemberi maklumat ini. Kita juga akan pastikan dan bela pekerja-pekerja kita kerana pekerja ini bukan sahaja untuk mereka tetapi untuk keluarga mereka bahkan mereka menyumbang kepada ekonomi negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, mekanisme yang diguna-pakai oleh Kementerian dalam mengawal selia harga barang dan perkhidmatan, agar ia sentiasa mengikut kewajaran pasaran dan hak pengguna dijamin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam di atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan lima pertanyaan lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mukah dan Yang Berhormat Sipitang pada hari ini. Yang Berhormat Ipoh Timur pada 28 Mac 2017, Yang Berhormat Kuala Selangor pada 30 Mac 2017 dan Yang Berhormat Sarikei pada 6 April 2017 kerana menyentuh perkara yang sama iaitu langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kementerian dalam menangani isu kos sara hidup dan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran terbuka. Di mana kuasa pasaran atau *market forces* memainkan peranan penting dalam penentuan harga barangan di samping pengaruh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain seperti kadar tukaran wang asing dan sebagainya. Dalam memastikan perdagangan dalam negeri yang adil, kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga berpatutan kepada pengguna. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian adalah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- (ii) melaksanakan skim kawalan harga musim perayaan pada musim-musim perayaan utama;
- (iii) menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993 bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual;
- (iv) meningkatkan keberadaan *omnipresence*, dengan izin, pegawai-pegawai penguat kuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai;
- (v) mewujudkan Skwad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR) dan *Special Action Squad* (SAS) untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat dan pantas;
- (vi) menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga oleh pegawai pemantau harga kementerian;

- (vii) memperkenalkan *Program Friends of KPDNKK* sebagai mata dan telinga kementerian serta ejen penyebaran maklumat kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang- untuk makluman, jumlah keahlian *Friends of KPDNKK* setakat ini 166,545 orang;
- (viii) mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi Kerajaan lain serta penglibatan penghulu dan pegawai yang berjumlah 590 orang dalam pemantauan harga barangan; dan
- (ix) menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Tuan Yang di-Petua, dalam usaha meningkatkan kuasa membeli rakyat, kementerian juga mengadakan beberapa inisiatif bagi menyediakan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna, antaranya ialah:

- (i) mengadakan Program Kedai Harga Patut di premis-premis yang telah dikenal pasti menjual barangan pada harga yang berpatutan dan kompetitif;
- (ii) menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan Diesel pada harga yang ditetapkan kerajaan melalui Program Penyeragaman Harga;
- (iii) mengadakan kerjasama bersama agensi kerajaan lain yang mengawal selia bekalan barangan keperluan untuk memastikan supaya bekalan sentiasa mencukupi dan dapat diperolehi pada harga berpatutan; dan
- (iv) mewujudkan *MyFarm Outlet*, dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi membolehkan rakyat memperoleh barangan keperluan makanan pada harga yang berpatutan.

Selaras dengan matlamat sebagai *caring ministry*, kementerian berharap dengan usaha-usaha yang telah dinyatakan akan dapat menangani isu harga barang dengan lebih baik demi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat. Sekian. Terima kasih.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli daripada Surau Taman Pelangi, Sekinjang, bangsa Johor. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kementerian kita mengamalkan satu dasar iaitu Satu Negara, Satu Harga. Akan tetapi, saya lihat harga untuk satu barang masih amat didapati berbeza sangat.

Saya sebagai contoh, saya pergi ke Jalan Alor saya minta segelas air kosong sahaja berharga 70 sen. Apabila tengok di tempat lain, ada yang jual 30 sen, ada yang mungkin percuma. Selain daripada itu, saya telah dilayan oleh pekerja asing, tempat dan gerai yang tidak ada *aircond* dan tidak mempunyai TV yang besar. Jadi nampaknya, masih ada kelemahan. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh jelaskan, apakah kelemahan kita? Terima Kasih.

■1130

Dato' Henry Sum Agong: Terima Kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, penguat kuasa penguatkuasaan peraturan ke atas harga barang anti- peraturan-peraturan kawalan harga dan anti pencatutan, mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi barangan 2016 adalah terpakai bagi semua barangan di semua lokasi. Walau bagaimanapun, kementerian akan memulakan penguatkuasaan dan pemakaian peraturan ini kepada dua kategori barangan iaitu makanan dan minuman serta barangan isi rumah, tisu, ubat gigi, pencuci pakaian. Keutamaan diberi kepada kedua jenis barangan ini kerana ia memberi kesan langsung ke atas perbelanjaan isi rumah dan kos sara hidup. Sekian, terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan penuh teliti apa yang di kemukakan oleh pihak kementerian tadi. Saya percaya kerajaan juga sedar bahawa harga barang sekarang ini naik sehingga kan ada yang memberikan akronim BN itu "barang naik", dan bila naik ia tidak boleh turun.

Cuma yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, undang-undang yang mengawal itu dipanggil Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Saya diberi- membaca melalui laporan media dan sebagainya, undang-undang ini bertujuan untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang menjual barang dengan harga yang tinggi. Yang memeranjatkan saya ialah terdapat kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa undang-undang ini sedang dikaji dan kemungkinan akan dimansuhkan. Saya ingin tanya kementerian, dalam kerajaan tidak dapat memberikan satu formula untuk menurunkan harga barang tapi ada undang-undang seperti ini pun ingin dikaji dan saya ingin tanya apakah rasional tentang perkara ini. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas soalan yang ditanyakan. Seperti mana yang kita tahu, harga barang-barang di dalam negara seperti juga di lain-lain tempat kemungkinan tidak akan menurun ini di sebabkan harga barang di peringkat pengeluaran ataupun di industri itu sudah meningkat dan apabila ditambah dengan kos *transport* dan juga margin keuntungan di tempat-tempat perniagaan, maka harga barang tentu akan meningkatkan dan ini lah di antara sebab mengapa harga barangan yang dijual di mana-mana tempat sekarang agak meningkat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya setakat itulah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1), dijemput Yang Berhormat Menteri.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan di peringkat dasar dan diputuskan Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2016) 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Selasa, 28 Mac 2017.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menuntut pembetulan kepada kertas *Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat 2017*. Kalau kita lihat pada perkataan, “...tambahan.... RM987,761,074”. Perkataan “ribu” tidak tercatat di dalam Kertas Cadangan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri bentangkan dahulu Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 27/3 saya hendak dapatkan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, selepas pembentangan Yang Berhormat, boleh tak?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mengenai usul?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul. Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2016) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua**

11.35 pg.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Bernama Suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan Perbelanjaan Pengurus Pertama 2016 ini di bantangkan menurut Perkara 100 dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang peruntukan dengan secukupnya dalam Bajet 2016 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2016 yang dibentangkan adalah berjumlah RM4,527.9 juta iaitu sebanyak RM1,446.5 juta tambahan Perbelanjaan Tanggungan dan sebanyak RM3,081.4 juta untuk Pembiayaan Perbelanjaan Bekalan.

Anggaran Tambahan Perbelanjaan Bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasa 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM3,081.4 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Pertama, sebanyak RM2,248.4 juta adalah untuk pindaan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2016, ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016 yang berjumlah RM41,995.5 juta, bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman.

Sebanyak RM883 juta adalah bagi merangkup semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka 2016 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1/2017.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut, Kementerian Pendidikan sebanyak RM298 juta, Kementerian Pengangkutan sebanyak RM215.7 juta, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat berjumlah RM128 juta, Kementerian Kesihatan sebanyak RM104.4 juta, Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM62.8 juta, dan akhir sekali Kementerian Luar Negeri sebanyak RM24.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2016 adalah seperti dalam

Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1/2017 dan Memorandum Perbandaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A/2017.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 iaitu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 yang dipohon adalah merupakan pendahuluan yang telah dikeluarkan daripada simpanan luar jangka iaitu sebanyak RM987.8 juta.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan keperluan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

- (i) sebanyak RM602.8 juta untuk Maksud P.27 – Kementerian Kerja Raya;
- (ii) sebanyak RM350 juta untuk Maksud P.46 – Kementerian Sumber Manusia;
- (iii) sebanyak RM18 juta untuk Maksud P.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;
- (iv) sebanyak RM12 juta untuk Maksud P.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (v) sebanyak RM5 juta untuk Maksud P.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Selain daripada itu anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda token sebanyak RM330 bagi 13 kementerian. Peruntukan tanda ini adalah bagi mewujudkan Butiran baru untuk membolehkan pindaan peruntukan dilakukan di antara Butiran. Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 tahun 2017 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa anggaran perbelanjaan tambahan yang dipohon ini yang berjumlah RM4,527.9 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM987.8 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar untuk tahun 2016 dan ianya tidak menjejaskan defisit fiskal yang telah ditetapkan pada paras 3.1 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL**ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN 2016**

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul atas nama Menteri Kewangan di dalam, *Aturan Urusan Mesyuarat* yang berbunyi;

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak sembilan ratus lapan puluh tujuh juta, tujuh ratus enam puluh satu ribu, satu ratus tujuh puluh empat ringgit (RM987,761,174) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2016 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2017 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ya sila. Ada perbincangan? Terbuka untuk dibahas.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kejap ya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Untuk sebelum itu, saya ingin memaklumkan bahawa perbincangan di Peringkat Dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2016 (2017) adalah sehingga jam seperti usul tadi ya, sehingga selesai sehingga jam 5 petang dan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menggulung selepas itu. Ahli-ahli Yang Berhormat diberi masa selama 15 minit untuk mengambil bahagian dalam perbincangan. Sekian, terima kasih. Bermaknanya Yang Berhormat Menteri akan menggulung jam 5 petang. Ya Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini ada peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Peraturan mesyuarat, tadi saya ada bawa tetapi speaker kata biar usul ini dibawa dulu. Ini 27(3) saya telah membawa satu usul yang

telah saya serahkan kepada 21 Februari 2017 yang mana hingga hari ini tidak ada jawapan daripada pejabat Speaker. Usul itu adalah bertujuan untuk membawa Peguam Negara hadir ke Dewan menjelaskan pendirian beliau berhubung dengan RM2.6 bilion yang masuk dalam akaun peribadi Yang Berhormat Pekan... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini kerana kita telah - bila Peguam Negara membuat kenyataan bahawa ianya tidak ada isu dan tidak ada kesalahan yang berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya saya faham tak payahlah berucap Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi sekarang ini bukti-bukti yang jelas dalam mahkamah di Singapura telah membuktikan bahawa ianya datang daripada wang 1MDB.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey cukup Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Satu nak keputusan berhubung dengan usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam dan saya percaya bahawa Yang Berhormat Tan Sri Speaker telah menerima usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) dan saya yakin bahawa Yang Berhormat Tan Sri sedang membuat penelitian sehalus-halusnya untuk Yang Berhormat Shah Alam. Sila Yang Berhormat, perbahasan ya Yang Berhormat Lumut sila.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, saya beri teguran tadi kepada kertas peraturan mesyuarat, perkataan "ribu" itu tertinggal di dalam kertas *Aturan Urusan Mesyuarat* ini, apakah tindakan pejabat untuk pembetulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya pihak Urus Setia Dewan akan membuat edaran ke atas meja Yang Berhormat masing-masing untuk pindaan. Terima kasih Yang Berhormat Lumut di atas keprihatinan Yang Berhormat Lumut.

Sila, terbuka untuk perbahasan atas usul perbekalan tambahan. Tidak ada... ya Yang Berhormat Jasin.

11.47 pg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengambil bahagian untuk perbahasan bajet tambahan ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat telah memberikan penerangan dengan cukup jelas sekali.

Jadi saya rasa saya ringkaskan ucapan saya kerana daripada apa jawapan atau pembentangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi telah jelas menunjukkan bahawa

peruntukan tambahan yang kita mohon sebanyak RM5.5 bilion ini tidak langsung menjejaskan defisit kita. Bahkan kita dapat lihat daripada peruntukan yang kita mohon sebanyak RM22.4 bilion ini adalah untuk peruntukan kepada Kumpulan Wang Yang Terkanun dan ianya sebenarnya adalah merupakan jumlah lebihan dari akaun hasil yang disatukan dan kita pindahkan pula kepada kumpulan wang pembangunan dan di caj sebagai perbelanjaan di bawah Maksud B.12 ini.

Jadi jumlah ini sebenarnya bukan satu perbelanjaan baru. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sentiasa *prudent* tentang perbelanjaan negara kita. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa sebahagian besar daripada peruntukan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanya Yang Berhormat terima kasih ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Seputeh saya belum jemput lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Jasin kata yang penambahan peruntukan untuk bajet kita ini tidak menjejaskan defisit yang kita hadapi sekarang. Saya hendak tanya satu soalan mungkin nanti Yang Berhormat Menteri Kewangan II boleh jawab. Sampai sekarang masih pelajar yang memohon PTPTN belum dapat duit lagi. Sekarang mereka minta duit daripada saya untuk beli buku hendak bayar yuran untuk teruskan pelajaran mereka. Apakah ini bukan menunjukkan bahawa kerajaan sudah tidak ada duit sehingga pinjaman PTPTN yang dijanjikan kepada pelajar pun tidak dapat diperuntukkan. Apakah pandangan Yang Berhormat Jasin?

■1150

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat Yang Berhormat Seputeh ini bertanya satu perkara yang tidak ada hubung kait dengan peruntukan tambahan ini. Jadi saya rasa tak payahlah buang-buang masa kitalah. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada perbahasan saya. Kalau kita lihat- kalau kita lihat daripada...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jawapan tidak ada hubung kait... [*Dewan ketawa*]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kalau kita lihat daripada peruntukan yang terbesar sekali yang kita dapati iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan kacau pengerusi MPOB itu. Ada bantuan-bantuan untuk pekebun kecil di kawasan masing-masing nanti tu... [*Dewan ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa hasil kita pada tahun lalu adalah sebanyak RM212.6 bilion dan mengurus kita

adalah sebanyak RM207.1 bilion. Daripada situ kita dapat lihat kedua-dua peruntukan tambahan yang kita buat ini adalah sebanyak RM5.5 bilion daripada Pembangunan dan juga Mengurus. Kita dapat lihat di sini bahawa defisit kita adalah sebanyak RM39.5 bilion pada tahun yang lalu berada pada RM3.1 bilion. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Menteri telah membentangkan bahawa ia tidak terjejas langsung defisit kita, maka saya rasa perbahasan kita ini pada ketika ini tak payah kita panjang-panjang, bahkan sepatutnya kita sokong peruntukan tambahan ini kerana kita dapat lihat bahawa kerajaan kita pada ketika ini bukan sahaja lebih *prudent*, bahkan sentiasa memastikan apa juga perbelanjaan yang kita buat *value for money*.

Seterusnya saya hanya hendak bentang di sini, kalau kita lihat daripada RM5.5 bilion peruntukan tambahan yang kita buat ini, soalan saya berapakah jumlah kutipan hasil kita sebenar pada tahun lalu. Pertamanya kutipan kita yang terbesar daripada GST. Adakah ia telah melampaui jangkaan kita ataupun sebaliknya? Kita mahu melihat supaya apa juga peruntukan ataupun kutipan yang telah kita buat daripada GST, lebih daripada tersebut dapat sama-sama kita rasakan kepada rakyat di bawah. Keduanya, hasil daripada LHDN sama ada kutipan daripada LHDN ini telah dapat mencapai KPI mereka

Seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak Menteri berapakah jumlah sebenar perbelanjaan daripada nilai KDNK dan juga GDP? Apakah sebenarnya impak, yang pertamanya kepada akaun semasa kita kerana pada tahun lepas kita dapat lihat *balance of account* kita ada sebanyak RM5.5 bilion. Seterusnya apakah impak terhadap hutang negara kita?

Ketiganya, Yang Berhormat Menteri ada menjawab defisit fiskal kita tidak terjejas maka kita cukup berpuas hati. Apa yang saya hendak tekankan di sini, apakah sebenarnya *debt service ratio* kita ataupun kadar servis bayaran balik hutang kerana perkara ini Tuan Yang di-Pertua, telah banyak di-*spin* oleh pihak pembangkang seolah-olah kerajaan kita tidak mempunyai keupayaan dalam menguruskan ekonomi negara kita. Kita mahu kalau boleh di bawah sana dapat diberikan penerangan terutamanya kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya diadakan satu *town hall*, berikan penerangan tentang apakah sebenarnya keadaan kewangan negara kita. Janganlah hendaknya mereka sebenarnya terikut-ikut ataupun diracuni oleh banyak pembohongan bidaah-bidaah dan juga pembohongan-pembohongan yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya daripada RM1.4 bilion untuk tujuan bayaran tambahan kepada pegawai-pegawai kita yang bersara. Mengapakah pihak jabatan ataupun kementerian yang berkenaan tidak membuat anggaran sebenar tentang apakah yang diperlukan? Kenapakah sekarang kita baru minta sebanyak RM1.4 bilion? Bukan satu angka yang kecil, bahkan pada awalnya kita sudah tahu berapakah sebenarnya tanggungan kita kepada pesara-pesara pada ketika ini. Kita dapat lihat bahawa pesara-pesara kita sahaja kerajaan menanggung satu jumlah yang cukup besar sekali iaitu sebanyak lebih kurang RM8 bilion pada tiap-tiap tahun. Jadi apakah sebenarnya kesilapan yang dilakukan oleh pihak kementerian yang berkenaan terutamanya JPA dalam merangka apakah permintaan

sebenarnya yang patut kita buat pada pihak kerajaan bagi memastikan tidak ada masalah-masalah yang berlaku?

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kehadiran rombongan daripada Parti Bumiputera Bersatu kawasan Kota Samarahan [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini termasuk dalam Perbekalan Tambahan ya?... [Dewan ketawa]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Masukkanlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila-sila. Ya selamat datang. Janganlah sedih sangat Yang Berhormat Jasin... [Dewan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini fasal kapal terbang MAS kah ni?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya silap tadi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua kacau-kacau, saya pun sudah tersilap [Ketawa] Sebenarnya untuk saraan untuk yang bersara ini kita belanja RM18.9 bilion. Jadi tambahan kita sebanyak RM1.4 bilion. Jadi seharusnya kelemahan begini tidak patut berlaku dalam memastikan keupayaan kita terutamanya dalam segi *actual* semasa kita membuat anggaran awal dahulu. Seterusnya kita hendak lihat adakah sebenarnya daripada kalangan-kalangan mereka yang bersara awal? Ini kerana kita mahu kalau boleh satu jawapan yang betul-betul konkrit supaya tidak ada masalah yang berlaku pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat lihat bahawa kerajaan kita pada ketika ini telah menguruskan kewangan kita dengan begitu baik sekali dan seharusnya tidak ada mana-mana pihak yang memutar belitkan ataupun membuat cerita-cerita palsu bahkan kita dapat lihat pada ketika ini perbelanjaan yang dibuat atau dibentangkan oleh kerajaan sebenarnya setelah mengambil kira ia tidak menjejaskan defisit kita sebanyak 3.1 peratus. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum sampai 15 minit lagi, Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Kelana Jaya.

11.57 pg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya 15 minit ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya saya tak akan ambil 15 minit lah. Seperti Yang Berhormat Jasin, *point* kita memang *standard*, macam tiap-tiap tahun kita buat *speech* yang sama lebih kurang dua, tiga kali. Macam *dejavu* [Ketawa]

Baik saya ada tiga *point*. *Point* pertama ialah bajet tambahan secara prinsipnya - *point* pertama ialah bajet tambahan adalah bagi saya, satu *indoor dressing* kerajaan. *Point* kedua,

ialah apakah sebenar defisit ya 2016. Oleh sebab kita sudah dengar bahawa Yang Berhormat Menteri kata daripada hasil tambah ini dia pakai untuk bajet tambahan ini. *Point* yang ketiga ialah apakah *financial source*, dengan izin, *financial source* untuk bayaran tambahan ini.

Baik. *Point* pertama saya, bukankah Parlimen percaya bahawa prinsip bajet tambahan ialah untuk melakukan *extraordinary spending* yang tidak dibajetkan pada tahun 2015? Untuk Bajet 2016 kita sepatutnya sudah *confirm* 2015 pada bulan Oktober apa yang patut digunakan dan bukannya suka-suka kita tambah sahaja. Saya lihat daripada butir-butir daripada dokumen ini ya, kertas Perintah 1 dan 2, butir-butir menunjukkan bahawa terdapat banyak *spending* adalah *normal spending* yang boleh dijangka ataupun *predictable spending*. Seperti emolument, banyak 2 bilion emolument ini ialah *standard*. Maknanya kalau kita hendak bayar gaji lebih ataupun hendak dapatkan lebih pekerja penjawat awam, kita boleh pelan *forward* dalam Bajet 2015 pada masa dibentangkan di Oktober 2015. Kenapa emolument ini naik mendadak? Maknanya kerajaan tidak membuat pantauan ataupun jangkaan *projection* yang baik.

Bagi isu tentang *pension*, saya setuju dengan Yang Berhormat Jasin tadi ya. *Pension* ini ialah satu *function calculation*. Kita pakai akauntan, duduk situ dia boleh kiralah *pension* itu berapa kena bayar. Kenapa naik mendadak RM1.2 bilion? Jadi *it's a predictable element in the budget*, dengan izin. Kenapa kita tidak boleh *predict* pada tahun- pada Oktober 2015? Jadi- dan juga ada bekalan-bekalan perkhidmatan dan juga bekalan ada item- item yang dikatakan *contractual* ya seperti dalam Jabatan Pendidikan ya.

■1200

Kenapakah kalau kita tahu kontrak itu adalah kontraktual kenapa kita tidak boleh buat *forward planning* dan juga buat bajet untuk itu. Jadi keempat-empat perkara yang telah saya timbulkan menunjukkan bahawa kerajaan masih suka *window dressing*. Ini adalah isu-isu yang selalu kita bawa ke Parlimen. Setiap kali ada bajet tambahan, *window dressing* yang dilakukan pada Oktober 2015 untuk memastikan defisit yang lebih kecil.

Baik *point* kedua saya. Bagi saya, saya hendak tahu dari manakah, apakah keadaan defisit sebenar 2016? Bajet tambahan sepatutnya kita ada *facilitation fund* sebanyak RM2 bilion. Maknanya kita ada *standby* sekiranya wang lebih. Bajet tambahan ini RM5.5 bilion. Saya hendak tanya daripada perkiraan defisit, Menteri kena beri kita satu gambaran yang jelas dan penuh apakah kutipan hasil yang mendadak membenarkan bajet defisit ini sampai RM5.5 bilion. Kita projek dulu untuk pendapatan kerajaan RM230 bilion lebih kurang dan kita *spend* RM265 bilion untuk tahun 2016. Maknanya RM30 bilion defisit tetapi sekarang nampaknya kita sudah hanya dapat kutip hasil lebih dan kita semua tahulah, ini mesti daripada GST. Kita sudah kutip hasil yang lebih kenapa pula kita pakai terus sahaja, tidak simpan duit itu atau kurangkan defisit yang sepatutnya dilakukan.

Jadi bagi saya apakah impak bajet tambahan ini pada gambaran defisit sepenuhnya dan saya minta Menteri beri gambaran yang jelas dan penuh dan juga kita sudah tahu tahun 2016 sudah habis, kita sudah masuk sekarang ini Mac 2017. Saya hendak tahu kerajaan hendak berhasrat untuk bentangkan berapa lagi bajet tambahan, tiga lagi ya? Mungkin lah. Berapa lagi bajet tambahan tidak kan kita tidak tahu? Kita sekurang-kurangnya buat satu

anggaran *I need the Minister*, dengan izin, *to give at approximation of how much that he were ask for and next for next two setting.*

Baik, *point* ketiga dan *point* terakhir saya, saya hendak tahu apakah *source* ataupun *financial source* untuk membuat bajet defisit ini, bajet tambahan ini? RM5.5 bilion di manakah *source* ini, adakah semuanya daripada hasil tambahan yang kita dapat ataupun terdapat apa-apa *short term loan* ataupun *bridging loan* untuk perkara ini. Kerana ini boleh menjejaskan isu besar kita iaitu bon market Malaysia, bon kerajaan. Jadi kalau Menteri boleh bagi satu penjelasan yang penuh dan jelas- Yang Berhormat Lembah Pantai hendak ya? *Sorry, okay.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Kalau boleh sedikit ya Yang Berhormat Kelana Jaya dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya berkait kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi isu perancangan, anggaran semua perbelanjaan. Jikalau kita lihat dalam bajet tambahan ini juga diperuntukkan tambahan bagi maksud dalam program JPA di bawah kegunaan INTAN, Institut Tadbiran Awam Negara di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya hanya mengingatkan Yang Berhormat, saya mahu komen memandangkan tahun lepas diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa biasiswa tajaan JPA yang bernilai lebih kurang RM240 juta kononnya dijimatkan apabila biasiswa dan program ini dibatalkan dan pelajar-pelajar cemerlang ini diminta untuk meneruskan pengajian dalam Malaysia, dalam negara.

Justeru persoalan saya bila masa ketika itu kita dimomokkan keperluan berjimat cermat, berlaku pinjaman sehingga biasiswa untuk pelajar cemerlang pun dipotong, kenapa tiba kita dihadapkan dengan belanjawan yang seolah-olah tidak mengambil kira perancangan asal untuk kegunaan jabatan lain yang tidak berkait dengan masa depan anak-anak Malaysia yang cemerlang. Saya mohon komen daripada Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Memang komen yang tepat sekali tetapi saya akan *address* isu dia pada masa kita turun ke *committee stage* di mana kita akan lalukan satu butiran-butiran dia. Memang terdapat terlalu banyak perkara yang kita perlu tanya dan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai memang baiklah, memang tepat pada isu dia. Sebab prinsip kewangan ini ialah kalau kita dapat hasil lebih, kita kena gunakan duit itu untuk yang terpenting bukan khasnya kepada projek-projek yang macam bina jalan raya sebelum pilihan raya di Sarawak. Jadi *we have to be careful how we used the money*, dengan izin.

Baik, itu sahajalah perbahasan saya untuk perkara ini. Saya rasa dalam isu dasar ini *the main crucial point are three points that I raise*, apakah yang sepatutnya berlaku secara dasar dan saya akan bersambung balikkah dengan setiap butiran di *committee stage*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

12.05 tgh.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Titah Diraja yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6 Mac 2017 tempoh hari menandakan pembuka tirai Penggal Kelima, Majlis Parlimen Ke-13. Ini bermaksud sudah lima penggal kita bermesyuarat sejak tahun 2013, dan adakah mesyuarat kali ini merupakan yang terakhir sebelum rakyat memilih Parlimen Ke-14, kita masih tidak tahu. Namun yang pastinya pilihan raya umum akan menjelang tidak lama lagi. Itu yang pasti.

Dalam masa yang terdekat Tuan Yang di-Pertua kita boleh menjangkakan bahawa setiap pihak akan mula menjaja janji manis, menawan hati dan undi rakyat. Pun begitu, saya tidak mahu menyentuh mengenai janji-janji akan datang, sebaliknya saya ingin bertanya mengenai janji-janji lalu. Secara khusus saya masih ingat dengan jelas Tuan Yang di-Pertua dalam Pilihanraya Umum Ke-13, salah satu janji Kerajaan Barisan Nasional dan saya ingin memetik daripada surat khabar *The Star*, laporan pada 9 April...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Bendera, kita di perbahasan Perbekalan Tambahan.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: ...Dasar, saya hendak masukkan Kementerian Pendidikan ada RM300 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Baik, ini cuma mukadimah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sebab mukadimah ini dia macam perbahasan Titah Diraja.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Saya nampak ada banyak masa jadi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dan saya hendak ingatkan sahaja tetapi kalau menjurus kepada perbekalan tambahan, okey.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab saya tengok Yang Berhormat Kuala Langat pun dia macam hanyut juga tadi. Ya, sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Khusyuk, khusyuk mendengar.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, surat khabar *The Star* pada waktu itu telah menyebut, "*The Government will provide every school student with a laptop next year if Barisan Nasional is returned to power*". Dalam erti kata lain sekiranya Barisan Nasional menang maka setiap murid di negara kita akan dibekalkan dengan sebuah komputer mudah alih agar mereka dapat memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran mereka. Kini pilihan raya seterusnya sudah hampir tiba dan apakah status janji manis ini?

Jadi dari segi penterjemahan pada dasar, program ini telah diberi jenama 1Murid, 1Peranti ataupun *1Student 1Device* di mana setiap seorang murid akan menerima sebuah

peranti untuk kegunaan mereka. Murid sekolah rendah, murid sekolah menengah dan sebagainya. Walau bagaimanapun apabila saya mengajukan soalan ini kepada Menteri Pendidikan mengenai status program ini, jawapan yang saya dapat adalah bahawa 116,369 unit *chrome book* iaitu sejenis komputer mudah alih telah dibekalkan oleh syarikat YTL dengan kos RM248 juta.

Saya memang insaf, saya tidak begitu arif dalam mata pelajaran Matematik semasa di bangku sekolah tetapi saya pasti bahawa 116,000 ini amat jauh berbeza dengan bilangan murid di negara kita iaitu lebih kurang sejuta orang. Malah jika dipuratakan dengan bilangan sekolah ia bersamaan dengan 20 unit *chrome book* sahaja bagi setiap sekolah. Jadi pembekalan *chrome book* ini secara sendirinya menimbulkan pelbagai persoalan seperti kos yang agak tinggi lebih kurang RM2,130 seunit jika kita bahagikan dan kos seunit itu jauh lebih mahal berbanding *chrome book* yang dibeli secara langsung. Harga dalam lingkungan RM988 hingga RM1,299 unit daripada pembuat asalnya iaitu *Samsung* atau *Acer*.

Meskipun dibekalkan dengan perisian dan sebagainya, namun YTL juga syarikat yang menjadi kontraktor bagi sistem 1Bestari.Net yang bukan sahaja meliputi infrastruktur Internet jalur lebar tetapi juga perisian atas talian melalui pelantar pembelajaran maya, *virtual learning environment*. Jadi mengapakah saya hendak tanya di sini perlu dibayar kos lebihan bagi perisian dalam *chrome book*. Dalam pada itu, mengapakah *chrome book* tidak dibeli secara terus daripada *Samsung* ataupun *Acer* tetapi dibeli pula daripada *chrome book* YTL yang sudah mempunyai monopoli atas 1Bestari.Net bagi semua sekolah. Adakah tender terbuka dibuat bagi perbekalan *chrome book* ini?

■1210

Berbalik kepada program 1Murid 1Peranti ini. Saya setuju jika kerajaan mungkin kata bahawa adalah terlalu mahal hendak membekalkan satu peranti kepada setiap murid di negara kita. Oleh yang demikian, saya ingin tahu mengapakah boleh kerajaan membuat janji yang jelas tidak boleh ditepati? Bagaimanakah rakyat mahu percaya janji kerajaan menjelang PRU Ke-14 jika manifesto PRU Ke-13 sendiri tidak dapat ditunaikan? Saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan nanti boleh memberi penjelasan yang mendalam mengenai isu-isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung terus dengan Kementerian Pendidikan juga dengan membangkitkan isu keputusan program penilaian PISA ataupun *Program for International Student Assessment* tahun 2015 yang dikeluarkan pada bulan Disember tahun lepas.

Terlebih dahulu, sebagaimana Dewan yang mulia ini maklum, penilaian PISA ini melibatkan setengah juta orang sekolah murid berusia 15 tahun daripada 72 buah negara daripada serata dunia. Fokus penilaian dilaksanakan setiap tiga tahun ini adalah terhadap tahap kefahaman dan kemahiran murid dalam Matematik, Sains dan juga kemahiran membaca. Penilaian PISA dilakukan mengikut piawai antarabangsa dan saya hendak tegaskan di sini bahawa penilaian ini tidak dilakukan dalam bahasa Inggeris, bagi makluman semua, tetapi berdasarkan bahasa pengantar pendidikan sesebuah negara itu.

Jadi, penilaian PISA yang dijalankan oleh OECD ini juga rata-ratanya diterima di seluruh dunia sebagai penanda aras bagi mengukur kedayasaan sistem persekolahan di sesebuah negara. Malah semasa lawatan saya ke Kementerian Pendidikan di *United Kingdom* baru-baru ini, pegawai mereka telah menegaskan kepada saya bahawa UK pun menggunakan PISA sebagai *benchmark* ataupun penanda aras.

Justeru, adalah mendukacitakan apabila saban tahun kita melihat prestasi PISA bagi murid kita semakin merudum dan merosot. Kali pertama Malaysia mengambil bahagian pada tahun 2009, skor murid kita untuk kemahiran membaca adalah 414 mata dengan kedudukan tangga ke-55 dan untuk Matematik, 404 mata pada tangga ke-57 dan Sains 422 mata pada tangga ke-52.

Jika kita memperincikan lagi, kita akan mendapati bahawa hanya 1.3 peratus murid kita berjaya menempatkan diri dalam kelompok *top performance*. Keputusan ini langsung tidak membanggakan berbanding dengan negara-negara lain khususnya negara-negara serantau seperti Singapura di mana 40 peratus muridnya dikategorikan sebagai *top performance*, Taiwan 37.2 peratus, Hong Kong 33.7 peratus dan Korea Selatan 30.9 peratus.

Pada tahun 2012 pula, kedudukan keseluruhan kita jatuh lagi hampir ke tangga tercorot pada kedudukan 52 daripada 65 buah negara yang mengambil bahagian. Kali ini kemahiran membaca murid kita mendapat hanya 398 mata dan berada pada tangga ke-59 manakala matematik 421 mata pada tangga ke-52 dan Sains dengan 420 mata pada tangga ke-53 daripada 65 buah negara. Penilaian pada tahun 2012 ini juga menyerlahkan hakikat bahawa 51.8 peratus murid kita tidak memiliki kecekapan asas dalam Matematik.

Setelah mencatat keputusan teruk secara berturut-turut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada waktu itu telah menjanjikan bahawa penilaian PISA seterusnya akan menampilkan hasil yang lebih baik. Tidak silap saya dalam Parlimen ini juga diuar-uarkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Maka pada 6 Disember 2016 yang lalu, kerajaan dengan bangganya telah mengumumkan bahawa pencapaian pelajar kita dalam penilaian PISA tahun 2015 telah meningkat berbanding penilaian tahun 2012. Malaysia mencatatkan peningkatan keputusan dengan kemahiran membaca 431 mata pada kedudukan ke-50 iaitu peningkatan sebanyak sembilan anak tangga berbanding tahun 2012. Manakala bagi Matematik, 446 mata pada kedudukan 45, peningkatan tujuh anak tangga, dan Sains mencatatkan 443 mata pada kedudukan 47, peningkatan enam anak tangga.

Sudah tentu keputusan ini patut diraikan. Akan tetapi, kegembiraan kita diranapkan apabila semakan yang dibuat terhadap laporan rasmi PISA mendapati bahawa Malaysia tidak tersenarai dalam kalangan 72 buah negara yang mengambil bahagian. Laporan rasmi PISA menyatakan bahawa Malaysia bersama-sama dengan Albania, Argentina dan Kazakhstan sebenarnya telah dikeluarkan daripada laporan dan senarai tahun 2015 kerana data yang diperoleh tidak boleh digunakan untuk perbandingan.

Menurut laporan tersebut, hanya 51 peratus kadar respons atau maklum balas daripada sekolah di Malaysia berjaya diperoleh, jauh daripada kadar minimum yang diperlukan iaitu 85

peratus. Dan 51 peratus ini melibatkan 660 murid Tingkatan 3 daripada 230 buah sekolah dan 5,750 orang guru.

Yang aneh, Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kadar penyertaan murid Malaysia secara lazimnya amat tinggi. Contohnya tahun 2009, sebanyak 99.3 peratus murid mengambil bahagian dan dalam tahun 2012, 100 peratus penglibatan murid. Jadi apakah penurunan mendadak ini disengajakan bagi mengelakkan murid berprestasi rendah daripada terlibat dalam PISA? Malah jika kita mencerakinkan pecahan murid, kita akan mendapati bahawa 30 peratus responden terdiri daripada murid sekolah berasrama penuh (SBP) meski pun mereka hanya membentuk tiga peratus daripada populasi keseluruhan murid Tingkatan 3 di Malaysia.

Jadi jelas Tuan Yang di-Pertua, yang kita nampak di sini berlaku manipulasi data yang amat mengejutkan dan memalukan. Apakah kita sanggup menipu dunia dan lagi teruk, menipu diri sendiri? Kerajaan pula dengan tanpa segan-silu boleh menguar-uarkan kononnya prestasi telah meningkat. Kerajaan nampaknya bukan sahaja gagal untuk membaiki prestasi pelajar kita malah tergamak memanipulasi data atau dalam kata lain, menipu untuk dilihat kononnya berada di landasan yang tepat.

Bersaing dengan negara maju bukan suatu yang mustahil. Apakah kerajaan terlalu angkuh atau bodoh sombong untuk belajar daripada kejayaan negara macam Vietnam yang telah mentransformasikan sistem pendidikan mereka? Dalam penilaian PISA tahun 2015 yang sama, Vietnam berada dalam kedudukan kelapan dalam dunia bagi kemahiran sains, ke-22 bagi matematik dan 32 bagi kemahiran membaca. Malah, 10 peratus pelajarnya berada dalam kelompok *top performance*. Sebagai rekod, pada tahun 2012, penilaian yang sebelum ini, Vietnam berada pada kedudukan 17 bagi matematik, lapan bagi sains dan 19 dalam membaca. Jadi nampak Vietnam sudah mencapai banyak peningkatan dan prestasi yang baik. Kenapa dalam tiga tahun ini, tahun 2012 sehingga 2015, Malaysia pula gagal?

Lebih teruk lagi kalau kita banding dengan negara jiran kita, Singapura yang dahulunya merupakan sebahagian daripada negara kita dengan perkongsian sejarah dan sistem pendidikan yang turut diwarisi daripada penjajah British, mereka menduduki tempat pertama di dunia dalam semua subjek. Jadi apakah alasan Menteri terhadap pencapaian unggul mereka dan kegagalan memalukan kita?

Sehingga kini, kerajaan hanya membisu dan tidak memberi penjelasan penuh mengenai situasi yang amat memalukan ini. Tidakkah ini satu pengkhianatan kepada amanah ibu bapa di negara kita yang dititipkan kepada Kementerian Pendidikan? Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan wajib menjawab semua persoalan yang saya bangkitkan tadi. Saya ucapkan sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

12.19 tgh.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara secara ringkas dalam perbahasan peringkat dasar *bill* peruntukan tambahan.

Kita melihat jumlah yang diperuntukkan keseluruhannya hampir RM4 bilion untuk mengurus dan juga untuk pembangunan. Di sana ada beberapa perkara yang menarik perhatian kita. Antaranya, B.4 – SPR, urusan pilihan raya ini. Walaupun jumlah terbesarnya ialah untuk menampung kos menjalankan pilihan raya negeri di Sarawak tetapi di sana ada juga peruntukan untuk ibu pejabat.

■1220

Saya ingin bertanya, apakah peruntukan ini telah digunakan secara serius untuk mengendalikan proses persempadanan baru kawasan pilihan raya yang telah dibentangkan untuk penelitian kali pertama dan setelah dibenarkan untuk petisyen, sekarang ini dibentangkan untuk penelitian kali kedua?

Pada masa yang sama juga, berlaku kes-kes yang dibawa ke mahkamah untuk *judicial review*. Namun, walaupun mahkamah masih lagi mempertimbangkan bantahan ataupun kes yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Selangor, SPR masih meneruskan usaha ke arah persempadanan ini. Apa yang menarik minta perhatian kita dan juga telah diperkatakan banyak oleh masyarakat ialah hasil daripada gerak kerja persempadanan ini, kita melihat yang sangat ketara ialah ketidakseimbangan taburan pengundi mengikut kawasan dan amat menjelikkan bagi sesetengah tempat.

Apakah ini suatu kesilapan ataupun perancangan yang sengaja dibuat? Sehingga kawasan-kawasan yang kita tidak anggap sebagai luar bandar, Padang Rengas contohnya. Walaupun wakil rakyat Padang Rengas mengatakan Padang Rengas ini kawasan luar bandar, kampung macam Kubang Pasu tetapi kita harus ingat, Padang Rengas ini sempadan dengan Kuala Kangsar Bandar Diraja, dekat dengan Sungai Siput juga kawasan yang *semi urban* tetapi jumlah pengundinya lebih kurang 30,000 berbanding dengan banyak kawasan yang melepasi 100,000. Jadi termasuk Petaling Jaya Utara, Gombak, Ampang.

Tidakkah ini menyebabkan ketidakseimbangan yang kita bangkitkan di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya yang ditubuhkan oleh Dewan ini pada tahun 2012, yang kita mencadangkan supaya dirapatkan kesenjangan jumlah pengundi ini tetapi yang terhasil ialah *gap* yang lebih besar? Jadi seolah-olah apa yang disarankan oleh jawatankuasa *bipartisan* yang kita dalam Dewan ini bentuk dahulu, tidak dihormati malah menimbulkan lebih banyak persoalan. Kita berbincang...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Sekejap.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Kuala Krai, saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Kuala Krai bahawa nilai Ringgit Malaysia telah jatuh sekurang-kurangnya 45 peratus berbanding dengan US Dolar sejak empat tahun yang lalu. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Krai, sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti digantikan atau meletak jawatan?... [Dewan ketawa]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, kita di peringkat Dasar jadi boleh sahaja apa ya. Jadi, kesimpulan yang dibawa Yang Berhormat Segambut itu, saya hampir bersetuju ya... [Dewan ketawa]

Seorang Ahli: Hampir, hampir, hampir.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya. Dia ada dua Menteri Kewangan. Salah seoranglah yang pergi ya... [Dewan ketawa]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita dahulu memutuskan kalau boleh perbezaan antara kawasan Parlimen ini, seboleh-bolehnya 15 peratus *either way*. Kurang kah atau lebih kah supaya kita dapat suatu keseimbangan dan teori bahawa *one man one vote*, dengan izin ini, dapat kita terjemahkan dalam bentuk praktik dalam pilihan raya. Akan tetapi kalau 30,000 dengan 150,000, ini sudah lima kali ganda dan ia tidak menggambarkan kesungguhan kita untuk mewujudkan suatu pilihan raya demokratik yang lebih baik.

Jadi saya hendak bertanya sama ada SPR ini mungkin memerlukan wang yang lebih untuk lebih tekun menjalankan gerak kerja persempadanan ini supaya dapat memberikan keadilan kepada para pengundi kita. Saya berharap SPR mengambil kira bantahan yang telah dibuat dan juga kes *judicial review* di mahkamah mengenai perkara yang ingin dibawa oleh pihak-pihak yang berkenaan, dan menangguhkan proses persempadanan ini untuk memberikan keadilan kepada seluruh negara.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ada beberapa kementerian...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Kuala Krai, sikit sahaja tentang SPR.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin juga bangkitkan sedikit tentang SPR ya. Ini kerana SPR ini, dia badan yang dinilai di antarabangsa juga. Ada satu projek di mana dinamakan *Electoral Integrity Project* yang dinilai oleh *Harvard University* dan *Sydney University*, dua buah universiti yang tersohor di dunia. Malangnya pada tahun 2000, laporannya yang terkini adalah Malaysia berada di 114 daripada 127 negara yang dinilai. Di mana ini menunjukkan bahawa Malaysia SPR ini, ia sangat lemah di mata dunia, demokrasi yang tidak- kerana institusi SPR ini ialah salah satu institusi demokrasi. Akan tetapi kalau dia begitu rendah di mata dunia, maka institusi ini amat lemah.

Saya hendak tambah sikit, pengurus SPR setiap tahun, kita dibajetkan banyak beratus juta ringgit untuk SPR dan ditambahkan lagi. Akan tetapi saya nampak bahawa kosnya,

pengurusannya amat tinggi. Ini disebabkan oleh pendaftaran pengundi. Pendaftaran pengundi mengambil satu kos yang amat besar dan saya ingin minta Yang Berhormat Menteri terangkan berapa kos untuk mendaftarkan pengundi. Berapa kos untuk mendaftarkan seorang pengundi juga? Oleh sebab kita tahu bahawa kos ini boleh diijmatkan kalau kita ada pendaftaran pengundi secara terus, automatik. Tidak payah kita bersusah payah untuk mendaftarkan pengundi.

Sekarang ini, baru-baru ini kita cuba mendaftarkan pengundi dengan lebih giat tetapi SPR beritahu tidak ada borang. Setiap kali bagi 50 borang sahaja. Sebenarnya, satu hari kita boleh daftar 200 hingga 300 orang tetapi dia hanya bagi 50 borang dan kata tidak ada borang. Perlukan fotostat lagi dan sebagainya. Ini semuanya kos ini boleh di- ia ada banyak masalah birokratik. Kalau kita boleh daftarkan secara automatik, masalah ini boleh selesai, wang boleh diijmatkan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Dengan izin, statistik *speak for itself*. Ertinya, kalau kajian-kajian itu menunjukkan bahawa kedudukan kita jauh terkebelakang, itu menggambarkan suatu pemerhatian yang harus diambil berat. Oleh sebab itu saya masih lagi mengatakan saya ada *interest* sebab saya berada dalam jawatankuasa khas Parlimen tersebut.

Telah dikemukakan pelbagai cadangan yang disetujui oleh kedua-dua pihak, Barisan Nasional pun setuju, pembangkang pun setuju. Di antaranya ialah pendaftaran automatik walaupun ia melibatkan sudut Perlembagaan, disebutkan begitu sebagai alasan untuk kita tidak buat. Akan tetapi yang terbaharu yang diberikan oleh Pengerusi Pilihanraya, amat remeh. Alasannya bukan alasan Perlembagaan tetapi alasan kalau dia duduk tempat lain, alamat timbul *confusion* dan sebagainya. Saya rasa ini boleh diselesaikan kalau nama sudah ada dalam senarai pemilih, barulah *the owners*, dengan izin, *is on the voters* untuk memeriksa dan kalau tidak bersetuju, boleh pindah. Akan tetapi kalau tidak ada nama lagi, jadi ia tidak dapat memulakan suatu pergerakan ini. Jadi saya masih menganggap pendaftaran automatik ini harus kita usahakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang kementerian...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kuala Krai, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang bangun.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kerana tadi berkongsi bahawa- saya baru tahu hari ini bahawa jumlah pengundi di Padang Rengas ini hanya 35,000 sahaja. Patutlah RTM tidak mahu buat siaran langsung. Kalau dia tidak 35,000 macam mana boleh wakil rakyat Malaysia hendak berdebat dengan Tun Mahathir? Baru saya tahu hari ini kenapa RTM tidak mahu siarkan siaran langsung dan kenapa UMNO di *suun* Dato' Nazri ini- Padang Rengas. Itu yang pertamalah, itu selingan sahaja.

Apa yang nak ditanya sebenarnya Yang Berhormat Kuala Krai, seperti dengan saya apabila adanya kes mahkamah yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk hendak *challenge* persempadanan semula ini, setuju dengan saya sepatutnya SPR ia kata orang itu *tawaqquf* ataupun dia tangguhkan dahulu segala proses itu sehinggalah kes mahkamah ini selesai. Oleh sebab kalau dia buat itu seolah-olah- walaupun tidak ada perintah mahkamah yang mengatakan menghalang dia buat tetapi seharusnya sepatutnya dia mengambil satu tanggungjawab untuk tidak meneruskan. Setuju atau tidak? Terima kasih.

■1230

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, itu yang kita berikan pandangan bahawa sepatutnya dia harus mengambil kira bahawa cadangan itu sedang dipertikaikan dan mungkin akan mendapat satu keputusan yang tidak *favourable* kepada mereka.

Jadi, apakah salahnya kalau urusan ini ditangguhkan? Melainkan ada motif-motif hendak disegerakan kerana tujuan-tujuan tertentu seperti yang kita lihat di sesetengah persempadanan itu sangat ketara menggerakkan satu DUN keluar daripada satu Parlimen masuk kepada Parlimen yang lain sehingga menjejaskan *the balance of voters* mengikut geopolitik. Ini saya rasa mempunyai motif-motif yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada satu kementerian lagi iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya lihat dua kali pertambahan dimohon untuk urusan sosioekonomi kurang upaya, warga emas. Dua kali dalam setahun. Begitu juga Kementerian Pengangkutan untuk urusan perkhidmatan udara luar bandar. Mungkin di Sabah dan di Sarawak.

Ini adalah perkara-perkara yang penting bagi sesebuah negara, mengambil kira penduduk luar bandar, mengambil kira orang kurang upaya, warga emas. Ini adalah sesuatu yang menjadi tanggungjawab sosial yang besar bagi sesebuah kerajaan. Jadi sudah tentu perkara ini tidak boleh dianggap sebagai bila perlu kita mohon, tidak cukup kerana tidak dirancang dengan baik. Saya rasa kita mempunyai rekod warga emas, rekod orang kurang upaya yang agak lengkap. Jadi sudah tentu keperluan telah diberikan satu perkiraan yang awal.

Jadi sekarang kita dengar ada orang-orang yang mendapat bantuan kebajikan masyarakat yang lambat dapat, yang terpaksa menunggu lama. Jadi perkara-perkara macam ini sepatutnya pada tahun-tahun yang akan datang tidak boleh timbul. Saya jangka tidak ada di antara kita di dalam Dewan ini yang akan membantah kalau peruntukan untuk orang kurang upaya, untuk warga emas, untuk orang miskin dilebihkan supaya tidak timbul kelewatan dalam memberikan bantuan dan terpaksa membawa kepada peruntukan-peruntukan *supplementary* seperti yang kita ada.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Luar Negeri sebanyak RM24 bilion dan sebahagiannya adalah untuk pejabat perwakilan luar negara. Kita juga merasa penting untuk kita menjaga kedudukan perwakilan kita di luar negara dari segi imej, pejabat, komposisi pegawai-pegawai kita yang lebih cekap dan lebih matang.

Apa yang berlaku misalnya dalam kes kita dengan Korea Utara ini adalah suatu *laps* di dalam pengurusan urusan luar kita. Saya berkeyakinan penuh Pegawai-pegawai Tadbir

Diplomatik kita yang ada di Kementerian Luar Negeri ini semua terlatih, cukup hebat. Akan tetapi kadang-kadang urusan ataupun dasar-dasar, polisi-polisi politik kita, polisi kita dengan negara luar yang menyebabkan kakitangan kita dan pegawai PTD kita ini berada dalam keadaan yang tersepit. Contohnya apa yang berlaku di Korea Utara. Hari ini Perdana Menteri mengumumkan tadi apabila dia menyebut dua orang rakyat Malaysia berjaya dibawa balik. Saya ingin memikirkan ketika itu mereka yang ada di kedutaan kita di Korea Utara balik tetapi ini kes tawanan.

Jadi walau macam mana pun saya rasa kita perlu mempertingkatkan urusan diplomatik kita supaya kita tidak berlaku *embarrassment* apa yang sedang kita alami dengan Korea Utara ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rasah.

12.34 tgh.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya turut sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan untuk bajet tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana saya melihatkan ada bajet tambahan untuk perbelanjaan mengurus tambahan bagi Kementerian Pendidikan iaitu sebanyak lebih kurang RM297 juta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya pernah bahaskan ketika membahaskan Titah Menjunjung Kasih Tuanku, saya ada menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya peruntukan untuk sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga sekolah menengah jenis kebangsaan Cina bagi tahun 2016 sehingga hari ini masih belum diselesaikan, masih belum ditunaikan dengan sepenuhnya oleh pihak kerajaan.

Saya ingin mengambil contoh untuk bajet-bajet yang sebelum ini. Untuk bajet tahun 2015. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semalam di surat khabar *Sin Chew*, muka surat pertamanya dia mengatakan bahawa kesemua sekolah menengah jenis kebangsaan Cina masih lagi menanti peruntukan yang telah pun dijanjikan pada tahun 2016. Hari ini sudah masuk 27 Mac 2017. Ini sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku bagi saya.

Saya ingin hendak tanya kepada pihak kerajaan khususnya kepada Kementerian Pendidikan, apakah mekanisme yang mereka guna untuk menentukan penurunan peruntukan ini kepada sekolah-sekolah ini? Tambahan lagi, bagi Bajet 2017, nama sekolah menengah jenis kebangsaan Cina telah pun dikecualikan dan dikeluarkan dalam senarai bajet.

Maksudnya adakah pihak Kementerian Pendidikan mempunyai tafsiran di mana Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini tidak lagi memerlukan sebarang peruntukan daripada pihak kerajaan untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan. Saya rasa amat dukacita sebab dua hari yang lepas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan Yang Berhormat Senator Datuk Chong Sin Woon dalam surat khabar secara terbuka beliau mengatakan bahawa kini tidak ada sekolah lagi yang sangat uzur, tidak ada sekolah lagi yang diserang oleh anai-anai. Jadi

peruntukan untuk sekolah-sekolah ini tidak perlu disegerakan. Dia mengutuk pembangkang seolah-olah pembangkang cuba mempolitikkan isu peruntukan kepada sekolah-sekolah.

Saya hendak menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa walaupun kami daripada pihak pembangkang, kami menyokong usaha kerajaan untuk membantu segala aliran sekolah, tidak kira sekolah kebangsaan, tidak kira sekolah Cina, tidak kira sekolah Tamil, tidak kira sekolah agama. Kita sokong kerajaan untuk bantu tetapi bukan gunakan alasan di mana sekolah-sekolah kini tidak ada uzur. Tidak perlulah turun begitu cepat peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, itu suatu perkara yang sangat serius. Saya pernah tanya soalan di Dewan yang mulia ini bahawa siapa ataupun siapa pegawai kanan yang perlu mengambil tanggungjawab terhadap kesilapan ini? Akan tetapi nasib amat malang sekali, saya tidak menerima sebarang jawapan yang secara langsung daripada pihak Kementerian Pendidikan. Ini merupakan salah satu perkara yang sangat serius.

Saya berharap, jikalau wujudnya bajet tambahan, saya berharap bajet tambahan ini boleh memastikan setiap jenis aliran sekolah menerima peruntukan yang sepatutnya diterima oleh semua sekolah. Saya memohon supaya pihak kementerian memberikan satu senarai yang penuh kepada semua Ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita dapat mengetahui bahawa setiap sekolah, berapakah peruntukan yang mereka peroleh. Pihak kementerian sepatutnya mengamalkan *transparency* di dalam perkara ini. Ini kerana kita hendak pastikan setiap sen yang diturunkan oleh pihak kerajaan benar-benar diturunkan kepada pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang cuba saya hendak bangkitkan pada hari ini sebenarnya walaupun sekolah-sekolah ini masih belum mendapat peruntukan ini, mereka sedang menanti peruntukan untuk tahun lepas. Bagaimana peruntukan untuk tahun 2017 yang telah pun dijanjikan oleh pihak kerajaan? Bayangkan sekarang sudah dekat bulan April mereka masih menanti peruntukan tahun 2016. Kalau ikut cara Kementerian Pendidikan menurunkan peruntukan ini saya rasa kemungkinan besar sampai hujung tahun pun masih belum terima peruntukan bagi tahun 2017.

Jadi dalam perkara ini saya ingin memohon pihak kerajaan supaya memandang serius, supaya dapat turun padang meneliti apakah benda ataupun apakah masalah yang benar-benar dihadapi oleh sekolah-sekolah ini.

■1240

Saya yakin bukan sahaja sekolah di kawasan saya mempunyai masalah, memerlukan peruntukan untuk penyelenggaraan tetapi kawasan-kawasan di sebelah BN sana, saya yakin mereka juga menghadapi masalah yang saya rasa sama.

Akhir sekali hari ini surat khabar, saya lihat Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada keluaran kenyataan bahawa beliau memberi amaran kepada para guru di mana, jangan lawan kerajaan, jikalau hendak lawan kerajaan lebih baik berhenti kerja. Dalam perkara ini saya ingin hendak nyatakan bahawa sebagai rakyat Malaysia kita berhak untuk memilih ataupun mengundi mana-mana pihak. Sama juga para guru, mereka juga berhak untuk menyuarakan pandangan mereka dan pandangan mereka sepatutnya kita dengar.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah saya mendengar dengan penuh prihatin dan kebimbangan isu peruntukan kepada sekolah-sekolah terutamanya sekolah vernakular, sekolah Tamil, sekolah Cina dan sekolah agama.

Saya rasa isu ini bukan isu baru dan setiap tahun kita menghadapi masalah, perkara yang sama. Saya rasa ini amat membimbangkan kerana pendidikan merupakan asas kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat kita. Dalam keadaan negara kita ingin mengecap dunia yang global termasuk menarik pelaburan daripada contohnya negara China besar-besaran, saya rasa sumbangan sekolah aliran vernakular ini tidak dapat dinafikan.

Di sini saya hendak bagi cadangan, nampaknya Kerajaan Pusat menghadapi masalah dalam memperuntukkan dan juga menyalurkan peruntukan ini secara sistematik. Di Pulau Pinang, kerajaan negeri telah pun dalam beberapa tahun ini menyalurkan peruntukan walaupun ini bukan dalam bidang kuasa kerajaan negeri menyalurkan peruntukan secara berkala setiap tahun dan sistematik kepada sekolah vernakular, sekolah agama rakyat, sekolah Cina, sekolah Tamil.

Jadi saya hendak mencadangkan di sini, jika kerajaan mempunyai masalah dalam mereka ataupun membuat satu sistem bagi menyalurkan peruntukan secara tetap dan tepat pada masa, mungkin saya sebagai Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Peruntukan kepada sekolah Cina dan sekolah agama saya hendak membuka supaya Kerajaan Pusat terutamanya Kementerian Pendidikan terutamanya Timbalan Menteri Pendidikan, Senator Datuk Chong Sin Woon tadi untuk datang ke Pulau Pinang dan kita sudi untuk berkongsi cara kita, sistem kita bagaimana kita mampu untuk melaksanakan peruntukan ini. Bulan Januari belum habis, peruntukan tahun tersebut juga kita salurkan kepada semua sekolah. Saya hendak buka peluang ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk datang ke Pulau Pinang dan belajar. Terima kasih.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin minta penerangan daripada Yang Berhormat Rasah berkenaan dengan penjelasan Menteri Kewangan Kedua berkenaan dengan peruntukan SJKC. Kita masih ingat dalam penggulungan semasa perbahasan ke atas ucapan Diraja, Menteri Kewangan Kedua telah menyatakan bahawa peruntukan RM16.5 juta yang disediakan oleh SJKC pada tahun 2016 belum disalurkan dan permohonan peruntukan tambahan RM33.5 juta masih dalam pertimbangan.

Jadi saya merujuk kepada satu laporan media oleh *Malaysiakini* pada 24 Mac di mana tiba-tiba Menteri Kewangan Kedua dia menyatakan bahawa peruntukan RM50 juta yang disediakan untuk SJKC pada tahun 2016 telah dibayar, manakala 2017 belum dibayar. Saya

merujuk kepada anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan yang pertama ini, di mana Kementerian Pendidikan di bawah Butiran 01100, bantuan modal itu, tiada sebarang peruntukan tambahan diberikan, hanya token RM10 sahaja. Macam mana boleh ada RM50 juta dapat dibayar kepada SJKC, dari mana datangnya wang tersebut? Silakan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya berharap pihak kementerian juga turut jawab apa yang telah diujahkan oleh kedua- dua Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali apa yang ingin saya tegaskan lagi, *transparency* di dalam topik ataupun urusan penurunan peruntukan ini haruslah dijalankan secara *transparent* kerana wujudnya tertunggak peruntukan pada tahun 2016. Ia telah pun menimbulkan satu soalan dan saya rasa bukan sahaja sekolah Cina, sekolah Tamil belum menerima peruntukan mereka sepenuhnya. Akan tetapi saya yakin, saya amat percaya sebenarnya sekolah kebangsaan turut menghadapi masalah yang sama cuma kemungkinan tidak ada pihak yang mendedahkan ataupun masih belum ada pihak sekolah kebangsaan yang mengemukakan hal ini kepada kita semua.

Oleh sebab itu saya memohon supaya satu senarai yang menyatakan senarai yang penuh menyatakan setiap jenis sekolah yang telah pun menerima peruntukan ini supaya kita sebagai Ahli Parlimen boleh balik ke kawasan masing-masing untuk menyemak adakah setiap sekolah menerima peruntukan yang telah pun diturunkan oleh mereka.

Akhir sekali, sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap pihak kementerian boleh memberi jawapan yang munasabah dan saya juga berharap sebab saya telah pun memerhatikan kebanyakan masa ketika membahaskan isu melibatkan pendidikan, pihak Yang Berhormat Menteri ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Hulu Selangor ada tetapi Yang Berhormat Senator selalu tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap jikalau boleh beliau sendiri yang datang untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

12.47 tgh.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Membaca sepotong doa] Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.*

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2016 pada kali ini yang mana rang undang-undang ini bertujuan untuk memohon perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 sebanyak RM13.08 bilion.

Pada dasarnya saya sangat bersetujulah apabila bekalannya tidak cukup, kita minta tambah lagi. Jadi bila bekalannya tidak cukup bukan bermakna orang pakai belanja duit ikut suka hati. Bekalannya itu, peruntukan yang diminta hari itu, susunannya rapi bagaimana untuk belanja

untuk kementerian ini, kementerian ini dan kementerian ini. Akan tetapi apabila berlaku sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, contohnya masalah geopolitik, contohnya masalah *currency*, ringgit jatuh, contohnya masalah minyak yang turun.

Pada tahun 2014 harga minyak melebihi USD100 per *barrel*, tetapi apabila tahun 2015 turun kepada USD60 dan pernah suatu ketika turun pada bawah USD40. Jadi bila benda macam ini terjadi maka sudah tentulah kita memerlukan penampungan perbekalan tambahan. Jadi apabila

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Maksud saya apabila perbekalan tambahan diminta bukan bermakna, bukan bermakna penggunaan wang itu salah. Bukan bermakna itu. Kita tidak perlu buat sindiran-sindiran yang begitu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apabila perbekalan tambahan dibuat bermakna kita memerlukan, *despite of all the challenges* kita lihat hari ini di US umpamanya, apabila Trump mengambil alih maka dasarnya berubah, polisi berubah...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai..

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Contohnya TPPA yang kita bahas sampai dua hari tetapi tidak menjadi, ini antara perkara-perkara yang kita kata, perkara-perkara yang tidak disangka-sangka, berlaku. *That is why* kita perlukan perkara ini. Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai ada baca tidak dokumen Perintah 1 ini dengan baik... [*Dewan riu*] Daripada isu-isu yang dikatakan, *predictable financing* yang kita tahu tidak ada bencana alam dalam bajet tambahan ini. Cuma ya risiko tentang kejatuhan Ringgit yang berpunca daripada *Finance Minister* sendiri..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia baca GST sahaja.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Risiko itu terdapat di Kementerian Luar Negeri sahaja. Maksudnya *diplomatic core* kita kena bayar lebih kerana Ringgit mata wang kita jatuh dan itu cuma menunjukkan tambahan RM10 juta. Bajet ini RM5.5 bilion daripada aspek-aspek bencana alam, risiko-risiko yang kita tidak tahu, tidak adapun peratusan dia. Yang penting *it is negligible what you are saying just now*. Setuju atau tidak?

■1250

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Rasah ini mula-mula saya setuju, dengar perbahasan tadi saya setuju, tetapi bila saya bagi peluang dia punya dia pun macam tak tahu juga. Dia pun macam tak baca juga. [*Dewan Ketawa*] Dia tak tahu apa yang jadi dalam dunia hari ini.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Baca Yang Berhormat Bagan Serai. Saya...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Pertikaian..

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Bajet tambahan...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Di Timur Tengah, dasar polisi yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagai mencabar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Faham kah tak faham ini?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia boleh menyebabkan kejatuhan wang ringgit dan berbagai-bagai masalah kewangan. Jadi ini yang penting sekali. Akan tetapi bila orang tak mahu faham Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tambahan RM10 juta ya, bukan RM5.5 bilion.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Kita cakap macam mana pun dia tak faham. Habis jadi sindiran semua perkara begini. Ini masalah, ini masalah bagi orang yang tak faham dan terus mengelirukan rakyat lagi [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap tentang dua kementerian di dalam yang mengambil penambahan perbekalan in iaitu tentang pendidikan dan juga kesihatan. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada PPD atau Pejabat Pendidikan Daerah Kerian kerana keputusan SPM yang baru-baru ini diumumkan, Daerah kerian telah mendapat tempat yang pertama daripada semua daerah-daerah di negeri perak dan ini bukanlah kali yang pertama.

Daerah Kerian telah menempa tempat yang pertama dalam SPM pada tahun 2016, 2015 dan juga pada tahun 2013. Dengan tahun ini tahun 2016 dengan gred purata sekolah 4.91 mengatasi GPS negeri 5.1 dan juga GPS nasional 5.1. Jadi ini satu kebanggaan. Sekali lagi saya hendak ucapkan tahniah, syabas kepada PPD Daerah Kerian, kepada pengetua-pengetua, guru-guru yang terlibat daripada Tingkatan 1, sampai Tingkatan 5, kepada ibu bapa yang gigih dan kepada anak-anak pelajar di Daerah kerian yang telah berjaya, tahniah.

Walaupun di Daerah Kerian kita tidak ada SBP, kita tidak ada MRSM dan walaupun kita tidak ada infrastruktur yang begitu bagus yang saya katakan sebentar lagi tetapi pelajar-pelajarnya telah mendapat pencapaian yang baik. Ini satu perkara yang sangat membanggakan. Malah dalam kokurikulum, Daerah Kerian telah mendapat nombor keempat pada tahun lepas berbanding dengan daerah-daerah di..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya tak?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini penjelasan macam begini, datang pihak PIBG boleh lah. Tak payahlah dekat sini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun daerah di Kerian ada rakyatnya rata-rata..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dalam Mesyuarat PIBG cukup.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Adalah orang bendang, rata-rata adalah pesawah yang saya tak katakan semua tetapi rata-ratanya adalah yang tidak ada wang dan miskin, tetapi mereka tetap berjuang demi untuk pendidikan anak-anak. Walaupun kadang-kadang padi tak jadi kerana kemarau...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Kerana penyakit, kerana macam-macam dan kehidupan mereka agak susah. Jadi ini yang saya amat kagum dan mengucapkan tahniah kepada semangat, semangat yang ada kepada rakyat di Daerah Kerian.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Khususnya kepada Parlimen Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Bagan Serai, sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota tinggi.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Minta penjelasan sikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti perbahasan ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bagan Serailah, nampaknya daripada RM3 bilion yang diminta ini, lebih daripada separuh adalah untuk pembangunan yang bersikap membina upaya ataupun *capacity building* dan juga ada *multiplying factors*. Contohnya infra dan juga RM300 juta untuk TVET untuk latihan yang sudah tentulah akhir-akhir ini bila banyak pelaburan masuk, kita kena usahakan prasarana adakan kapasiti untuk menyediakan tenaga mahir lebih banyak. Jadi saya nampak memang wajar.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai bahawa bajet ini sebenarnya amat prihatin dan sangat dinamik mengambil kira keperluan-keperluan jangka masa pendek dan panjang yang penting untuk negara. Apa pandangan Yang terhormat Bagan Serai?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Kota tinggi. Saya mohon masukkan pencelahan ini dalam perbahasaan saya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya pendidikan dan kesihatan perkara yang sangat-sangat penting. Untuk negara jadi maju, kita kena ada pendidikan yang tinggi, STAM, SDI dan sebagainya. Akan tetapi kalau negara maju, rakyatnya sakit pula, satu masalah lagi. Kita tak dapat menikmati kemewahan ataupun kejayaan sesebuah negara.

Oleh sebab itu tadi saya bilang saya bagi tahu bahawa pendidikan ini satu perkara yang sangat penting. Kalau kita lihat dari statistiklah, saya lihat satu statistik menunjukkan jumlah bilangan pelajar telah meningkat tahun lepas pada lima juta lebih dan sekolah-sekolah pula telah meningkat kepada 10,180 dan bilangan guru kepada 421,828. Ini statistik pada Jun tahun lepas. Jadi berdasarkan statistik ini ada penambahan. Jadi melihat kepada peruntukan tambahan, RM297.7 juta bagi maksud mengurus adalah satu perkara yang seiring dengan perkembangan semasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi, yang saya dengar tadi perbahasan dari sebelah sana tadi yang mengatakan bukan sekolah di sana sahaja anai-anai, sekolah di sini pun anai-anai. Itu perkara yang kita semua akur. Oleh sebab itu saya pun hendak ceritakan di Parlimen Bagan Serai pun sama juga perkara itu. Jadi oleh sebab itu penumpuan pendidikan harus diberikan kepada infra, kepada perkara-perkara yang sangat penting ini.

Parlimen Bagan Serai ada sekolah-sekolah yang berada sangat uzur dan perlu di baik pulih. Deskripsi yang merangkumi *wiring* yang terlalu lama. Kita takut kalau ada kebakaran dan sebagainya berlaku, pernah berlaku pada sekolah dan sudah dua kali berlaku pada klinik kesihatan. Bangunan yang dikatakan makan anai-anai, bangunan sekolah yang mula mereput. Sekolah Kebangsaan Datuk Mashood, Sekolah Kebangsaan Parit Haji Aman, Sekolah Kebangsaan Parit Haji Taib dan Sekolah Menengah Mudzafar Shah adalah antara sekolah yang perlu diberi perhatian yang serius oleh kementerian di Parlimen Bagan Serai. Bukan setakat sekolah yang uzur, infra di sekolah tersebut juga amat menyedihkan kerana ketiadaan padang yang baik dan dewan sekolah yang baik untuk kemudahan-kemudahan sepertinya.

Perkara yang menjadi kerisauan juga adalah tentang persediaan pelajar baru untuk Tingkatan Enam. Kita ada sekolah yang dikhaskan, Sekolah Menengah Alang Iskandar tetapi pelajar-pelajarnya datang daripada agak jauh daripada tempat itu. Jadi ini juga tidak memberikan kemudahan kepada pelajar-pelajar untuk belajar dengan baik. Jadi saya ingin bertanya, kementerian menyatakan berapakah jumlah dana yang diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan sekolah dan fasiliti pendidikan di seluruh negara, berapa peratuskah sekolah dan fasiliti pendidikan yang telah di selenggara dan dibaik pulih oleh kementerian setakat ini?

Jadi selain daripada itu, keperluan kritikal sekolah, ada 100 keperluan kritikal sekolah iaitu Sekolah Menengah Pelangi Perdana di Batu 5, Jalan Baru. Permasalahannya adalah tidak ada sekolah menengah yang berdekatan dan pelajar terpaksa mengharungi perjalanan antara 15 hingga 25 kilometer. Saya difahamkan kelulusan telah ada, tender projek ini akan dikeluarkan oleh kementerian dalam masa yang terdekat. Apa yang saya mohon ialah mempercepatkan proses dan prosedur yang diperlukan bagi membina sekolah ini kerana memang menyebabkan tekanan kepada ibu bapa, tekanan kepada pelajar yang terpaksa keluar terlalu awal dan balik lambat, tekanan kepada guru-guru, semua mereka-mereka yang terlibat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, saya mohon sangat kementerian mempertimbangkan cadangan untuk membina SBP di daerah ini dan juga ataupun MRSM di daerah ini kerana pelajar-pelajar ini yang pergi keluar, mereka memerlukan wang yang lebih.

Seperti yang saya kata tadi, bukan semua tetapi kebanyakannya adalah petani-petani dan rakyat-rakyat miskin. Mereka perlukan duit, jadi banyak kerana pelajar-pelajar dihantar contohnya sekolah menengah sains, jauh daripada daerah, maka itu perbelanjaan. Kita juga di Daerah Kerian yang mana pelajar-pelajar yang cemerlang seperti saya kata banyak dieksport keluar. Yang tinggal adalah pelajar-pelajar yang tidak dapat pergi mana-mana namun mereka juga dapat memberikan persaingan yang hebat sehinggakan SPM satu keputusan yang baik telah dapat dicapai dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Bagan Serai, pendek sahaja boleh, sekejap. Tuan Yang di-Pertua:..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih. Saya terpanggil bila cakap pasal pendidikan tadi. Yang terhormat Bagan Serai, tadi saya dengar seolah-olah perkataan bodoh, sombong, menipu, tentang sistem pendidikan kita. Saya rasa, saya tak tahu apa yang disuarakan tetapi bila saya *check* balik PISA ini sebenarnya, ini adalah satu periksa *assessment test* dua jam yang dibuat setiap tiga tahun dan melibatkan 510,000. Saya mungkin ada jawapan-jawapan khusus kenapa kerajaan mungkin buat sama dengan PISA ini atau tidak. Jadi kita di STEM - sains, teknologi, matematik yang khusus..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Habis masa Yang Berhormat Bagan Serai.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tetapi sebenarnya, kenapa saya minta supaya yang sebelah sana janganlah menghina kerajaan sampai bodoh, sombong, menipu. Saya ingat fakta-fakta yang diberi amat *misleading*. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, supaya belah sana nanti saya lupa siapa yang bercakap tadi, minta tarik baliklah perkataan bodoh, sombong, menipu ini. Sebab yang diberi fakta mengenai PISA ini pun tidak *representatives*. Jadi apa pandangan yang Berhormat Bagan Serai, ini satu perkara yang *misleading* Dewan mulia ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya memang setuju sangatlah. Yang Berhormat Kota tinggi ini prihatin betul-betul. Walaupun sudah tengah hari ini, kadang-kadang orang sudah lapar tak boleh fokus, dia dapat fokus. Tengok perkataan-perkataan yang tak baik yang kita gunakan dalam Dewan ini. Sudah pasti mereka yang sudah lama di dalam Dewan ini memahami tetapi sayangnya ada yang masih tidak memahami, keluar perkataan-perkataan yang tak baik, yang tak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus hendak bagi tahu sekali bahawa saya punya fokus pada kesihatan adalah sangat-sangat penting. Di Parlimen Bagan Serai ini kita sudah lama dah menunggu pembinaan hospital daerah yang baru yang telah diluluskan diceritakan sejak tahun 2008 lagi dan hari ini sudah adalah. Katanya kerja tanah dan dikatakan tender akan keluar lagi. Saya bukan apa, saya hendak menekankan sekali lagi betapa pentingnya perkara ini telah menjadi jeritan orang-orang di Parlimen Bagan Serai, di Daerah Kerian sangat-sangat penting supaya perkara ini diambil perhatian kerana kita ini dikatakan dalam satu kaji selidik, Malaysia

di kalangan 30 negara teratas dunia yang mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang paling cekap dan mempunyai perkhidmatan kesihatan yang mantap. Namun...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat, boleh minta laluan?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Ramai rakyat yang masih sakit dan sebagainya dan kita kekurangan doktor dan sebagainya, jadi perkara ini perlu diambil serius supaya kita dapat melahirkan satu negara yang maju, yang hebat dengan pendidikannya, yang hebat dengan kesihatannya rakyat di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa sudah habis yang terhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Seperti yang saya katakan tadi, fokus kepada pendidikan kesihatan yang amat penting. Saya ucap tahniah kepada kerajaan yang telah buat berbagai-bagai untuk melaksanakan yang terbaik, namun tidak cukup perbelanjaan... *[Tepuk]* Oleh sebab itu adanya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Akan tetapi adalah manusia-manusia yang pendek akalunya, susah hendak faham benda ini, sindir-sindir dan kata perkara-perkara yang buruk mengenai kerajaan, mengelirukan rakyat hari ini. Itu yang kita tak setuju... *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai menyokong rang undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat..

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, sambung jam 2.30 petang nanti dengan Yang Berhormat Pokok Sena ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena, 15 minit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada isu Perlembagaan sikitlah, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I want to raise constitutional issue* sikit pasal akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat kah, apa-apa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pasal *point on constitution*, Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: *Constitution?* Yang Berhormat, macam mana *you raise constitution?* Saya bukan boleh buat *ruling on constitution*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, saya nak bangkitkan persoalan sahaja. Nanti Tuan Yang di-Pertua boleh buat selepas...

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Sila, sila.

2.33 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat kepada Akta Perbekalan ini. Kalau dilihat kepada fasal 2, mengatakan, "*Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi RM3,081,413,026 daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2016 yang tidak diperuntukkan*" dan salah satu perbelanjaannya ialah Suruhanjaya Pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, kalau kita lihat kepada akta ini dan saya telah melihat peruntukan Perlembagaan khususnya Perkara 103, 104 sebab kalau kita lihat dalam rang undang-undang ini, dia rangkumkan SPR ini perbelanjaan termasuklah perbelanjaan bagi yang dipanggil "*luar jangka*" untuk pilihan raya kecil iaitu Pilihanraya Kecil Kuala Kangsar dan juga Pilihanraya Kecil Sungai Besar.

Yang itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tak kata mereka tak boleh keluarkan tetapi yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, adakah wajar wang itu kalau sekiranya hendak dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Disatukan seperti dalam Perbekalan ini? Sebab, dalam Perlembagaan mengatakan bahawa kalau sekiranya kita hendak keluarkan wang yang sebegitu, mestilah keluar daripada Kumpulan Wang Luar Jangka. Kalau kita lihat kepada Kertas Perintah 1A, Tuan Yang di-Pertua, memang dinyatakan bagi Suruhanjaya Pilihan Raya itu dia kata jumlah telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, kenapakah di dalam Kertas Perintah kata Kumpulan Wang Luar Jangka tetapi di sini kata dia merangkumi semua daripada Kumpulan Wang Disatukan? Jadi saya rasa ini satu perkara yang perlu diberi penjelasannya supaya kita tak mahu nanti takut ada pengeluaran daripada dua akaun yang berbeza. Takut dua-dua wang itu dikeluarkan sebab ini melibatkan *every single cent* ini jumlahnya banyak, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa kita perlu berhati-hatilah.

Saya tak kata bahawa tak boleh dikeluarkan wang. Cuma, saya hendak pastikan adakah prosedur itu betul sebab kalau saya baca ini, Tuan Yang di-Pertua, Artikel 103 Kumpulan Wang Luar Jangka... *[Membaca petikan]*

“Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi mewujudkan suatu Kumpulan Wang Luar Jangka dan memberi kuasa Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, jika berpuas hati bahawa telah timbul keperluan perbelanjaan yang mendesak dan di luar jangkaan yang baginya tiada peruntukan lain wujud, untuk membuat pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka itu untuk memenuhi keperluan itu”

Dan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Artikel 103 sub Artikel 2... *[Membaca petikan]*

“Jika apa-apa pendahuluan dibuat mengikut Fasal (1), satu anggaran tambahan hendaklah dikemukakan melalui satu Rang Undang-undang Perbekalan”.

Apa yang saya faham, Tuan Yang di-Pertua, *if you want to* ambil daripada Kumpulan Wang Luar Jangka, mesti ada satu rang undang-undang seperti ini tetapi melalui Wang Kumpulan Luar Jangka, bukan daripada Kumpulan Wang Disatukan. Sebab kalau kita lihat, walaupun mungkin boleh diujahkan bahawa nak ambil daripada Kumpulan Wang Luar Jangka itu pun daripada Kumpulan Wang Disatukan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat Perkara 104, apa yang dibuat oleh kerajaan ini, bagi saya, tidak mematuhi Artikel 104, *of the Constitution*.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Tuan Yang di-Pertua, mungkin boleh dapat penjelasan Menteri, apakah prosedur yang sekarang dipakai ini adalah betul atau tidak? Kalau tak betul, kita risau wang ini mungkin telah dikeluarkan dengan cara tak sah melalui Perlembagaan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak persoalkan boleh tak boleh belanja, cumanya Tuan Yang di-Pertua, adakah sah atau tidak sah mengikut Perlembagaan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat, *I will take note of that*. Saya harap nanti kalau Menteri yang berkenaan menggulung, sila ambil perhatian apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang tadi. Sila Yang Berhormat.

2.37 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut terlibat dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama untuk tahun 2016.

Saya ingin memberikan satu pandangan dan cadangan, kerana saya melihat kita boleh dikatakan setiap tahun akan ada bajet tambahan dan bagi saya bahawa perbelanjaan tambahan ini sesuatu yang tidak mencerminkan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, tentang kecekapan, ketepatan pihak kerajaan dalam membuat unjuran perbelanjaan untuk satu tahun sebelum daripada mereka membentangkan dan diluluskan di Parlimen ini tentang perbekalan tahunan yang dibawa.

Jadi untuk hendak mengelak daripada ketidakcekapan dan ketepatan dalam membuat unjuran perbelanjaan tahunan ini supaya dia tidak terus berkekalan masalah ketidakcekapan

dan ketidaktepatan ini, saya mencadangkan supaya amalan perbekalan tambahan diluluskan selepas perbelanjaan ini tidak boleh lagi diamalkan di Malaysia di dalam negara kita ini melainkan saya mencadangkan kepada pihak kerajaan iaitu supaya kita, walaupun ia dibenarkan macam disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi, ia dibenarkan oleh Perlembagaan, peruntukan 103 dan juga 104 begitu juga dengan peraturan mesyuarat yang berkaitan, P.M.68 dan P.M.68A, tetapi bagi saya bahawa kalau dia memerlukan pindaan kepada Perlembagaan dan juga pindaan kepada peraturan mesyuarat, maka kita harus buat supaya untuk ke hadapan ini, kita lebih berhemah dan bercermat dalam membuat pembentangan belanjawan setiap tahun yang dikemukakan pada Oktober pada setiap tahun.

■1440

Jadi sebab itu bagi saya bahawa kita harus membuat pindaan kepada Perlembagaan dan juga Peraturan Mesyuarat untuk memastikan perbelanjaan tambahan itu mesti diluluskan terlebih dahulu oleh Parlimen. Maknanya, kerajaan harus meminta kelulusan daripada Parlimen untuk membelanjakan mana-mana ketidakcukupan peruntukan wang dalam apa-apa perbelanjaan di peringkat kementerian dan agensi kerajaan ini mesti diminta kelulusan terlebih dahulu.

Ini bagi saya Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mengelak kita membuat perbekalan, menyediakan perbekalan seolah-olah macam setiap tahun kita buat belanjawan ini ikut teringat kita hendak buat. Kemudian *mai* pula belanjawan tambahan, Oh! Kita teringat ada lagi yang tertinggal. Jadi hendak kita buat perbelanjaan tambahan. Jadi saya mencadangkan ini harus diambil pertimbangan oleh pihak kerajaan.

Keduanya ialah dalam perbelanjaan ini juga menyentuh persoalan MAS iaitu dalam pencarian MH370 dan sebagainya. Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II ini ialah tentang masalah pengurusan MAS sekarang ini dalam konteks pengurusan *engineering* MAS, kejuruteraan MAS.

Saya telah bangkit dalam perbahasan Titah Diraja tetapi tidak dijelaskan oleh pihak kerajaan di mana pihak pengurusan MAS pertama sekali sudah pun dikendalikan oleh orang luar daripada Jerman dan sebagainya oleh Paul Kear dan kemudian di peringkat *engineering* juga ialah dia dikendalikan, diketuai oleh Ketua Jabatan *Engineering*, *MAS Engineering* nya ialah daripada orang putih juga dan kininya MAS telah pun melaksanakan satu lagi usaha sama, kerjasama dengan pihak Lufthansa Technik untuk mengambil alih, mengendalikan urusan *MAS Engineering* iaitu bagi tujuan memperbaiki, menyelenggarakan, memperbaiki dan baik pulih pesawat.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana kita boleh memberikan Lufthansa Technik ini, syarikat luar ini sedangkan kita ada keupayaan. Kenapa kita tidak bangukan *MAS Engineering* itu sendiri untuk menjadi satu yang disebut sebagai MRO untuk *Regional Center of Excellence* di rantau ini? Memang MAS telah pun pernah mencipta sejarah masa lampau satu ketika dahulu tetapi oleh kerana masalah pengurusan pengendalian MAS, maka akhirnya menyebabkan hari ini kita lihat bahawa *MAS Engineering* sendiri yang telah mencipta sejarah

dengan kehebatan anak Malaysia, bangsa Malaysia sendiri, tiba-tiba hari ini kita serahkan pengendalian *MAS Engineering* itu kepada Lufthansa Technique, sehingga diberikan jawapan kepada saya dalam satu soalan yang pernah saya kemukakan pada 9 Mac untuk mengendalikan pesawat 737 sampai Airbus 320. Sedangkan semua ini telah pun dicipta oleh bangsa Malaysia sendiri, oleh *MAS Engineering* yang telah mencipta nama di seluruh dunia sebelum ini.

Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, kenapa ini boleh berlaku? Kalau hendak dikatakan Airbus 320, kita ada syarikat Malaysia yang bersebelahan *MAS Engineering* yang turut mengendalikan penyelenggaraan kepada Airbus 320 iaitu syarikat *Sepang Aircraft Engineering (SAE)* yang turut mengendalikan Airbus 320. Ini sudah tentu dengan kita menyerahkan kepada Lufthansa Technique untuk mengambil alih daripada Boeing 737 sampai Airbus 320, ini menjejaskan kepada syarikat-syarikat Malaysia itu sendiri dan juga menjejaskan kepakaran daripada anak-anak bangsa Malaysia. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

Ketiganya, saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Baru-baru ini kita menyambut 210 tahun Polis Diraja Malaysia. Saya mengucapkan Selamat Hari Polis kepada anggota polis di Malaysia tetapi bagi saya bahawa 210 tahun polis yang malang apabila diletakkan pihak polis berada, anggota polis berada kepada tahap keberhutangan yang tinggi di dalam negara kita. Jadi, satu yang menyedihkanlah. Maknanya 210 tahun, anggota polis terpaksa hendak hidup ini, terpaksa kena berhutang lagi banyak. Tidak cukup dengan pendapatan mereka. Akan tapi yang paling malang sekali ialah jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri seolah-olah beri penerajang kepada muka anggota polis di dalam negara kita, seolah-olahnya menyalahkan pihak polis kononnya anggota polis yang berhutang ini kerana gaya hidup, *lifestyle*, berbelanja lebih daripada pendapatan mereka, daripada gaji mereka.

Sedangkan saya tidak menafikan mungkin ada di kalangan anggota polis yang membelanjakan dengan gaya hidup yang mewah melebihi daripada pendapatan mereka tetapi berapa kerat di kalangan mereka. Tiba-tiba kita hendak hukum bahawa, Oh! Anggota polis ini kerana mereka berbelanja di luar daripada kemampuan yang ada kepada mereka. Bagi saya, inilah hadiah 210 tahun polis apabila kehidupan mereka yang menekan akibat daripada kos sara hidup yang tinggi. Apatah lagi hidup di bandar ini, tiba-tiba diletakkan kesalahan beban itu kepada pihak polis, kepada anggota polis kononnya mereka berbelanja lebih daripada pendapatan.

Sedangkan ada orang-orang politik sendiri yang berbelanja yang lebih daripada pendapatan. Bagaimana Exco kerajaan negeri yang ditahan baru-baru ini, isteri dia 150 beg tangan, *handbags*. Isteri Exco, SPRM tangkap. Maknanya, lima bulan satu beg mahu pakai. 150, lima bulan baru satu beg. Maknanya hendak habis 150 beg itu. Bayangkan maknanya kena berapa tahun baru boleh habis 150 beg. Jadi ini menunjukkan bahawa perbelanjaan orang politik yang di luar daripada kemampuan, yang menunjukkan gaya hidup yang mewah ini yang sepatutnya dipersoalkan oleh pihak kerajaan.

Saya tidak menafikan bahawa ada anggota polis tetapi untuk hendak menghukum sampai kepada peringkat hendak buang kerja, kerana apa? Ini kerana mereka berhutang, hendak buang kerja. Kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, kalau sampai kepada satu peringkat kena buang kerja, kita akan buang kerja kerana mereka ini berhutang dan mengambil hutang daripada institusi yang tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan. Jadi bagi saya bahawa sepatutnya kerajaan kena mencari jalan penyelesaian.

Saya hendak minta penjelasan, saya hendak minta supaya pihak kerajaan, pihak polis memberikan penjelasan kepada saya berapa kerat, berapa anggota pihak polis yang betul-betul berhutang kerana gaya hidup yang mewah, belanja lebih daripada pendapatan dan berapa sebenarnya yang berhutang kerana kos sara hidup? Saya hendak mencadangkan supaya kalau yang benar-benar berhutang kerana kos sara hidup tinggi, tidak berkemampuan, anak hendak sekolah dan sebagainya, pendapatannya rendah, sewa rumah yang tinggi dan sebagainya, saya cadangkan bahawa pihak polis harus mengusahakan jabatan zakat, Baitulmal dan sebagainya membantu anggota polis menyelesaikan hutang mereka, apatah lagi anggota polis di peringkat rendah ini.

Kemudian yang keempatnya Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan guru-guru. Saya agak kesal dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari ini yang disiarkan di dalam media, ucapan beliau semalam, guru-guru yang hendak kritik kerajaan boleh berambus. Itulah bahasanya, boleh berambus, boleh berhenti dan sebagainya. Apa masalah kerana guru-guru, tak akan guru-guru, hendak semua guru itu pendam, pendam menjadi satu *tension*, tekanan kepada hidup, tekanan perasaan dalam kehidupan mereka. Tak akan kerana dia tidak setuju dengan GST, dia pendam juga walaupun tidak bersetuju dengan GST. Dasar yang dibawa oleh kerajaan, dia tidak boleh hendak kritik, dia tidak boleh hendak luah di mana-mana. Apa masalah?

Kalau kerana dia tidak bersetuju dengan kerajaan, apakah boleh kita hendak suruh guru yang kritik Kerajaan Selangor, yang kritik Kerajaan Pulau Pinang, yang kritik Kerajaan Kelantan, adakah kerajaan juga hendak suruh *depa* ini kena berhenti kerja? Biarlah, biar bagi munasabah untuk kita hendak berhadapan dengan hal-hal yang menunjukkan kesedaran yang tinggi di kalangan anggota perkhidmatan awam khususnya di kalangan guru-guru ini. Sepatutnya kerajaan harus tangani, berikan penjelasan kepada mereka. Bukannya lawan dengan cabar mereka supaya berhenti kerja. Saya hendak minta kerajaan jangan sakiti polis, jangan sakiti hati guru-guru... [*Tepuk meja*]

Bagi saya bahawa tindakan terhadap, cemuhan terhadap anggota polis, tindakan cemuhan terhadap guru-guru ini, satu perbuatan menyakiti hati anggota perkhidmatan awam khususnya polis dan juga guru-guru. Jadi saya minta hentikan perkara ini. Sebab macam saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, tak akan kita hendak suruh guru yang kritik Kerajaan Pulau Pinang, Kerajaan Selangor dan juga Kerajaan Kelantan, suruh, "*Hah! Sila berhenti*". Saya fikir Kerajaan Pulau Pinang pun tidak suruh buat macam itu, Kerajaan Selangor pun tidak suruh buat macam itu, Kerajaan Negeri Kelantan pun tidak suruh buat macam itu. Tidak pernah hendak dicabar kamu boleh berhenti kerja. Tidak. Tiba-tiba hari ini kerajaan tidak mampu

hendak menghadapi guru, cikgu yang tidak bersetuju dengan kerajaan. Apa masalahnya kalau dia tak setuju dengan kerajaan kerana itu adalah hak dia untuk dia hendak buat pilihan kalau dia tidak sokong UMNO, tidak sokong kerajaan.

■1450

Bukan kerana dia gagal melaksanakan tugasnya. Walaupun dia kritik kerajaan tetapi dia masih mampu untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang pendidik. Jadi sepatutnya bagi saya bahawa kerajaan harus lebih bercermat dalam hal ini. Akan tetapi kalau kerajaan hendak maki cikgu, hendak maki polis, hendak maki kakitangan perkhidmatan awam hari-hari, saya kata silalah maki. Tidak ada masalah tetapi saya sedihlah dengan anggota perkhidmatan awam, cikgu-cikgu khususnya dan juga anggota polis yang tidak dihargai perkhidmatan mereka yang telah mengangkat martabat pendidikan dan juga keselamatan dalam negara kita ini.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Apabila hendak melaksanakan satu proses kononnya disebut pagi tadi hendak mengangkat taraf hidup pekebun kecil getah dan sebagainya dengan membuat jalan yang berasaskan kepada getah. Saya hendak tanya pihak kerajaan. Betullah saya setuju kalau itu boleh mengangkat kehidupan penoreh getah dan juga pekebun kecil tetapi disebut tadi kos itu 15 peratus lebih daripada kos buat secara biasa melalui tar dan sebagainya. Jadi pada kadar harga getah berapa yang kerajaan boleh buat jalan menggunakan bahan daripada getah?

Saya bimbang bermakna bahawa akhirnya sekali kita tidak dapat hendak memastikan, hendak mengangkat harga getah yang lebih tinggi untuk kebaikan kepada penoreh dan juga pekebun-pekebun. Kalau dia kata bahawa dalam keadaan lebih 15 peratus, kalau harga getah RM3, baru kerajaan boleh buat. Kalau lebih daripada RM3, kerajaan tidak boleh buat jalan berasaskan getah. Maknanya getah akan duduk pada harga RM3. Penoreh getah, pekebun kecil tidak akan merasainya harga getah pada peringkat yang pernah tinggi satu ketika dulu iaitu lebih RM8.

Jadi ini tidak menguntungkan. Hakikatnya tidak boleh memberikan keuntungan kepada pekebun kecil dan juga penoreh getah. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa memberikan perhatian kepada ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Yang Berhormat... tiada. Sila, sila Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sila, Yang Berhormat.

2.53 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berucap tentang situasi kewangan Kementerian Luar Negeri. Daripada apa yang kita tahu sekarang ini, kebanyakan daripada peruntukkan yang diminta lebih kurang RM24 juta adalah daripada Kementerian Luar Negeri untuk perbelanjaannya di luar negara. Jadi apa yang menjadi satu kebimbangan adalah perbelanjaan yang tidak dapat diuruskan dengan baik yang boleh menjejaskan nama Malaysia di seberang laut.

Contohnya, kita telah menerima berita-berita daripada kakitangan asing atau bekas daripada kedutaan Malaysia di luar negara bahawasanya ada juga gaji-gaji pegawai iaitu warganegara asing yang tidak dibayar atau dibayar lambat. Ini amatlah mendukacitakan kerana ini boleh *effect the reputation of the Malaysian Government*, dengan izin. Ini adalah satu perkara yang patut diberi *priority* dan kerajaan patutlah mengambil satu tindakan atau satu *contingency plan* supaya perkara ini tidak boleh berlaku. Tidak dibenarkan berlaku kerana apabila reputasi telah rosak, amat susah untuk dibaiki.

Ini juga ada kaitannya dengan *maintenance*, dengan izin, kereta-kereta dan juga peralatan *foreign missions* di luar negara yang dikatakan tidak diurus dengan baik dan banyak yang terjejas di mana kakitangan-kakitangan *embassy* kita, kedutaan kita tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Saya rasa, walau bagaimana bermasalah dari segi kewangan pun, *contingency plan* patut diuruskan untuk tidak menjejaskan mutu kedutaan kita di luar negara kerana ini mencerminkan negara kita. Kita juga telah diberitahu bahawasanya kemungkinan besar 30 daripada *our foreign mission* akan ditutup. Ini tidak pernah berlaku dan paling teruk di waktu yang lepas pun adalah hanya *downgrade foreign mission* status tetapi tidak melibatkan penutupan *foreign mission* di luar negara.

Kita harap perkara-perkara ini dapat diatasi tidak sampai ke tahap sedemikian rupa kerana ini adalah satu tragedi. Kalau kita tidak dapat memberi satu kepercayaan kepada negara asing dalam masa negara kita sekarang ini menghadapi masalah kepercayaan daripada orang luar juga. Cara-cara untuk menjimatkan lagi perbelanjaan kedutaan dan juga di *United Nations* juga perlu diberi satu perhatian supaya semuanya diuruskan di dalam bajet atau di dalam peruntukan yang telah ditetapkan kerana kita difahamkan apabila Malaysia melobi untuk menjadi ahli *Security Council United Nations*.

Kerja lobi melobi telah dijalankan dengan begitu pesat sekali sehingga melibatkan berjuta-juta malahan ada yang menyatakan terlibat sampai beratus juta kerana Malaysia mengambil langkah luar biasa bukan hanya melobi *disource* atau di tempat asal umpamanya seperti di *New York, United Nations* sahaja di mana delegasi-delegasi *United Nations* bertempat tetapi Malaysia telah berusaha mengambil kesempatan untuk pergi dari negeri ke negeri iaitu contohnya ke Eropah, Asia, Amerika Selatan dan sebagainya. Sudah tentulah perbelanjaannya amat tinggi. Kenapakah kita membuat langkah-langkah sedemikian rupa apabila kita tahu kerajaan menghadapi masalah kekangan kewangan. Ini adalah satu lagi perkara yang kita harus perhalusi. Dalam keadaan begitu juga, kita patut menjaga nama baik kita di dalam arena antarabangsa apabila kita menduduki *Security Council*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin meminta kerajaan untuk memberi satu ketetapan atau satu pendirian yang konsisten dari segi kita punya dasar luar atau *foreign policy* di mana sekarang ini dalam perbelanjaan yang begitu besar dan begitu banyak lobi melobi dilakukan, rakyat sendiri dan juga negara-negara antarabangsa keliru apakah sebenarnya dasar Malaysia hari ini. Adakah kita masih negara berkecuali atau kita telah merubah dasar kita? Itulah di antara perkara-perkara yang Malaysia perlu menetapkan supaya tidak ada keaburan di dalam *standing* kita atau pendirian kita. Perbelanjaan yang tinggi boleh diuruskan

dengan baik kalau kita ada perancangan yang teliti dan juga satu sikap untuk menjaga *contingency plan* supaya tidak sampai menjejaskan nama baik kita. Ini termasuklah seperti apa disebut tadi pembayaran gaji-gaji pegawai-pegawai di jabatan asing dan juga penurunan taraf *foreign mission* kita sehinggakan sampai ada beberapa yang dijangka akan ditutup.

Itulah permintaan kita dan kita harap dari setahun ke setahun, Malaysia mestilah mengambil lebih banyak langkah-langkah untuk memastikan perkara ini tidak berlaku kerana ini akan *reflect on our national standing*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang.

2.49 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya giliran Barisan Nasional ini. Barisan Nasional pun nampaknya tidak suka hendak berbahas, Tuan Yang di-Pertua kecuali Ahli Parlimen GSTlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hanya berbahas beberapa perkara sahaja pertamanya menyentuh tentang SPR, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana dalam SPR ini, peruntukan diminta agak tinggi, Tuan Yang di-Pertua iaitu peruntukan tambahan sebanyak RM60 juta lebih kurang sedangkan Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa peruntukan kepada SPR telah pun ditetapkan iaitu sebanyak RM73 juta. *RM73.8 million*, Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan. Tiba-tiba minta lagi *RM60 million*. Saya rasa ini satu perkara yang agak aneh, Tuan Yang di-Pertua sebab SPR ini sudah tentulah mempunyai pengalaman-pengalaman dalam mengendalikan pilihan raya dan sudah tentu dia dapat menjangkakan apakah kos yang sepatutnya dibelanjakan. Tiba-tiba sudah minta RM73.8 juta, sudah luluskan, minta lagi RM60 juta.

■1500

Saya rasa kalau setakat minta RM60 tidak apalah, RM60 juta, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ini satu jumlah yang begitu tinggi dan saya minta supaya kalau boleh Menteri memberikan justifikasi apakah jumlah RM60 juta itu satu jumlah yang wajar diluluskan oleh Parlimen ini.

Mengenai SPR Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa kalau kita lihat dalam Perlembagaan khususnya dalam Perkara 113 adalah jelas bahawa SPR ini dalam melantik, Yang Dipertuan Agong dalam melantik anggotanya mesti, istilahnya ialah '*mesti mendapat kepercayaan awam*', dapat *public confidence* lah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan di sini adakah kita secara jujurhah khususnya pihak kerajaan, percaya bahawa SPR ini betul-betul telah mendapat kepercayaan awam. Saya rasa dalam negara kita ini, SPR ini antara institusi dalam negara kita ini yang memang sukar untuk mendapat kepercayaan awam. Walau mereka telah bertukar beberapa orang pengerusi tetapi persepsinya ialah SPR ini, ia dilihat tidak begitu *independent*. Jadi sebab itu tidak peliklah kalau bekas pengerusi SPR pun masuk parti BERSATU. Ini orang nombor satu ini. Kalau dia rasa pilihan raya ini adil Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dia mesti masuk UMNO

ataupun mungkin akan mempertahankan SPR. Akan tetapi nampak dia pun rasa Tun Mahathir lagi betul daripada sekarang ini, sebab itu dia masuk PBB.

Saya ingin Tuan Yang di-Pertua juga menambah satu perkara lagi. Kalau lihat dalam Perlembagaan saya ingin mencadangkan kalau boleh Menteri mungkin boleh memikirkan adakah wajar kita teruskan satu peruntukan dalam Perlembagaan yang mengatakan satu-satu cara untuk mempertikaikan keputusan pilihan raya ini ialah melalui petisyen pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begini Tuan Yang di-Pertua sebab saya ada pengalaman. Saya banyak mengendalikan kes-kes petisyen pilihan raya. Ada dua kes yang berlaku dalam negara kita ini yang sebenarnya menunjukkan bahawa kita perlu sangat mengkaji undang-undang ini. Oleh sebab apa Tuan Yang di-Pertua, dalam kes yang saya sebut iaitu kes pilihan raya yang melibatkan Parlimen Pasir Puteh sebelum ini dan juga DUN Sanglang.

Apa yang berlaku di Pasir Puteh Tuan Yang di-Pertua ialah calon BN telah menang tetapi SPR telah isytiharkan calon PAS yang menang. Jadi dalam kes itu Tuan Yang di-Pertua, petisyen telah difailkan tetapi bila difailkan, saya amat menyokong dan juga menghormati peguam PAS ketika itu kerana dia telah, dengan izin, *considered* kesilapan itu dan kes telah diselesaikan secara baik dan akhirnya calon BN diisytiharkan menang.

Apabila berlaku dalam pilihan raya DUN Sanglang, mungkin Yang Berhormat Arau tahu. Kes itu juga Tuan Yang di-Pertua melibatkan kesilapan, kesilapan daripada pihak SPR yang telah mengumumkan calon PAS yang menang sebagai calon yang kalah kerana kesilapan dari segi pengiraan. Saya terpaksa mengisytiharkan kepentingan saya sebab saya sebagai peguam kepada calon PAS ketika itu yang sekarang menjadi Mursyidul AM PAS, Ustaz Hasni Yassin. Dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, sebelum keputusan itu diluluskan ataupun dimasukkan dalam gazet, saya telah membuat permohonan di Mahkamah Tinggi untuk minta supaya SPR betulkan. *There's no need* untuk kita pergi petisyen pilihan raya sebab Tuan Yang di-Pertua, undang-undang pilihan raya telah dipinda setelah berlaku kes Bukit Bintang, mahkamah tidak boleh mengisytiharkan kemenangan calon tanpa pilihan raya.

Jadi saya rasa kalau sekiranya dalam kes SPR telah membuat kesilapan, tiba-tiba kita fail petisyen pilihan raya, ada pilihan raya semula, ini menunjukkan satu ketidakadilan. Maka saya telah membuat satu permohonan dan saya telah melihat kes-kes di India yang lebih kurang undang-undangnya sama macam kita telah mengatakan bahawa SPR sebagai badan yang bertanggungjawab untuk mengadakan pilihan raya boleh dalam kes-kes tertentu betulkan maklumat dalam gazet itu sahaja.

Saya telah memohon permohonan untuk betulkan sebab keputusan belum digazetkan, saya minta betulkan saja tetapi Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan menentang. Akhirnya kita terpaksa fail petisyen pilihan raya. Bila kita fail petisyen pilihan raya, kita menang tetapi mahkamah telah isytiharkan pilihan raya itu tidak sah dan diadakan pilihan raya semula.

Saya kata ini tidak adil sebab kesilapan bukan daripada calon, daripada SPR. Kebetulan Tuan Yang di-Pertua, ada rayuan, undang-undang telah dipinda, kita boleh merayu. Kita telah merayu ke Mahkamah Persekutuan. Saya juga telah membuat kes itu. Di Mahkamah

Persekutuan, Alhamdulillah telah membuat keputusan memenangkan calon PAS tanpa pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menggunakan hujah sembahyang untuk meyakinkan mahkamah. Saya kata kalau kita sembahyang Maghrib, saya hendak beri contoh Tuan Yang di-Pertua. Kita sembahyang Maghrib, kita tersilap. Kalau tidak batal sembahyang itu, tidak perlulah sembahyang semula. Kalau kita silap, kita mungkin boleh buat sujud sahwi dan sebagainya. Akan tetapi dalam kes ini bukan berlakunya pilihan raya yang *void*, pilihan raya sah, cumanya tersilap. Maka saya minta supaya ketika itu Ketua Hakim Negara mengatakan tidak perlu pilihan raya. Akhirnya kita telah dapat mengekalkan, maksud saya PAS telah mengekalkan kerusi DUN Sanglang tanpa pilihan raya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan ada satu perubahan. Dalam kes-kes yang berlaku kesilapan seperti ini, saya harap selepas ini tidak perlulah pergi petisyen pilihan raya. Petisyen pilihan raya ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita failkan kes pun, hendak dapat bicara bukan senang Tuan Yang di-Pertua. Bagi kita sebagai peguam ini dapat bicara pun dah satu kemenangan sebab kita tahu banyak bantahan-bantahan yang dikemukakan dan bersifat teknikal. Selalunya hakim-hakim bermentaliti bahawa kalau bantahan dibenarkan dan akhirnya petisyen ditolak tanpa bicara.

Saya pernah buat kes di Kelantan Tuan Yang di-Pertua, walaupun mahkamah benarkan kes yang melibatkan pemberian wang daripada Yang Berhormat Pekan sendiri tetapi apabila kita pergi bicara, saksi hilang, semua saksi tidak ada. Saksi semua telah "diculik" bawa ke Kuala Lumpur. Akhirnya tidak ada saksi.

Jadi ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, hendak buat petisyen ini bukan satu perkara yang mudah. Jadi dalam kes-kes yang melibatkan kesilapan daripada pihak SPR, saya harap tidak perlulah kita sampai ke peringkat fail petisyen. Maknanya kita mesti, dengan izin, *relax the procedure* itu supaya kita boleh dalam kes tertentu ini mungkin SPR boleh hanya membetulkan maklumat dalam gazet dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua tentang guru tadi. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya daripada Pokok Sena bahawa Menteri tidak perlulah hendak ugut pegawai kerajaan ini. Bagi saya, kalau pegawai kerajaan ini tidak setuju dan bersuara membangkang, sepatutnya kerajaan patut bukan marah mereka sebaliknya kerajaan mestilah dengar apa yang mereka cakap.

Sebenarnya mana-mana orang yang kalau bersedia mendengar orang bangkang, ini satu perkara yang baik. Kenapa di Malaysia ini, bila dengar orang bangkang saja kita terus hendak hukum mereka. Hari ini saya baca dalam MalaysiaKini dilaporkan dah ada dah beberapa orang guru telah diberikan surat tunjuk sebab untuk diambil tindakan tatatertib. Ini bagi saya perkara yang tidak perlu diadakan. Saya rasa dah sampai masanya kita harus bersikap *tolerance* terhadap pegawai kerajaan ini.

Kalau sekiranya mereka ada tidak puas hati dan bersuara, kita *engage* dengan mereka, kita berbincang dengan mereka. Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka mungkin bersuara mengkritik kerajaan, tidak semestinya mereka automatiknyanya akan terus sokong pembangkang.

Mungkin mereka merasakan kalau mereka dah suarakan di peringkat dalaman tidak ada apa tindakan, mereka rasa cara yang terbaik ialah mereka buat kenyataan akhbar, bukan dengan suka hati tetapi dengan tujuan yang mulia.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Sepang.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Indera Mahkota bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Silakan, ya.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, minta izin. Tuan Yang di-Pertua, Sekijang bangun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang. Tadi berkenaan dengan guru ini, saya lihat sebenarnya mungkin kenyataan Menteri tadi itu dikeluarkan setelah melihat beberapa kenyataan dalam media sosial. Saya yakin kalau guru-guru ini menggunakan saluran yang betul untuk menyampaikan permasalahan, tidak puas hati dan sebagainya, saya ingat pihak kementerian boleh terima. Cuma apa pandangan daripada Yang Berhormat Sepang tentang isu ini.

■1510

Adakah guru-guru yang tidak berpuas hati dan sebagainya, tidak perlulah menggunakan media sosial. Kutuk kerajaan atau pun kutuk kementerian, bantai menteri dan sebagainya. Jadi kalau isu-isu macam ini saya ingat sepatutnya kita ada saluran yang betul, gunakan saluran yang betul. Jadi perkara ini mungkin tidak akan timbul. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Sepang.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Indera Mahkota sikit boleh tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sila, sila.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya nak kalau bolehlah Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini apabila bercakap fasal guru, fasal pegawai kerajaan ini saya rasa pegawai-pegawai kerajaan dan guru-guru telah lupa bahawa kedudukan mereka sebenarnya adalah kedudukan genting dan penting di dalam pembangunan negara kita.

Saya setuju sangat dengan pandangan supaya kita jangan ugut sama ada guru ataupun pegawai. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya nak baca apa yang disebut oleh Perdana Menteri kita yang kedua iaitu Tun Razak pada tahun 1967 ditujukan kepada semua pegawai-pegawai kerajaan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dia kata, "*As civil servants I hope you will stand up to us as politician...*" dia bukan kata jaga, *you* cakap *I* ugut *you*, *no*. Dia kata, "*As civil servants I hope you will stand up to us as politician and not allow yourselves to be dominated by us, because in a true democracy, the civil servants has a duty to perform, to place fairly and squarely facts before the politicians, based on balanced, unbiased judgement, which the politician can either take it or leave it, as he so wishes. After all...*" Yang ini saya nak ulang, "*After all civil servants are pensionable. You have nothing to lose. The future of our country...*", saya ulang "*The future of our country's democratic way of life is dependent on you*".

Jadi saya nak mengajaklah pandangan Yang Berhormat, apa kata Yang Berhormat, kalau sekarang ini kita sedarkan balik pegawai-pegawai kerajaan. *Stand up, speak and stand up to be seen*, dengan izin, supaya mereka juga menjadi satu elemen yang penting di dalam menjaga ketirisan, keborosan dan rasuah. Jangan mereka terlibat dengan rasuah, mereka patut memainkan peranan menjaga, memelihara *kantor* kewangan kerajaan negara kita. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada dua sahabat saya iaitu daripada Yang Berhormat Indera Mahkota dan juga Yang Berhormat Sekijang. Saya jawab dulu Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi. Saya ingin menambah bahawa, kalau kita ditakdirkan memerintah di peringkat Persekutuan, kita mengalu-alukan pegawai kerajaan ini bercakap kalau sekiranya benda tidak benar. Kalau ada benda kerajaan yang buat tidak benar, bercakap, jangan takut.

Jangan jadi macam pegawai kerajaan sekarang ini, nampak BN buat takut, BN buat tidak betul pun kita jadi pak angguk sahaja. Kita harus memuji kepada pegawai kerajaan yang berani bercakap ini dan kita tidak harus menghukum mereka. Sebagai peguam saya boleh, saya sanggup membela mereka sebab saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak patutnya berlaku. Saya rasa tentang Yang Berhormat Sekijang tadi, saya rasa Yang Berhormat Sekijang, saya setuju secara prinsipnya kita mesti ikut saluran, tetapi saya rasa pegawai kerajaan ini mereka telah ikut saluran tapi tidak dengar.

Kalau berhadapan dengan orang pekak badak saja Yang Berhormat Sekijang, susah. Kalau orang yang tidak pekak badak tidak apalah. Kalau yang pekak badak ini kita cakap apa pun tidak dengar. Sekejap ya, saya nak habiskan Yang Berhormat Sekijang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya nak menggulung Tuan Yang di-Pertua, bagi saya pegawai kerajaan ini bila mereka menggunakan saluran media sosial ini kerana mereka sudah rasa ini tiada jalan lain. Mereka terpaksa buat sesuatu untuk didengar, *to be heard*. Saya rasa kalau kerajaan tengok- sebab itu apabila contohnya bila mereka bercakap di media sosial terus kerajaan bagi kenyataan, respons nak ambil tindakan.

Bermakna kerajaan boleh, boleh respons tetapi sebelum ini tidak respons. Jadi itulah Yang Berhormat Sekijang, jangan anggap mereka ini sudah tidak hendak gunakan saluran yang betul. Mereka sudah guna, saya percaya tetapi saya setuju pada prinsip ini kita mesti ikut saluran. Akan tetapi, kalau sudah sampai peringkat tertentu kita terpaksa buat sesuatu benda supaya suara kita didengar, Yang Berhormat Sekijang.

Macam Yang Berhormat Sekijang lah, Yang Berhormat Sekijang mungkin jangan jadi pak angguk Yang Berhormat Sekijang. Sudah sampai masanya Yang Berhormat Sekijang banyak kali bersuara dalam mesyuarat UMNO Sekijang tidak berubah juga UMNO ini, berubah, keluar masuk Pakatan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sekijang tiada masalah sudah, jangan kacau.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Ketawa]* Masuk Pakatan, jangan duduk UMNO lagi, sudah penat bercakap orang UMNO Sekijang tidak dengar juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang masa, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Masa sudah habis Yang Berhormat Sekijang, kalau tidak kita boleh bercakap banyak lagi. Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya meminta, saya haraplah segala perbelanjaan sepanjang tambahan ini Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

Walaupun saya dalam masa yang sama saya juga ada nak sikitlah katakan, memang ada masa-masanya kita perlu jugalah belanja dulu baru minta, sebab apa, benda yang orang kata *unforeseen unforeseeable*. Akan tetapi secara prinsipnya saya setuju bahawa, kalau kita nak belanja patutnya kita mesti bajet betul-betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

3.10 ptg.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya untuk sedikit bercakap mengenai anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan pertama 2016. Kalau pertama maknanya boleh jadi ada kedua dan ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bajet tambahan ini semacam satu yang *schedule*. Boleh dikatakan setiap tahun ia ada bulan Mac, boleh jadi Jun dan kemudian kalau ada ketiganya ada lagi begitulah. Saya juga melihat bahawa selain daripada bajet ini seolah-olah *dischedule* juga pandangan-pandangan atau kritik-kritik daripada Ahli-ahli Dewan, semacam berulang dengan tajuk yang sama, jawapan juga sama dan seolah-olah tidak ada penambahbaikan terhadap apa-apa yang dikritik.

Umpamanya, kita semua difahamkan bahawa bajet tambahan adalah bajet untuk menghadapi perbelanjaan luar jangka. Bukan kepada benda-benda yang dirancang atau benda yang tidak dirancang kerana kita melihat bahawa setiap kali bajet dikemukakan kita melihat bajet itu sepatutnya diteliti, bajet itu sepatutnya dibuat dengan perancangan yang sangat teliti dan tepat.

Jadi kalau perkara begini menjadi satu semacam *schedule*, menjadi suatu yang dipanggil seolah-olah suatu fenomena maka ada sesuatu andaian yang sepatutnya kita boleh sebut dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini. Boleh jadi masalah kompetensi atau boleh jadi masalah kelemahan dalam perancangan bajet itu sendiri dalam peringkat awal. Saya harap itu tidak berlaku.

Kedua, boleh jadi juga kerana kita merasakan, kita lebih duit dan ini saya juga ingin bertanya kepada Menteri Kerajaan kerana hasil daripada GST yang kita pungut, hasil daripada subsidi yang kita potong atau subsidi yang bersasar, kenaikan petroleum, kenaikan-kenaikan komoditi yang kita perhatikan akhir-akhir ini, apakah pertambahan pendapatan sebenar 2016

dan berapakah juga defisit sebenar 2016? Atau selain daripada masalah-masalah yang saya sebut masalah dari segi perancangan yang tidak teliti, juga mungkin kita boleh andaikan bahawa ini merupakan suatu manipulasi bajet. Sekiranya kita merancang yang tepat, boleh jadi defisit kita besar. Maka ada perkara-perkara besar yang sepatutnya kita lakukan tetapi kita ke sampingan dulu dan kita masukkan dalam bajet tambahan.

Kalau ini yang berlaku saya rasa itu sesuatu yang tidak profesional, itu suatu yang tidak profesional. Ataupun mungkin kerana kenaikan kos di luar jangka. Kalau inilah berlaku, maka bajet tambahan itu adalah satu keperluan. Kenaikan-kenaikan kos yang tidak dijangka. Ataupun perkara-perkara yang sepatutnya kita memberi keutamaan perbelanjaan kepada apa yang telah kita bajetkan, itu mengenai perbelanjaan secara umum kepada bajet pertambahan.

Kedua, ingin juga saya sentuh sedikit mengenai peruntukan RM50 juta kepada sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah Cina dan sebagainya.

■1520

Di Kelantan misalnya, pada tahun 2008 telah diadakan satu perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri di bawah peruntukan ataupun perkara Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Saya juga difahamkan dalam perjanjian tersebut, pihak Kerajaan Persekutuan berjanji bahawa selepas sahaja perjanjian itu, maka infrastruktur atau peruntukan pembangunan itu akan terus disalurkan kepada sekolah-sekolah agama rakyat ataupun sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan di Kelantan.

Justeru itu, saya ingin bertanya, berapakah sekolah yang telah diberikan peruntukan tersebut? Walaupun saya tidak begitu cerap kerana saya difahamkan hanya enam buah sekolah yang baru diberi peruntukan. Sekiranya ada tambahan, betulkan maklumat saya.

Saya juga sangat berharap bahawa Kerajaan Persekutuan menunaikan janji ini kepada Sekolah Agama Rakyat Kelantan kerana ini telah pun dibuat perjanjian dan ini juga mengenai kepentingan sekolah-sekolah agama di Kelantan. Juga di dalam perjanjian tersebut, ada dibangkitkan maknanya sekolah-sekolah agama rendah yang *attach*, yang bersekali dengan sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan ini, ia dijanjikan akan dasingkan sekolah-sekolah ini.

Jadi saya rasa dalam kesempatan yang sedikit ini, saya ingin sekali lagi meminta pihak kerajaan supaya memerhatikan mengenai perancangan-perancangan perbelanjaan ini supaya ia tidak kelihatan bahawa di pihak menterinya, di pihak pegawainya dilihat sebagai tidak *competence* ataupun tidak melaksanakan tugas dengan sebaiknya.

Seterusnya di dalam bajet ini juga, saya ingin menambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua, supaya dalam perbelanjaan tidak berlaku keborosan. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya difahamkan, contohnya dalam pembinaan hospital untuk 250 buah katil di UniSZA, kos sebuah hospital ini memakan belanja lebih kurang RM600 juta. Akan tetapi di pihak swasta, untuk katil yang sama, perbelanjaan hanya RM250 juta. Saya harap perkara ini tidak- maknanya, kita boleh melihat bahawa perbelanjaan yang dilakukan oleh kerajaan begitu besar berbanding dengan perbelanjaan yang dibuat oleh pihak-pihak swasta.

Justeru itu, saya ingin menegur ataupun ingin memberi pandangan supaya kita menyelamatkan harta kita, harta kerajaan dengan melaksanakan dengan penuh hemat dan teliti. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sekijang.

3.23 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab Yang Berhormat Sepang, dia sudah lari pula.

Saya ingin terus kepada isu berkaitan dengan pencen, elaun bersara dan juga ganjaran. Pada minggu lepas, seperti yang disebut oleh beberapa orang Ahli Parlimen tadi, berkenaan dengan isu pihak polis yang mengatakan rasa tidak puas hati apabila jawapan daripada pihak kementerian berkaitan dengan keberhutangan yang tinggi yang berlaku di kalangan anggota polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya dapat melihat semula tentang isu keberhutangan ini. Walaupun dilihat isu ini kita sediakan ada nasihat daripada AKPK dan sebagainya, diberikan konsultan untuk membantu pihak polis ini menilai hutang mereka di peringkat individu, tetapi saranan saya kepada pihak kementerian, seperti juga yang telah disebut dalam media sosial baru-baru ini, apabila ramai di kalangan anggota-anggota polis ini mengatakan kerajaan harus juga melihat isu berkaitan dengan kebajikan mereka.

Saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian agar dapat meneliti juga isu berkaitan dengan kebajikan ini termasuklah yang dikatakan penginapan mereka ada masalah berkaitan dengan berek dan sebagainya, masalah tandas dan sebagainya. Jadi perkara-perkara yang kita rasakan perlu dinilai berdasarkan kepada kebajikan anggota polis ini dapat kita lakukan.

Berkaitan dengan ganjaran ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar diberikan ganjaran juga kepada anggota polis ini terutamanya apabila mereka melakukan operasi. Contohnya, apabila mereka melakukan operasi, ada yang menyatakan mereka mengambil peluang apabila dapat melakukan operasi ini, mereka akan melakukan aktiviti yang negatif ataupun aktiviti yang berkaitan dengan rasuah.

Jadi mungkin dengan memberikan ganjaran kepada anggota polis melalui hasil saman yang telah mereka dapatkan melalui saman tersebut, diberikan ganjaran kepada jumlah. Kalau mungkin pada hari tersebut dia telah mendapat saman mungkin lebih daripada RM2,000 atau RM3,000, mungkin boleh diberikan *percent*, satu atau dua *percent* daripada jumlah saman itu kepada anggota-anggota polis tersebut. Jadi sekurang-kurangnya ia memberikan satu motivasi baru kepada mereka untuk mendapatkan jumlah saman yang lebih.

Kemudian untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin minta supaya pihak kementerian mengkaji keperluan untuk memberikan bantuan terutamanya kepada warga emas dalam perbelanjaan luar jangka yang telah dinyatakan di sini. Kita berharap agar bantuan kepada warga emas ini dapat diberikan pada kadar jumlah

tambahan oleh kerana kita tahu ramai di kalangan warga emas ini mereka telah memohon bantuan daripada pihak JKM, namun ada beberapa perkara yang menjadi penilaian daripada pihak JKM menyebabkan mereka tidak layak untuk mendapat bantuan.

Seterusnya berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Saya ingin kementerian supaya dapat mengkaji semula keperluan untuk menambah jumlah peruntukan bagi kecemasan dan juga bencana.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini apabila saya diberi peluang untuk hadir dalam satu program di peringkat sekolah, saya mendapat aduan akibat daripada bencana ribut baru-baru ini di kawasan sekolah tersebut, bumbung mereka telah rosak. Namun, setelah mereka meminta bantuan daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan juga disalurkan terus kepada Pejabat Pendidikan Negeri dan juga pihak kementerian, perkara tersebut masih tidak lagi dapat diselesaikan. Saya melihat ini adalah disebabkan pihak kementerian masih belum dapat menubuhkan satu tabung khas untuk perkara berkaitan dengan bencana.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya dapat mewujudkan tabung khas bencana. Jadi, kalau berlaku apa-apa bencana di peringkat sekolah dan sebagainya ini, mereka boleh mendapatkan peruntukan daripada tabung tersebut untuk membaik pulih kerosakan-kerosakan yang berlaku di peringkat sekolah.

Akhir sekali, tadi ada disentuh hal berkaitan dengan guru. Saya ingat saya pun ingin menyentuh tentang perkara yang sama. Cuma, kalau disebut tadi oleh beberapa rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain bahawa mengambil tindakan kepada mereka ini kalau terlalu kasar, mungkin ia akan memberikan konotasi yang tidak baik kepada pihak kerajaan. Tadi saya ada menyarankan kepada Yang Berhormat Sepang supaya menggunakan saluran-saluran yang betul. Saya amat yakin jika saluran yang kita gunakan kini dapat kita gunakan dengan cara yang betul dan disampaikan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah kepada Pejabat Pendidikan Negeri dan sebagainya, ia akan dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

Walaupun begitu, saya amat yakin selain daripada pihak sekolah, guru-guru ini pun rajin sebenarnya menyampaikan permasalahan mereka kepada kita di peringkat wakil-wakil rakyat. Jadi saya ingat perkara berkaitan dengan aduan dan sebagainya ini boleh sampai sebenarnya kepada pihak kerajaan. Dan saya kira rata-rata daripada Ahli Parlimen, dalam setiap kali kita bersidang, kita membawa isu-isu berkaitan dengan pendidikan yang juga merupakan suara daripada rakan-rakan kita.

Cuma, saya ingin menekankan sekali lagi agar eloklah jika gunakan saluran yang betul, bukan menggunakan media-media sosial, menggunakan tangan-tangan ghaib yang lain dan menggunakan sumber-sumber yang saya kira tidak sepatutnya untuk menyampaikan rasa tidak puas hati dan juga rasa tidak seronok terutamanya dalam hal-hal berkaitan pendidikan ini. Saya menyarankan kepada guru-guru agar dapat menggunakan saluran yang betul setiap kali ada permasalahan.

Jadi itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.29 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2016) 2017 di peringkat dasar.

Kalau kita lihat daripada perbekalan tambahan, bagaimana sekali lagi Dewan ini menyaksikan permohonan bekalan tambahan untuk mengurus yang melibatkan kos sejumlah RM3,081,413,026 dan juga tambahan perbekalan tambahan untuk pembangunan sebanyak RM987,761,017.

■1530

Jadi, sebagaimana yang kita tahu, setiap tahun Dewan ini diminta untuk meluluskan perbekalan tambahan ada yang dua tiga kali, ada dua ataupun tiga kali setahun. Saya juga sebagaimana rakan-rakan yang lain ingin penjelasan kenapa berlakunya tambahan sedangkan perkara ini boleh dirancang lebih awal terutama perkara-perkara yang melibatkan operasi kerajaan. Jadi seharusnya pengurusan dari sudut bajet ini boleh dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan elaun, pencen dan sebagainya. Perkara ini boleh dikira lebih awal supaya tidak berlaku perbekalan tambahan sebagaimana yang ada sekarang.

Saya ingin juga penjelasan berkaitan dengan dari segi perbelanjaan kewangan negara kita yang dibelanjakan lebih dahulu sebelum Dewan ini diluluskan. Adakah ini mengikut prosedur kewangan yang betul dan apakah ini menjadi amalan juga di negara-negara lain? Jadi sebab kita tengok negara kita memang setiap tahun, bajet yang kita bincang hari ini pun sudah habis belanja. Jadi adakah perkara ini menjadi amalan juga negara lain? Saya minta penjelasan.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan yang melibatkan projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan. Sebagai contoh, kita tengok dalam bajet tambahan ini, kerajaan diminta untuk meluluskan sebanyak RM20 juta untuk naik taraf Lebuhraya Pan Borneo sedangkan setahu kita, projek ini sedang berjalan, macam mana sudah perlu kepada permohonan peruntukan tambahan. Apa sebenar yang sedang berlaku? Mungkin kita hendak tahu kedudukan sebenar.

Begitu juga kita mengharapkan supaya kerajaan dapat berbelanja dengan lebih teliti dan berhemah sebab wang yang ada dalam negara kita ini adalah wang rakyat. Jadi kita mengharapkan supaya kerajaan membuktikan kerajaan sendiri mematuhi disiplin fiskal yang di canang oleh kerajaan sendiri. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan meletakkan dari sudut perbelanjaan ini mencadangkan supaya kerajaan membentangkan laporan tahunan. Contoh, suku tahun pertama, berapa kos? Adakah perbelanjaan kita melebihi bajet, *overbudget* ataupun *underbudget*? Jadi supaya kita dapat merancang perbelanjaan kita dengan lebih berhemah.

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan program yang dimohon juga untuk tambahan iaitu untuk dana pembiayaan Transformasi Kedai Runcit dan dana pembiayaan program untuk bengkel automatif. Jadi saya ingin tahu, berapa manfaat yang telah diterima

setakat ini yang terlibat dalam program ini dan apakah item-item penting sehingga memerlukan RM18 juta tambahan?

Begitu juga kita lihat dalam buku bajet ini, tambahan ini diterangkan bagaimana peruntukan untuk kumpulan wang terkanun yang dipindahkan kepada kumpulan wang pembangunan sebanyak lebih daripada RM2.25 bilion. Saya ingin tahu justifikasi perkara ini dibuat dan kenapa dipindahkan kepada akaun pembangunan sedangkan belanja dari sudut perbelanjaan mengurus kita walaupun ada lebihan, masih lagi kelompangan-kelompangan? Contoh dalam bidang pendidikan sebagaimana rakan-rakan kita yang telah banyak sebut tadi, banyak lagi keperluan-keperluan berkaitan dengan keperluan di sekolah, keperluan yang melibatkan isu-isu pendidikan yang masih belum selesai. Jadi kenapa lebihan wang disatukan ini dimasukkan ke dalam akaun perbelanjaan pembangunan? Jadi saya ingin penjelasan tentang perkara ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu saya ingin juga penjelasan berkaitan dengan peruntukan tambahan RM104.4 juta tambahan kepada Perkhidmatan Sokongan Hospital. Jadi kita lihat isu berkaitan dengan keperluan hospital ini adalah satu perkara yang sangat terdesak. Rata-rata di seluruh Parlimen, saya kira isu berkaitan dengan keperluan ataupun kecekapan penambahbaikan hospital ini perlu diambil perhatian yang serius oleh kerajaan. Jadi saya ingin tahu sejauh mana usaha kerajaan dan telah memastikan keberkesanan perkhidmatan hospital terutamanya di seluruh negara memastikan bahawa setiap hospital itu cukup keperluan ataupun bajet yang diperlukan supaya dapat dilaksanakan program perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Saya ingin penjelasan juga tentang wabak baru. Ini satu perkara di luar jangka, wabak baru H5N1 yang berlaku di Kelantan baru-baru ini, berapa jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk memberi pampasan terutamanya pada penternak-penternak ayam dan sebagainya yang menghadapi kerugian kerana akibat daripada wabak ini? Jadi, perkara ini sudah tentu memerlukan kepada dana yang di luar jangkaan kita yang tidak diperuntukkan sejak awal kerana ini di luar jangkaan kita. Jadi saya ingin tahu, berapa banyak setakat ini yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan?

Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap supaya di masa akan datang, perbelanjaan kita lebih berhemah, perbelanjaan kita lebih mengikut justifikasi yang kita telah sediakan lebih awal dan segala peruntukan yang sepatutnya dirancang lebih awal, sepatutnya dimasukkan di dalam bajet, bukan dalam kita memohon dalam bajet tambahan supaya pengurusan kewangan negara kita lebih baik dan seimbang. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey lah, Yang Berhormat Parit Buntar.

3.37 ptg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan SPR kerana ada peruntukan RM62 juta lebih terhadap SPR bagi perbelanjaan tambahan iaitu perbekalan tambahan. Saya amat setuju

sebelumnya dengan rakan-rakan bahawa perbelanjaan tambahan ini selalunya, bekalan tambahan ini selalunya, datang dalam suasana sesuatu yang tidak terduga maka diminta untuk kita tambah. Saya rasa itu benda biasa dalam mana-mana kerajaan. Kita pernah lakukannya ketika harga minyak jatuh dan kita terpaksa minta kerana silap akaun kita menganggangkan harga minyak pada masa kita buat bajet itu pada harga yang hari itu. Bila jatuh, maka kerajaan tidak *foresee* satu *circumstances* atau suasana yang menyebabkan perlu kepada bajet tambahan.

Cuma saya tidak tahu, adakah bajet tambahan ini berada dalam kategori yang tidak dijangka atau adakah memang dirancang begitu seperti lazimnya pada pertengahan tahun. Sudah dua penggal saya duduk di sini, pasti ada bajet tambahan. Akan tapi itu kita minta penjelasan pada Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya lebih penting dalam masa yang diberikan ini ialah tentang SPR. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan satu bentuk *reform* terhadap bagaimana SPR itu dikendalikan kerana kita tidak ada apa-apa itu kita akan jadi satu kerugian jika setiap kali kita tambah bajet khususnya untuk SPR tapi SPR itu sendiri tidak *reform*. Jadi saya ingin mencadangkan dalam ucapan ini untuk kita melihat beberapa permasalahan Tuan Yang di-Pertua, berlaku dalam dunia politik kita.

Pertama ialah dalam soal politik wang. Politik wang ini ialah satu penyakit yang selagi mana tidak ada satu pendekatan untuk kita berhadapan dengannya, akan senantiasa menjadikan SPR sebagai satu badan yang tidak ada apa-apa penguasaan ke atas masalah. Oleh sebab itu saya melihat asas kepada perlunya *reform* itu bermula dengan satu budaya yang menghantui negara ini iaitu politik wang dan tidak ada satu undang-undang pun untuk menggarap persoalan itu.

Kedua, kita juga mendapati dengan berleluasanya politik wang ini Tuan Yang di-Pertua, akses kepada mereka yang tidak upaya kerana tiada duit, akan menjadi sesuatu yang tidak adil kepada mereka yang dia ada potensi, dia ada keupayaan tapi kerana tiada duit, dia tidak dapat menonjol dalam politik. Ini amat bahaya ketidakadilan akses wang ini, jika tidak dikawal, akan menyebabkan yang duduk sebagai ahli politik, syaratnya mereka mesti ada duit untuk jadi ahli politik. Ini sesuatu yang tidak baik bagi kita hendak lihat satu ketelusan, satu ke pertanggungjawaban dalam dunia politik ini.

Ketiga, kenapa kita perlu *reform* ialah kerana pembiayaan secara rahsia. Pembiayaan secara rahsia ini, kalau ada kontrak kah apa, okey, kita bagi kepada dia satu projek tapi *in return*, dia kena bantu kita, contohnya.

■1540

Ini tidak baik kerana akhirnya yang akan *dictate* ahli politik itu bukan prinsip perjuangan tetapi kontraktor-kontraktor besar yang melalui ahli politik mendapat akses sesuatu projek akhirnya kita melihat mereka yang menentukan prinsip bukan ahli politik itu sendiri. Jadi bagi saya itu satu yang perlu diberikan perhatian atas usaha kita untuk memperbaiki SPR ini. Keempatnya, ialah kenapa kita perlu. Institusi yang ada hari ini tidak ada kuasa untuk mengawal penyelewengan-penyelewengan politik yang berlaku dalam negara hari ini dan EC atau *Election Commission* walaupun kita hendak tambah lagi RM62 juta dekat dia tapi dia

seumpama satu badan yang mengendalikan pilihan raya tetapi tidak ada satu kuasa untuk menggarap persoalan-persoalan politik wang yang sedang berleluasa dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan sebagai ahli legislatif dari sudut perundangannya, kita terpaksa tengok balik Perlembagaan Persekutuan untuk kita memastikan bahawa pilihan raya itu benar-benar jujur dan adil. Seperti orang Indonesia sebut pilihan *jurdil*, jujur dan adil, tidak berlaku penipuan, tidak berlaku pembelian undi melalui wang dan sebagainya. Kita perlu meletakkan satu perkara yang kita *dok* tambah duit tiap-tiap tahun kepada Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi pilihan raya tidak ada satu nilai kebebasan di situ. Saya mencadangkan ada dalam Perlembagaan Persekutuan kebebasan isi ini yang nanti mungkin di peringkat jawatankuasa saya akan cadangkan kaedah dia.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, bila Perdana Menteri bubar sahaja Parlimen, maka yang ada ialah *caretaker government* atau istilah bahasa kita kerajaan sementara. Hingga hari ini kita tidak ada satu *code of conduct* tidak ada. Tidak ada *code of conduct* bagaimanakah perilaku sebuah kerajaan sementara dari segi tak boleh guna kemudahan kerajaan, mungkin kita kata begitulah moralnya. Akan tetapi dari segi *code of conduct* nya tidak ada. Jadi SPR perlu melihat ini dalam hendak menjadi satu pilihan raya yang betul-betul bebas dan adil. Kedua ialah *Election Offences Act* ataupun Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 tidak ada satu undang-undang Tuan Yang di-Pertua, yang menetapkan tentang apa yang dinamakan sebagai *political funding* ataupun pembiayaan politik, tidak ada.

Mana-mana yang hendak bagi sumbangan siapa yang hendak terima sumbangan itu, tidak ada satu undang-undang yang menetapkan satu pemberian, satu pembiayaan yang ada ciri-ciri ketelusan. Contohnya hari ini saya amat suka kalau parti-parti politik yang bertanding, siapa yang memberi sumbangan perlu didedahkan mesti ada undang-undang. Barulah kita tahu macam mana *amount of contribution*, dengan izin, yang diterima oleh parti politik itu. Mungkin bunyinya Tuan Yang di-Pertua agak...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagi pihak kerajaan kita telah mengusulkan satu usul di mana meminta persetujuan rakan-rakan seluruh parti yang ada di dalam negara ini untuk mengisytiharkan wang politik ini. Akan tetapi bagi pihak di sana termasuk DAP mereka enggan menerima usul yang kita cadangkan. Jadi apa komen Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Baik, pertama sekali saya sendiri tidak pernah melihat ada satu usul yang sedemikian dan saya pun tidak tahu di mana usul itu. Kedua, tidak salah mana-mana orang hendak sumbang kepada mana-mana parti politik tetapi dedahkan biar orang tahu, itu yang pertama. Kedua, yang kita tak hendak juga yang sumbang ke parti pembangkang contohnya akan diambil tindakan kerana menolong parti pembangkang. Inikan cikgu-cikgu kritik sendiri pun dikatakan menyokong pembangkang apatah lagi kalau orang berniaga bagi kepada pembangkang lagi lah nanti dia akan di ancam dia punya

perniagaan. Apa yang saya maksudkan Yang Berhormat Kinabatangan ialah perlu ada satu mekanisme itu maksud saya.

Saya bersetuju kalau ketelusan itu berlaku secara telus, secara bertanggungjawab tidak timbul *political funding* yang bersifat kita kata sehingga tahap orang-orang yang berniaga mereka yang menentukan kerana mereka telah menyumbang *certain amount* contohnya kepada parti-parti politik.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Perlu ada satu pendedahan dari sudut ketelusan dan penguatkuasaan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Parit Buntar sedikit. Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, silakan Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Saya ingin cadangkan dan minta pandangan daripada Yang Berhormat Parit Buntar tentang *political funding by the state*. Sebenarnya di mana-mana dunia, sebenarnya negara maju yang *respect rule of law* dan juga keadilan dari segi politik demokrasi mereka mempunyai *political funding by the state*. Terutamanya negara-negara seperti Jerman mereka membiarkan *political parties certain* amaun tiap-tiap tahun berdasarkan undi yang mereka dapat dan parti-parti politik itu hanya boleh belanja dalam lingkungan itu sahaja. Itu bermaksud bahawa mereka mempunyai *level playing field*. Sekarang ini kalau katakan Yang Berhormat Kinabatangan, dia boleh dapat macam-macam sebab dia pengerusi ini, pengerusi itu, dia kerajaan. Jadi dapat banyak yang menyokongnya sebab dia ada *that kind of influence*.

Akan tetapi untuk parti-parti pembangkang seperti kita tidak ada dan *we based on fund raising* melalui *table* RM10, RM20 macam itu. Jadi ini adalah *no level playing field*. Jadi kita mahu bahawa *political funding by the state* maksudnya kerajaan yang *regulate* dan semuanya mengikut undang-undang yang ketat. Jadi tak ada lah berlaku rasuah, tak berlaku *conflict of interest, business influence politics* dan sebagainya. Minta pandangan Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Saya kira Yang Berhormat Bayan Baru banyak menterjemahkan hasrat saya sebenarnya. Apa yang perlu kita lakukan ialah *state funding* itu sendiri sebagai mekanisme mengawal segala rasuah dan politik wang yang merosakkan negara kita dan merosakkan ahli-ahli politik. Oleh sebab itu saya sokong dan di Britain contohnya mereka menggunakan kaedah berapa undi yang diperoleh oleh parti itu di dalam pilihan raya dan berpandukan kepada peratus undi yang diterima dari sudut sokongan itulah peratus yang ditetapkan dari segi peruntukkan daripada pihak kerajaan.

Saya amat bersetuju, hari ini contohnya peruntukan untuk Ahli Parlimen, kita bukan sahaja bercakap pada masa pilihan raya tetapi pos pilihan raya. Hari ini juga timbul masalah parti-parti pembangkang tidak ada peruntukan. Bila tidak berlaku demikian, kita mendapati bahawa mereka terpaksa mencari sumber-sumber yang lain ataupun mereka terpaksa

menerima realiti tidak cukup *fund* untuk mereka hendak jaga undi yang mereka dapat atau kemenangan yang mereka peroleh. Seharusnya, negara kita yang hendak pergi ke hadapan ini benda-benda ini tidak timbul sudah Tuan Yang di-Pertua. Sama ada *political funding* dari segi *state funding* yang disebut oleh rakan saya ataupun mereka yang sudah menang di dalam pilihan raya perlu ada satu *fund* yang bukan satu benda yang kita menagih atau minta tetapi itu hak dia sebagai Ahli Parlimen, contohnya.

So, ini semua perlu kepada satu *reform* Tuan Yang di-Pertua, perlu kepada satu *political will*, perlu kepada satu azam politik. Selain daripada itu kita tengok SPR juga perlu bebas dan kebebasan SPR itu perlu dilihat dari segi pengkerusinya dilantik kaedah mana ahli suruhanjayanya dibentuk supaya bebas dan mereka ini boleh orang kata bukan sekadar untuk pilihan raya tetapi perlu ada undang-undang untuk parti politik. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu parit mana itu tetapi saya difahamkan perbelanjaan untuk bertanding dalam parti itu lebih besar belanjanya daripada pilihan raya umum. Saya tidak tahu parti mana tetapi itulah hakikatnya dan realitinya.

Jadi bayangkan kita terpaksa baik di dalam parti itu pun main duit lebih besar dari-sebab kita tahu kalau dia ada kedudukan di dalam parti itu maka kemungkinan dia untuk jadi Ahli Parlimen dicalonkan itu lebih tinggi maka dia berebut untuk hendak naik dalam parti dia kerana hendak pegang satu *public office* menggunakan wang yang lebih besar daripada dia menang dalam pilihan raya. Ini satu yang cukup ajaib, cukup aneh dan sebab itulah jangan kita bersembang retorik politik wang kalau kita membenarkan sistem itu menyebabkan kita jadi begitu.

■1550

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, pihak Pendaftar Pertubuhan juga perlu bebas sebab parti politik didaftarkan melalui *Registry of Society* ya, Akta Pertubuhan. Kita tengok macam mana dulu kami daripada parti AMANAH ketika kita mencadangkan sebuah parti baharu untuk didaftarkan, kuasanya duduk di tangan Kementerian Dalam Negeri dan menyusahkan, malah ditolak hingga kami terpaksa mengambil parti lain untuk kami jadikan hari ini sebagai parti AMANAH. Jadi perkara ini Tuan Yang di-Pertua, seharusnya perlu dia bebas dan dia tidak campur tangan dan mana-mana orang yang hendak daftar sebagai parti politik tidak boleh ada apa-apa *political affluence* sebab itulah ROS juga dalam isu reformasi pilihan raya ini perlu bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit cadangan saya dalam peringkat dasar, semoga kita ada *political will* supaya jangan kita datang lagi tambah berapa bilion lagi, tambah berapa juta lagi tetapi Suruhanjaya Pilihan Raya masih suatu institusi yang tidak bertaring dan bukan dia ini betul-betul memastikan pilihan raya itu bebas dan adil, dia sekadar pentadbir sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2016. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memohon RM297,960,000

bagi menampung perbelanjaan operasi dan *contractual*. Jumlah ini didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka. Saya ada dua isu yang perlu saya bangkitkan berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Pertama, ialah mengenai peruntukan yang telah diberikan kepada SJKT dan SJKC pada tahun 2016. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kalau kita lihat pada Bajet 2015, kita dapati bahawa secara spesifik ada menyatakan bahawa, sekolah Tamil dan juga sekolah Cina telah diberi peruntukan sebanyak RM50 juta setahun. Kalau kita lihat *trend* sebelum itu pun memang dinyatakan secara spesifik berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk tiap-tiap jenis sekolah.

Akan tetapi pada tahun 2015 apabila membentangkan Bajet 2016, kita dapati bahawa jumlah peruntukan untuk sekolah-sekolah untuk penyelenggaraan tidak dinyatakan secara spesifik. Ia dinyatakan secara umum iaitu RM500 juta untuk SJKT, SJKC, sekolah mubaligh, sekolah agama rakyat dan sebagainya. Jadi diumumkan secara total. Jadi masalahnya ketika itu dalam perbahasan bajet itu, saya sendiri pernah membangkitkan isu ini, saya telah memberi nasihat kepada Kementerian Kewangan supaya dinyatakan secara spesifik sebab saya risau mungkin akan timbul masalah. Mungkin wang tidak akan disalurkan dengan betul kepada semua sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan ini.

Jadi walaupun saya telah berulang kali membawa isu ini tetapi pihak Kementerian Kewangan tidak membahagikan atau mengagihkan peruntukan RM500 juta itu mengikut sekolah-sekolah tertentu. Memang ternyata pada hari ini kita dapati bahawa pada tahun 2016, sekolah SJKC tidak menerima apa-apa peruntukan. Manakala SJKT pula hanya menerima RM16.5 juta sahaja. Ini menjadi satu isu sekarang, kenapa SJKC tidak menerima sebarang peruntukan dan SJKT hanya menerima RM16.5 juta sahaja?

Saya difahamkan bahawa SJKC kerana desakan-desakan tertentu, pihak kerajaan telah berjanji untuk memberi RM50 juta tersebut. Saya tidak tahu sama ada ini betul atau tidak. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan sama ada benar ataupun tidak SJKC akan terima RM50 juta tersebut. Kedua, untuk SJKT pula hanya menerima RM16.5 juta dan saya juga dimaklumkan bahawa tidak ada sebarang tekanan tidak ada sebarang permintaan untuk menambahkan peruntukan itu kepada RM50 juta. Jadi saya hendak tahu sama ada dalam bajet tambahan ini kerajaan bercadang untuk menambahkan pemberian untuk sekolah-sekolah Tamil iaitu lebih sebanyak RM33.5 juta tersebut. Jadi saya ada dua soalan sama ada SJKC akan terima RM50 juta dan SJKT akan terima baki RM33.5 juta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua saya ialah mengenai pendidikan khas. Ibu bapa digalakkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk berganding bahu dengan pihak sekolah dalam usaha mendidik anak-anak. KPM mengalu-alukan khidmat sokongan dan bantuan sukarela daripada ibu bapa dalam usaha kemenjadian murid di sekolah seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Bab 4 iaitu Pembelajaran Murid.

Malangnya, di dalam pendidikan inklusif jika ada ibu bapa yang ingin memberi khidmat pendamping *Schedule 8* kepada anak-anak mereka yang di tempatkan di aliran perdana, mengapakah hasrat ibu bapa itu ditolak oleh pihak sekolah? Pihak sekolah meminta ibu bapa

menunjukkan di manakah klausa yang menyatakan butiran bahawa ibu bapa boleh memberi khidmat dampingan kepada anak-anak keperluan khas ringan yang ditempatkan di aliran perdana. Saya minta penjelasan Menteri Pendidikan mengenai penguatkuasaan dan pelaksanaan klausa yang ingin saya maksudkan itu.

Menjelang tahun 2025, hasrat dan aspirasi kerajaan adalah untuk menempatkan murid-murid keperluan khas ringan yang telah didiagnosis oleh pakar pediatrik kanak-kanak ke sekolah aliran perdana. Pelbagai usaha telah diambil semasa gelombang pertama PIPP dan diteruskan lagi, kini dalam gelombang dua PIPP. Setelah mengetahui hasrat kerajaan ini, ibu bapa pula ingin menempatkan anak-anak mereka yang didiagnosis oleh doktor sebagai keperluan khas ringan di sekolah-sekolah aliran perdana khususnya sekolah-sekolah kurang bilangan murid.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya pendidikan inklusif boleh dijalankan melalui dua kaedah iaitu melalui program Pendidikan Khas Integrasi, Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia atau ditempatkan terus di aliran perdana di atas kehendak ibu bapa. Ibu bapa mempunyai hak untuk menentukan penempatan sekolah anak-anak mereka.

Hakikatnya sekarang kebanyakan sekolah-sekolah kebangsaan aliran perdana menafikan hak ibu bapa dan hak anak-anak ini untuk ditempatkan di sekolah mereka. Peluang ini disalah tafsir dan telah menjadi seolah-olah budi bicara pentadbir sekolah. Pihak pentadbir di kebanyakan sekolah aliran perdana mengatakan bahawa mereka tidak pernah dengar tentang pendidikan inklusif mahupun mereka arif tentang penempatan murid-murid keperluan khas ringan ini di aliran perdana. Pihak pentadbir sekolah berpendapat bahawa anak-anak ini tidak perlu ditempatkan di sekolah-sekolah aliran perdana kerana ada sekolah-sekolah pendidikan khas diwujudkan khusus untuk mereka.

Ini bercanggah sama sekali dengan hasrat kerajaan seperti yang dirancang dalam PIPP. Adakah pendidikan inklusif yang diniatkan itu akan tinggal sebagai dokumen sahaja? Apakah langkah-langkah pelaksanaan yang telah diambil oleh kerajaan di peringkat akar umbi untuk merealisasikan pelan ini? Kebanyakan pihak pentadbir sekolah menafikan kehadiran anak-anak keperluan khas ini di aliran perdana atas alasan mereka ini adalah mencatatkan prestasi sekolah, lantas menjejaskan KPI pentadbir dan guru-guru. Demi menjayakan pendidikan inklusif, adakah mungkin Kementerian Pendidikan Malaysia mengecualikan prestasi murid-murid keperluan khas diambil kira dalam menentukan KPI sekolah aliran perdana?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada satu isu mengenai Kementerian Kesihatan. Saya ada satu cadangan untuk mengurangkan perbelanjaan yang semakin meningkat di hospital-hospital kerajaan tiap-tiap tahun. Kita harus mengambil langkah-langkah tertentu untuk membuka pintu hospital-hospital swasta kepada golongan yang kurang berada.

■1600

Bagaimana kita melakukan ini? Sebenarnya, pada hari ini kalau kita lihat kos hospital, kos rawatan di hospital swasta menjadi semakin tinggi. Hospital swasta hanya menjadi pilihan golongan berada. Kos hospital swasta dikawal berpandukan Jadual 13, Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006. Harga siling atau had maksimum hanya dikenakan kepada fi profesional dan fi perundingan, fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta. Setakat ini, kerajaan tidak mengambil inisiatif untuk mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang, caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan.

Justeru, ini memberi peluang kepada pihak hospital swasta mengenakan caj yang terlalu tinggi kepada pelanggan-pelanggan mereka. Ramai yang terpaksa menghabiskan wang tabungan seumur hidup mereka membayar bil hospital swasta. Ada juga yang terpaksa berhutang daripada pihak lain. Bagi mereka yang memiliki insurans perubatan pula, kos perubatan itu akan ditanggung oleh syarikat insurans. Akan tetapi pihak hospital swasta pula amat gembira dan memberi keutamaan menerima pelanggan-pelanggan yang memiliki kad insurans perubatan. Ini adalah kerana bayaran kos perubatan dijamin oleh syarikat insurans. Tambahan pula caj-caj yang dikenakan terhadap syarikat insurans sengaja dilambung naik berbanding dengan pembayaran peribadi oleh pesakit. Ini mengakibatkan beban yang terpaksa ditanggung oleh syarikat-syarikat insurans menjadi terlalu tinggi, akhirnya keadaan ini telah mendesak syarikat-syarikat insurans menaikkan kadar premium. Kenaikan kadar premium ini akan dipindahkan kepada pelanggan.

Jadi, ini menjadi satu isu apabila pelanggan walaupun mereka mempunyai minat untuk membeli kad perubatan, apabila kos menjadi semakin meningkat, maka ini akan menjadi satu bebanan kepada pelanggan-pelanggan ini. Jadi, kita perlu ada satu *mechanism* supaya memastikan hospital-hospital swasta ini tidak mengenakan caj yang terlalu tinggi kepada syarikat-syarikat insurans ini. Apabila mereka mengenakan terlalu tinggi, maka syarikat insurans akan memindahkan caj atau kos itu kepada pelanggan. Jadi, setakat ini saya lihat bahawa kita tidak ada apa-apa mekanisme untuk mengawal.

Saya juga mencadangkan supaya kerajaan mengambil segala langkah-langkah yang boleh untuk menggalakkan lebih ramai orang memiliki kad perubatan ini. Dengan adanya kad perubatan, maka secara tidak langsung ini akan membolehkan orang-orang yang kurang berada untuk mendapat rawatan daripada hospital-hospital swasta dan ini...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat berkait dengan kenaikan kos merawat dan juga kos ubat dan juga *cost healthcare-increasing cost of healthcare*. Baru-baru ini perbincangan dengan Menteri Kesihatan dan juga menerusi Q&A daripada pihak kerajaan telah memberitahu bahawa satu daripada sembilan orang wanita di Malaysia akan menghidap barah dan juga untuk lelaki adalah nisbah satu

hingga 10. Kementerian pun mengatakan bahawa kos untuk menampung ataupun untuk memberi rawatan kepada kes barah dan sebagainya adalah terlalu tinggi. Itu satu.

Akan tetapi kita dapati bahawa dalam *any one time* 100,000 rakyat Malaysia menghadapi kanser. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, minta pandangan Yang Berhormat, adakah wajar kerajaan menubuhkan satu tabung macam *national cancer fund* yang ada di negara-negara lain yang boleh digunakan oleh keluarga-keluarga yang miskin khususnya, untuk menolong sesiapa yang ada kanser dan sebagainya? Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Klang, sebab cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Klang itu memang akan membantu ramai pesakit yang menghadapi penyakit-penyakit kritikal seperti ini. Saya juga mohon supaya ucapan Yang Berhormat Klang dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya memohon supaya kita cuba mengawal kos hospital swasta dan juga kita memberi galakan kepada orang ramai untuk membeli ataupun memiliki kad perubatan. Dengan ini kita boleh memindahkan kos yang terpaksa ditanggung oleh hospital kerajaan itu sedikit demi sedikit kepada hospital-hospital swasta. Itu adalah cadangan saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

4.05 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan membangkitkan beberapa isu. Saya hendak mula dengan sebuah sekolah terbengkalai, Sekolah Kebangsaan Danau Perdana di Taman Danau Desa yang mana sudah terbengkalai sejak saya menjadi Ahli Parlimen sampai sekarang masih belum ada apa-apa perkembangan. Setiap kali, setiap tahun saya tanya soalan Parlimen tentang sekolah ini, jawapannya ia masih dalam— bukan yang mulanya di dalam perundingan mahkamah kerana pihak Kementerian Pendidikan saman kontraktor kerana sekolah itu jadi satu bangunan yang bahaya, selepas itu ialah dalam *arbitration*. *Arbitration* sampai sekarang pun masih jadi satu bangunan terbengkalai, di mana orang buang sampah, bakar sampah, penagih dadah masuk, orang pesakit mental masuk sana dan kacau. So, semua ini mendatangkan gangguan. Apa yang penduduk mahu ialah tempat itu dibangunkan semula sebuah lagi sekolah kerana sekarang apa berlaku ialah pihak DBKL, Kementerian Wilayah Persekutuan, mereka luluskan banyak pangsapuri *high density* di kawasan saya. Kita melihat pertambahan penduduk akan berlaku di kawasan persekitaran yang mana sekolah baru adalah amat diperlukan.

Saya juga ingin bangkitkan tentang PST 9A+. Bagi pelajar yang mendapat 9A+ dalam SPM mereka pada tahun yang lepas, kerajaan hanya menawarkan 250 biasiswa PST untuk pelajar yang mendapat kecemerlangan sembilan subjek. Akan tetapi pada tahun lepas, 714 mendapat *result* itu, jadi tawaran hanya 250. Selepas itu Kabinet membuat keputusan bahawa

semua 9A+ itu akan ditawarkan PST 9A+, *scholarship* itu. Jadi, tahun ini macam mana? Adakah mereka- yang saya baca ialah mereka perlu memohon. Kalau mengikut *online website* itu atau pelajar yang dapat semua 9A+ itu akan automatik dapat *scholarship* itu. Saya hendak minta kementerian bagi jawapan. Ini satu.

Kedua ialah saya hendak tanya apakah polisi- adakah satu polisi daripada pihak kerajaan di mana kalau ada apa-apa upacara yang dilakukan oleh Menteri di kawasan Ahli Parlimen parti pembangkang, jadi adalah satu dasar di mana ahli parti pembangkang tidak dapat dijemput oleh pihak kementerian? Saya hendak bagi satu contoh di kawasan saya baru-baru ini, *New Pantai Expressway* membuat satu jejantas yang mana mereka sebelum buat, mereka berunding dengan saya, kita ada sidang akhbar, saya kerjasama beritahu penduduk yang tempat itu akan sesak satu tahun lebih dan sebagainya, sekarang ia sudah siap.

Jadi, syarikat itu menjemput Menteri Kerja Raya datang untuk merasmikan pembukaan jejantas itu. Jadi, mereka secara *good will*, mesra dan mereka jemput saya. Selepas itu, dua hari sebelum perasmian itu, *I'm disinvited*, yang surat jemputan itu ditarik balik oleh NPE kerana kononnya Kementerian Kerja Raya kata saya daripada parti pembangkang, tidak harus dijemput. Saya rasa begitu kecewa kerana Menteri Kerja Raya orang yang mesra. Saya ingat kalau dia datang kawasan saya, dia tahu saya dilarang masuk Sarawak tetapi dia datang kawasan saya, saya mahu bawa dia pergi makan baik tetapi saya *disinvited* dua hari sebelum itu.

■1610

Saya hendak tahu sama ada ini satu dasar, pendirian daripada pihak semua kementerian, satu arahan daripada *Prime Minister Department* atau ini adalah keputusan oleh pihak Yang Berhormat Menteri atau kementerian sahaja?

Ini kerana saya masih ingat bekas Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Samy Vellu, dia amat mesra dengan pihak sini. Dia buat banyak lebuhraya yang tol, yang bayar tol itu di kawasan Cheras, di kawasan saya. Apabila penutupan tol, saya masih ingat di Jalan Cheras, dia pastikan, dia berikan arahan kepada pegawai, Ahli Parlimen Cheras, Yang Berhormat Tan Kok Wai mesti dijemput hadir dalam upacara penutupan tol, *closure* kerana kita pergi buat bantahan setiap tahun kerana tol di Cheras itu. Jadi apabila penutupan, satu *celebration*, dijemput kami pergi bersama.

Akan tetapi saya rasa pihak Kementerian Kerja Raya haruslah juga teruskan yang dasar mereka yang mesra dengan Ahli Parlimen tidak kira dia Barisan Nasional atau parti pembangkang. Sikap itu harus diteruskan.

Akan tetapi kali ini, apabila jemputan kepada saya ditarik balik, saya pun rasa, "*Eh, ini apa dasar ini?*" Macam di sini, saya baru terima, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jemput kita semua, Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari Selasa iaitu esok, ada satu sesi taklimat. Inilah mesra rakyat. Ini yang mesra dengan Ahli Parlimen, tidak mengira BN atau pembangkang yang mana haruslah dipegang oleh semua kementerian. Mereka tidak harus ada diskriminasi terhadap Ahli Parlimen di sebelah sini. Saya hendak minta...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Boleh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya. Sila, sila.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Seputeh. Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpengalaman. Jabatan Pembedungan di bawah KeTTHA telah pun memanggil kami termasuk saya, Ahli Parlimen Hulu Langat untuk penyampaian *back to school*. Tiba-tiba sehari sebelum program itu, pegawai daripada KeTTHA telefon, "*Minta maaf, kami ditegur tidak boleh panggil pembangkang*". Saya kata, "*Saya tidak mengapa, tidak ada masalah tetapi saya akan maklum kepada Datuk Maximus Ongkili*". Jadi apa pandangan Yang Berhormat Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya kasihan kepada Yang Berhormat Hulu Langatlah. Sama nasib dengan saya. Saya hanya hendak bangkitkan isu ini, hendak minta pihak sebelah sana, Barisan Nasional dan Menteri, haruslah beri arahan kerana ini bukan perkara yang sensitif. Ini bukan satu perbahasan di antara Yang Berhormat Menteri Pelancongan dengan bekas Perdana Menteri. Itu agak sensitif. Ini satu upacara yang harus dirayakan. Macam kes saya itu, pembukaan satu jejantas. *So ini good thing, you know*, semua haruslah hadir. Tidak harus kami di sebelah sini hanya kerana kami daripada parti pembangkang, menghadapi diskriminasi daripada pihak kerajaan kerana kalau mungkin pilihan raya diadakan tidak lama lagi, kita tidak tahu, mungkin kita semua ini tukar tempat, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, Bukit Gelugor bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Oh ya. Sila, sila.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya *just* hendak bertanya berkenaan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh berkenaan dengan *where your invitation was retracted*, dengan izin, ataupun ditarik balik. Adakah Yang Berhormat Seputeh berpendapat dengan tindakan-tindakan sebegitu, ini akan menimbulkan satu persepsi yang tidak elok ataupun satu persepsi yang buruk kepada rakyat am dan juga kepada *foreign* FDI yang boleh memberi mesej bahawa terdapat diskriminasi antara kerajaan dan juga pembangkang di mana sudah tentunya kalau mesej itu menjadi mesej utama, sudah tentunya tidak ada *cooperation* yang boleh dijalankan antara kedua-kedua pihak tersebut? Apa pandangan Yang Berhormat Seputeh? Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah, itu sebab saya hendak cadangkan, kalau kami di sebelah sini adalah *government in waiting*, kami juga haruslah diberi penghormatan yang sewajarnya daripada pihak Yang Berhormat Arau dan juga semua Menteri Kabinet Barisan Nasional sekarang... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan sedikit tentang....

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Penjelasan? Ya. Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja. Pasal yang ini sudah pasti Menteri tidak akan jawab pasal benda ini Yang Berhormat timbulkan pasal jemputan, diskriminasi dengan pembangkang. Yang Berhormat kena tengok apa yang saya buat iaitu pelantikan semua sekali Ahli-ahli Parlimen sebagai kolonel kehormat. Itu polisi kerajaan. Hal lain-lain itu, kadang-kadang- kalau pegawai cakap, itu bukan polisi kerajaan. Polisi kerajaan ialah tidak ada diskriminasi di antara... [Tepuk] Yang Berhormat, saya dapat elaun Ahli Parlimen. Yang Berhormat pun dapat elaun Ahli Parlimen. Saya cadangkan kenaikan Ahli Parlimen. Yang Berhormat sokong. Jadi tidak ada diskriminasi. Ini mungkin soal-soal peribadi Yang Berhormat dengan pihak-pihak tertentu tetapi polisi kerajaan tidak ada diskriminasi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih atas...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ini kerajaan yang terbaik lah, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Thank you*, Yang Berhormat Arau kerana bagi penghormatan yang sewajarnya kepada pihak sebelah sini. Saya juga dapat itu baju seragam yang keselamatan, bukan? Jadi saya boleh pergi ESSCOM, pergi tolong membantu menjalankan penyelamatan bagi mangsa yang diculik itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan sedikit tentang- Bagi pegawai kerajaan, saya difahamkan bahawa kalau pegawai kerajaan dari Semenanjung pergi ke Sabah dan Sarawak kerja, mereka akan dapat *hardship allowance*, bukan? Akan dapat elaun yang lebih. Tetapi bagi pegawai dari Sabah dan Sarawak yang datang untuk kerja di Semenanjung sini, macam di Kuala Lumpur, inflasi, semua barang mahal, ada banyak tol yang kita kena bayar, semua mahal tetapi mereka tidak ada *hardship allowance* juga kerana yang harga barang di sini, rumah sewa dan sebagainya lebih tinggi daripada Sabah dan Sarawak. Jadi saya hendak minta, mungkin dalam bajet akan datang, kerajaan haruslah juga mempertimbangkan untuk memberikan *hardship allowance* kepada pegawai kerajaan daripada Sabah dan Sarawak yang datang untuk bekerja di sini.

Tuan Yang di-Pertua, 24 Mac adalah Hari Polis. Saya baca dalam satu laporan dalam *New Straits Times* yang kata yang mana ramai pegawai polis kita ini berhutang banyak dan juga semua ini saya baca, 40 peratus daripada sesetengah pendapatan, gaji oleh pegawai polis kita ini digunakan untuk bayar hutang. Semua ini keluar dalam media *online* dan surat khabar. Saya rasa punca utama yang ramai pegawai polis kita ini berhutang adalah kerana gaji mereka terlalu rendah. Tidak setimpal dengan usaha dan sumbangan yang mereka telah pun lakukan.

Walaupun saya baca juga Timbalan Menteri Dalam Negeri kata pihak kementerian tidak akan macam bagi jawatan yang mana senang bagi pegawai polis terlibat dalam rasuah itu bagi pegawai polis yang hutang banyak, tetapi saya rasa ini bukan satu cara untuk selesaikan masalah ini yang mana saya cadangkan kerajaan harus mempertimbangkan semula gaji untuk PDRM, pegawai polis kita khususnya di golongan bawahan supaya usaha yang mereka telah pun berikan itu adalah setimpal dengan gaji yang mereka terima khususnya di kawasan bandar yang mana kehidupan memang semakin susah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya hendak bangkitkan tentang Parlimen kita. Saya rasa okey lah, kita sini semua sudah buat *renovation* selepas enam tahun. Akan tetapi di *tower block* sana, yang selalunya kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Parlimen, selepas itu mereka pergi sana kerja, jumpa ramai orang, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri juga datang, habislah kita. Kita *by the lunch time*, mahu pergi naik pergi sana, *haiyoo!* kena jalan kaki. Kalau tidak, kadang-kadang dua lif digunakan. Kalau tidak, satu lif di-*block* kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada.

Saya mahu cadangkan di sini, bajet tambahan harus diberi kepada Parlimen. Buat dua lif lagi supaya lebih senang bagi pegawai Parlimen dan juga Ahli Parlimen dan juga pegawai kerajaan kita ini yang ada urusan, yang kena naik itu, kita tidak perlu tunggu begitu lama kerana hanya satu lif boleh dipakai kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang.

■1620

Jadi saya rasa ini adalah satu keperluan yang mana haruslah diberikan kepada dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Juga saya hendak tanya, sekarang di Parlimen ini tidak cukup tempat letak kereta. Ramai pemberita terpaksa letak kereta di tepi jalan dua belah pintu masuk Jalan Parlimen itu. Saya dapat aduan, polis pergi saman kereta yang letak luar. So, bukankah ini satu langkah yang menyusahkan pegawai kerajaan yang datang ataupun pemberita yang terpaksa letak kereta di kedua-dua belah pintu masuk itu? Kita harus terima satu fakta memang tidak cukup tempat *parking* di Parlimen. Jadi saya rasa ini harus dipertimbangkan.

Akhirnya saya rasa, saya berharap pihak Parlimen kah atau kerajaan haruslah mempertimbangkan bilik media yang terletak di bawah, *underground* ini haruslah dinaikkan semula. Mungkin kita bagi satu *corner* bagi pemberita. Ini adalah untuk menyenangkan, memudahkan kerja mereka dan juga memudahkan kerja untuk Ahli Parlimen yang selalu kita pergi- harus ada sidang akhbar terpaksa pergi turun bawah...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kena *check* keselamatan. Selepas itu masuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: So, saya juga merayulah Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini juga akan bawa rayuan yang saya bangkitkan itu untuk dipertimbangkan untuk sidang Parlimen akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Just want to celah.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut.

4.21 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran yang diberi pada saya untuk turut bersama dalam membahaskan peruntukan tambahan tahun 2016. Saya, *insya-Allah* sikit sahaja makluman yang saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya, tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang peruntukan tambahan diperlukan ialah RM128 juta. Bagi saya, jumlah ini tidaklah menjadi masalah untuk kita turut sama menyokong. Cuma saya ingin bertanya, adakah peruntukan tambahan yang diminta ini meliputi bantuan-bantuan yang sepatutnya kita tambah kepada golongan yang memerlukan? Misalnya dari segi peruntukan tambahan bagi warga emas. Saya dapati dalam lawatan saya ke kawasan berjumpa dengan masyarakat, peraturan ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sama ada benar atau tidak, kalau ada dua orang yang dikategorikan sebagai kurang upaya dalam satu rumah itu, maka bantuan yang hanya boleh diberikan hanya kepada satu orang sahaja, satu.

Keduanya ialah apabila katalah seorang warga emas ini, dia sepatutnya layak mendapat bantuan tetapi oleh kerana dia mempunyai anak lelaki, maka dia juga dikategorikan tidak layak. Dari segi pendapatan, dari segi sosioekonomi sepatutnya dia dapat tetapi oleh kerana syarat tadi dikatakan yang menghalang kumpulan ini dari mendapat bantuan. Pada saya, wajar kerajaan menyemak semula kalau sekiranya ini menjadi peraturan. Ini kerana katakanlah kerana dia ada anak lelaki, sedangkan anak lelakinya mempunyai pendapatan yang juga tergolong dalam kategori yang boleh dibantu oleh pihak kebajikan masyarakat. Jadi tadi saya hendak tanya, adakah peruntukan tambahan ini meliputi golongan ini? Kalau tidak ada, adalah baiknya kerajaan melihat semula.

Selain daripada itu juga, saya melihat kita seolah-olah ada pendekatan baru. Mungkin ini salah faham di peringkat pelaksana, sedangkan dasar kerajaannya tidak begitu. Kemungkinan fahaman pihak pelaksana di peringkat yang terakhir yang menyebabkan pelbagai syarat. Ada mereka yang telah pun mendapat bantuan daripada kerajaan tetapi dengan adanya perubahan-perubahan baru, mereka yang dulunya dapat, apabila disemak semula, mereka telah dikategorikan tidak layak mendapat bantuan. Jadi ini juga pada saya, pihak kementerian ataupun kerajaan sendiri perlu melihat semula agar kumpulan ini, kumpulan rakyat yang memerlukan bantuan ini, kita permudahkan dari segi urusan mereka.

Seperkara lagi saya mengharapkan juga agar kerajaan memberikan pertimbangan bagi mereka yang pada pemikiran pemimpin setempat, khususnya kita wakil-wakil rakyat ini, apabila kita turun ke kawasan dan kita melihat ada keperluan di situ dan pada pertimbangan kita sangat wajar, maka kita harap pihak kementerian ataupun kerajaan dapat memberikan pertimbangan atas permohonan ataupun sokongan yang diberikan oleh wakil-wakil rakyat.

Kemudian, saya ingin bertanya juga tentang perkara di bawah Kementerian Pendidikan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, JKM.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin menambah satu lagi perkara, kriteria-kriteria yang dipandang oleh kementerian sebelum meluluskan seseorang OKU untuk mendapatkan bantuan kebajikan. Oleh sebab kita dapati kelulusan agak berbeza-beza. Adakah beberapa KPI ataupun syarat-syarat yang tertentu yang boleh memberikan OKU mendapat bantuan kebajikan? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Itu yang saya katakan tadi, mungkin tidak menjadi dasar kerajaan tetapi pemahaman di peringkat pelaksanaan yang menyebabkan pelbagai taksiran berlaku. Jadi kita harap kalau ini berlaku dan kita minta pihak kerajaan melihat semula agar rakyat tidak membuat persepsi yang negatif terhadap dasar-dasar kerajaan.

Perkara yang kedua yang saya hendak kongsi ialah tentang peruntukan tambahan di bawah Kementerian Pendidikan sebanyak RM297,960,000. Persoalan saya, adakah peruntukan tambahan ini meliputi satunya, perkara yang berkaitan dengan bencana yang jika tidak dirancang oleh kementerian tetapi berlaku? Umpamanya, kejadian banjir pada tahun 2016 yang lalu, sudah pastilah pihak Kementerian Pendidikan tidak mempunyai peruntukan yang diletakkan awal-awal lagi. Walaupun mungkin ada peruntukan tetapi apabila berlaku bencana ini, ia tidak cukup. Jadi kalau kes-kes yang sebegini, bagi saya, seluruh wakil rakyat sepatutnya tidak mempersoalkan kerana ini kes-kes yang bencana.

Juga saya ingin bertanya sama ada ia boleh meliputi kes-kes yang melibatkan penyelenggaraan bangunan yang ada di sekolah-sekolah kita. Ini kerana apabila permulaan persekolahan ataupun awal tahun, apabila saya sendiri contohnya pergi melawat sekolah-sekolah terutama di peringkat awal pembukaan sekolah, saya dapati ada beberapa kemudahan yang sepatutnya diperbaiki tetapi tidak dibaiki. Apabila kita tanya pihak yang terbabit, mereka mengatakan tidak ada peruntukan. Jadi ini pun akan membebankan dan menyebabkan ketidاكلancaran perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah itu. Ini kerana keadaan sekolah yang kurang selesa akibat daripada penyelenggaraan yang tidak dijalankan dengan sempurna ataupun tidak dibuatkan penyelenggaraan. Saya faham, ada kemungkinan bagi sekolah-sekolah yang kena bencana tadi, dia mulanya buat, sudah selesai pembaikan kerana bencana tetapi ada juga ekoran pembaikan yang diperlukan akibat daripada bencana tadi setelah digunakan beberapa ketika. Jadi ini juga bagi saya memerlukan peruntukan tambahan terutamanya pada peringkat awal persekolahan.

Jadi saya mengharapkan agar isu-isu yang berkaitan dengan penyelenggaraan sekolah ini, pihak kementerian khususnya Kementerian Pendidikan diharap dapat meletakkan peruntukan awal kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan penyelenggaraan sekolah ini. Ini kerana sekarang bulan tiga, ada lagi sekolah-sekolah yang memohon peruntukan penyelenggaraan, masih lagi belum sampai. Jadi, kalau sekiranya peruntukan-peruntukan tambahan ini diperlukan kerana kes-kes yang terlewat hendak diselenggarakan misalnya pada bulan 12 dulu, peruntukan sudah habis tetapi penyelenggaraan diperlukan, kita faham tentang perkara ini.

Saya mengharapkan juga agar tidak timbul lagi kes-kes sekolah kita, tidak kira di mana, lebih-lebih lagilah kalau sekolah itu di kawasan pedalaman.

■1630

Misalnya di kawasan pedalaman Tuan Yang di-Pertua sendiri di Beluran, sekolah luar bandar. Kosnya lebih tinggi untuk kes-kes yang berkaitan dengan penyelenggaraan ini. Tidak kira sama ada ia berkaitan dengan bencana ataupun penyelenggaraan biasa.

Jadi saya mohon pihak kementerian, Kementerian Kewangan khususnya agar dapat memberikan pertimbangan kepada sekolah-sekolah kita supaya tidak timbul isu-isu yang berkaitan. Ini kerana kalau kes-kes yang berkaitan ini, dia akan merayu kepada wakil rakyat juga. Jadi kita sebagai pemimpin kecil di peringkat kawasan sudah pastilah hendak melihat anak-anak kita di sekolah ini tidak terganggu dengan peruntukan yang kurang mencukupi diberi kepada sekolah-sekolah.

Jadi kalaulah berkaitan dengan itu seperti mana saya katakan tadi kita tidak ada halangan sekiranya peruntukan ini digunakan untuk perkara-perkara yang saya nyatakan tadi. Kalau sekiranya RM297 juta ini saya rasa kalau berkaitan dengan bencana misalnya daripada tahun 2016 di Jerantut sendiri beberapa buah sekolah terlibat dengan banjir. Kita harap juga peruntukan ini boleh digunakan untuk mengubahsuai kelas-kelas yang terlibat dengan banjir ini.

Ini kerana kita harapkan agar kelas-kelas atau bangunan-bangunan sekolah yang terdedah kepada risiko banjir, pihak kementerian dapat mengadakan kelas dan juga perabot-perabot dalamannya agak mesra banjir. Maksudnya selepas banjir, ia mudah diuruskan. Hendak bersihkan dengan cepat, tidak perlu panggil bomba. Ini kerana kalau panggil bomba ini satu daerah ada satu sahaja pejabat bomba. Jadi kalau sudah tiga, empat buah sekolah tentulah menunggu giliran yang menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah akan terganggu.

Akan tetapi dengan adanya kemudahan bilik darjah yang mesra banjir bagi sekolah-sekolah di kawasan banjir, kita dapat memastikan agar anak-anak yang belajar di sekolah-sekolah kita ini tidak terganggu. Tuan Yang di-Pertua, saya kira...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Parit, Parit.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, sila Yang Berhormat Parit.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Berdasarkan apa yang Yang Berhormat Jerantut sebut tadi bahawa semua yang maksud tambahan ini akan digunakan untuk kepentingan rakyat, kepentingan pelajar dan kepentingan masyarakat.

Jadi apakah Yang Berhormat Jerantut setuju bahawa kawan-kawan kita sebelah sana itu mengkhabarkan ini membazir, tidak reti belanja dan sebagainya. Jadi maksudnya yang dibuat ini untuk kesenangan rakyat. Rakyat perlukan kelas yang baru, sekolah baru dan sebagainya. Jadi pada pandangan saya sebagai Ahli Parlimen merasakan pandangan sahabat, rakan-rakan kita sebelah sana itu adalah tidak kena dan tidak betul. Apa pandangan Yang Berhormat Jerantut?

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Parit. Saya sebenarnya sebagai orang penggal pertama dalam Dewan ini dan mantan guru sebenarnya juga memerhati tentang perbahasan kita. Kadang-kadang misalnya perbahasan pada hari ini, ada di antara kawan-kawan kita hendak melepaskan geram tanpa fokus kepada isu yang sepatutnya. Hal yang tidak sepatutnya pun diulang-ulang.

Kita masuk Dewan pada tahun 2013 sehingga sekarang pun diulang benda yang sama. Jadi menyebabkan kita kerugian masa yang sepatutnya kita gunakan masa perbahasan ini untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat. Kalau sudah bincang hari itu, sudah ada jawapan, pada saya tidak perlulah kita tanya. Jadi kita hanya membuang masa.

Jangan hanya sekadar semata-mata untuk mencari keuntungan politik dalam Dewan ini kerana kebertanggungjawaban itu lebih penting daripada kepentingan politik. Ini kerana masa yang kita gunakan dalam Dewan ini, gaji kita dibayar oleh rakyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Jadi tidak wajar untuk kita berkempen dalam Dewan ini pada saya selain daripada untuk fokus masa ini untuk kepentingan perkara-perkara serius. Ya silakan sahabat saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan. Masa habis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri pun duduk ulang benda yang sama. Cikgu yang kritik kerajaan dia suruh berhenti. Dia halau, dia *perhambat*. Dia ulang benda yang sama, Yang Berhormat Menteri sendiri. Ini Yang Berhormat sebagai cikgu, sepatutnya kena bela lah cikgu.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Oleh sebab Yang Berhormat Pokok Sena bukan cikgu maka dia kurang memahami perasaan guru [*Tepuk*] Cikgu ini kalau sudah lebih banyak cerita tentang keburukan kerajaan yang sepatutnya di sekolah atau di luar sekolah, yang sepatutnya dia mendidik anak bangsa. Menjadikan dia manusia yang sesuai dengan dasar pendidikan kebangsaan tiba-tiba kalau kepala dia sudah termasuk dengan hasutan pembangkang, dia pergi ke sekolah sampai anak murid pun dia hasut jadi pembangkang. Apa cerita?

Saya sangat setuju kalau dia hendak berpolitik, okey politik tetapi jangan mengganggu waktu proses pengajaran dan pembelajaran dan idea-idea yang dibawa dalam bilik darjah atau di luar daripada waktu persekolahan, jangan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Cikgu berpolitik di luar daripada bilik darjahlah.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Betul tetapi macam Yang Berhormat Pokok Senalah. Dalam Dewan yang tidak sepatutnya kita bahas isu-isu yang berkaitan dengan

kepentingan politik kita, kita gunakan masa untuk berpolitik... [Dewan riuh] Daripada tahun 2013 sampai sekarang kita bawa ulang benda yang sama.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Apa faedahnya ini? Ini Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini hendak *perhambat* cikgu-cikgu ini.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Saya tidak apa kalau hendak berpolitik, politik tidak ada masalah. Ya, silakan Yang Berhormat Batu Pahat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi maknanya Yang Berhormat tidak setujulah dengan Yang Berhormat Menteri. Kalau berpolitik di luar sekolah pun tidak boleh.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Saya setuju, kalau sekiranya dia menyalahi peraturan... [Disampuk] Kita bukan bertaki Yang Berhormat Pokok Sena. Ini yang tidak betul. Masa saya sudah bagi Yang Berhormat Batu Pahat, dia bahan lagi. Tidak betul.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jerantut. Saya ada beberapa hal yang perlu diberi perhatian tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Boleh *insya-Allah*. Ringkas sahaja tetapi sudah habis masa. Pertama tentang guru dan politik. Saya fikir yang kita kena lihat ini guru dengan profesionnya.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bagi Yang Berhormat Batu Pahat selepas ini dia bercakap dalam platform dia. Masa saya sudah habis. Saya ucapkan terima kasih banyak atas peluang yang diberikan kepada saya.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak. Itu Yang Berhormat Jerantut bagi. Tuan Yang di-Pertua tidak bagi lagi.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kota Tinggi.

4.37 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri izin saya untuk berbahas sedikit mengenai anggaran perbelanjaan tambahan ini. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kerana ada perbelanjaan tambahan ini maka kita menunjukkan ada keperluan tertentu yang perlu kita perhalusi dan kita penuhi di atas dinamika keperluan pembangunan negara.

Firstly, saya hendak menyentuh tentang RM350 juta iaitu dana latihan pendidikan dan kemahiran kalau tidak silap saya. Ini satu perkara yang baik. Ini satu dana untuk mencergaskan lagi atau memberi rangsangan kepada pihak swasta dan pihak kerajaan sendiri untuk meningkatkan lagi tahap kemahiran kita. Kita tahu negara kita antara lain yang penting menarik pelabur ialah di samping utiliti atau infrastruktur yang baik seperti elektrik dan sebagainya, air dan SAIDI rendah atau tidak rendah, tanya air ada atau tidak ada. Selangor ini kalau tidak ada air, dia lari pergi Johor contohnya.

Jadi ketiga ialah kemahiran. Baru-baru ini kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masa 12 bulan kita dapat menarik pelabur yang berjumlah RM190 bilion lebih. Sudah tentu apabila ini berlaku, kita akan memerlukan guna tenaga kemahiran yang tinggi. Jadi pandangan kerajaan mengadakan TN50 ini sangat saya sokong dan ia perlu dipertingkatkan lagi.

Di samping itu mengenai TVET ini, saya mencadangkan kerajaan kita adakan tabung-tabung spesifik khas. Minta maaf. Kita kena adakan satu penyelarasan dari segi TVET ini. Kita ada TVET di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan berbagai-bagai-bagai. Jadi, saya rasa sampai masa kerajaan kena melakukan satu kerangka yang merangkumi semua ini dan supaya guna tenaga ini kita dapat selaraskan dengan lebih baik lagi.

Contohnya kalau di kawasan saya, di kawasan Kota Tinggi kita tahu pembangunan yang begitu pesat di Pengerang dan Johor Selatan, Iskandar Puteri akan memerlukan guna tenaga yang tinggi. Jadi saya minta kalau boleh *Regional Development Authority* contoh macam KEJORA diberi tanggungjawab untuk membangunkan keperluan tenaga mahir di kawasan Johor Tenggara contohnya meliputi Sembrong, Tenggara dan Kota Tinggi. Macam Pengerang, sudah ada PBT dan sudah ada perancangan sendiri.

Ini juga, kalau dengan idea ini kita beri satu KPI atau, yang lebih baik untuk KEJORA dan ia akan merangkumi pembangunan manusiawi terarah kepada kemahiran yang sesuai dan memenuhi keperluan industri. Atas sebab itu saya mencadangkan kerajaan kena ada satu badan khusus melihat TVET ini dari segi holistik dan mengadakan kerangka kerja yang lebih *solid*, yang lebih menjurus kepada keperluan industri dan menepati keperluan rakyat tempatan. Contohnya di kawasan Kota Tinggi naik, rakyat juga mesti seiring dengan pembangunan ini supaya mereka tidak terpinggir dan mereka mendapat manfaat yang terbaik melalui pembangunan-pembangunan ini.

■1640

Di samping itu, bila ada pembangunan yang besar, saya tengok tadi perbelanjaan untuk JKR ada RM600 juta lebih, RM602 juta. Saya juga mencadangkan agar bila ada pembangunan yang mendapati keperluan industri macam Pengerang, kena ada tabung khas juga untuk menyelenggarakan jalan-jalan di sekitar pembangunan yang begitu pesat ini.

Saya hendak sebut sini FT092, *alhamdulillah* terima kasih kerajaan sedang merancang tetapi banyak jalan-jalan utama lain FT99 contohnya, FT213 contohnya yang terkesan negatif sebab bila pembangunan yang besar ini lori-lori akan membawa agregat pasir yang besar, 40

tan, 30 tan yang jauh melebihi bebanan yang boleh dibawa dan ditanggung oleh jalan-jalan ini. Apa yang berlaku bila berlaku begini, dua tiga tahun lah rakyat di situ akan terasa susah. *Traffic* banyak bertambah, jalan berlubang dan yang menyebabkan kejadian kemalangan ada banyak juga menyebabkan kematian.

Itulah sebabnya di samping kita memperuntukkan di bawah PIPC pembangunan infrastruktur yang sesuai untuk memenuhi keperluan tuntutan industri tadi, kita juga perlu ada tabung khas untuk menyenggara atau membangunkan prasarana sekitar itu supaya seiring pembangunan dengan kawasan wilayah utama atau tumpuan utama. Ini berlaku juga di Iskandar dan saya yakin di mana-mana tempat lain. Jadi sekiranya kerajaan bercadang untuk membuat katalah RM1 bilion pembangunan yang *primary*, yang sekunder ini mestilah sekurang-kurangnya *five to ten percent* ada tabungan khas untuk menyenggara, membina supaya pembangunan itu seiring dan rakyat tidak terasa negatif, tidak terpinggir dengan pembangunan atau tidak terkesan negatif di atas sebab pembangunan yang pesat ini.

Di samping itu juga bila kita ada pembangunan yang pesat, maka landskap perubahan persekitaran itu pun akan berubah. Kita akan ada bertambah demografi penduduk yang ramai dan sampai ketikanya mergastua pun terkesan juga. Gajah mula rasa terpinggir, dia mula masuk kawasan kampung-kampung sebab laluan makanannya sudah terjejas, habitatnya terjejas. Atas sebab itu mereka merosakkan tanaman-tanaman peneroka, petani-petani dan sebagainya dan bila berlaku macam ini maka mereka berulang-ulang kali, dalam setahun kadang-kadang dua hingga tiga kali rumah rosak.

Itulah sebabnya elok juga saya cadangkan kerajaan tabung khas supaya mereka-mereka yang terkesan dari segi ekonomi disebabkan kejadian-kejadian ini dapat dibantu secara yang baik sebagaimana kita membantu mereka-mereka yang terkesan banjir. Saya percaya Yang Berhormat Menteri NRE dahulu pun dan semua pun sudah mencadangkan saya Yang Berhormat Kota Tinggi amat menyokong supaya tabung khas sini diadakan.

Di samping itu, sudah hilang mana pergi ini [*Ketawa*] Okey, saya sentuh balik tadi tentang *Regional Development Authority*. Saya rasa pembangunan *Regional Development Authority* mesti diperkasakan, bukan dikurangkan. Bila berlaku pembangunan-pembangunan yang besar kita ada ECER, kita ada Iskandar, kawasan-kawasan macam saya di Kota Tinggi di Sembrong kita tidak akan masuk dalam kawasan-kawasan ini. Atas sebab itulah kita memohon agar *Regional Development Authority* ini ataupun pembangunan *with* kawasan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah diperkuatkuasa. Saya lihat contoh baru-baru ini bila Pengerang naik, KEJORA mohon permohonan sebanyak 80 juta lebih bangunan tetapi dapat separuh sahaja. Sudah tentulah bila ini berlaku separuh daripada 40 juta ini infrastruktur pelupusan sampah sahaja sudah RM15 juta. *They will take about 25 percent* dari pembangunan.

Jadi saya rasa perkara-perkara ini akan menyebabkan kita akan lebih berlaku perbezaan margin yang lebih besar dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Jadi kita kena *manage differential* ini dengan keadaan yang mapan. Jadi saya minta supaya *Regional Development Authority* ini diperkasakan dan sepatutnya bila pembangunan yang pesat, kawasan *regional* ini tidak dikurangkan peruntukan malahan ditambah.

Cuma saya minta supaya perbelanjaan ini kita kena ada *ratio* antara projek mesra rakyat ataupun *task point* yang kita bantu, longkang, buat rumah, kita buat jalan, buat tebing itu semua. Mesti kita seimbangkan dengan pembangunan perbelanjaan ataupun bajet untuk membina kapasiti, membina upaya dan menjadikan program-program yang mempunyai ada *multiplier effect* yang akan ada kesan-kesan generatif, yang akan memberi peluang pekerjaan dan pertambahan ekonomi untuk kawasan-kawasan yang terjejas.

Itulah sebabnya saya minta kalau boleh kerajaan melihat *Regional Development Authority* ini sebagai satu platform untuk membangunkan sumber manusia melalui kemahiran tadi. Kedua, membina kapasiti infra yang ada di kawasan-kawasan ini dan dia mesti *integrated* dalam pembangunan secara keseluruhan di kawasan-kawasan yang saya maksudkan tadi.

Saya juga mengambil kesempatan sini tentang pendidikan tadi. Saya hendak sebut sekali lagi tadi saya tidak sempat. Tadi ada Yang Berhormat Bukit Bendera bercakap fasal PISA. Fasal PISA ini *is a Programme for International Student Assessment*. Dalam tiga tahun sekali kita buat *assessment*, periksa dua jam melibatkan 510,000 pelajar-pelajar berumur 15 tahun. Jadi bila kita periksa adalah punya *statement* tentang Sains dan sebagainya. Kita pun ada STEM atau Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Saya tidak berapa tahu kenapa kerajaan kita tidak sebarikan benda ini tetapi saya hendak sebut sekali lagi tidak wajarlah kita kata kerajaan kita bodoh sombong. Tidak wajarlah kita kata kerajaan kita menipu semata-mata kita berdasarkan satu peperiksaan dua jam, tiga tahun sekali dan kita kata kerajaan kita seolah-olah menidakkan pendidikan.

Ini suatu perkara yang amat dangkal dan saya mintalah supaya Yang Berhormat Bukit Bendera tarik baliklah. Ia memberi satu imej yang amat tidak benar sekali padahal kita tahu tiap-tiap tahun bila kita buat bajet belanjawan untuk pendidikan, kita lihat...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Saya hendak jawab.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sekejap, saya tidak habis lagi. Bila kita buat pendidikan ini komponen terbesar ialah untuk kita bangukan sahsiah anak-anak kita dan pendidikan dan kita tengok dari segi penjawat awam pun yang paling ramai ialah guru-guru. Kita tengok juga tiap-tiap tahun kita mengutamakan lebih 10,000 sekolah dan *maintenance* nya dan kita terbalik. Kalau dahulu masa saya kecil-kecil Tuan Yang di-Pertua, kita pergi 10 batu naik van pagi-pagi sebab kita hendak pergi sekolah sebab tidak semua tempat ada sekolah.

Hari ini kerajaan kita buat terbalik, dekat mana ada orang kita buat sekolah kita dekat situ. Sampai kita ada sekolah-sekolah yang kurang murid. Kita ada guru-guru yang kadang-kadang 20 guru dan muridnya 40 orang, 50 orang. Anak-anak ini tidak dapat merealisasikan *the truth potential because* sekolah-sekolah ini kita bawa dia jauh, Orang Asli dan sebagainya, kawasan-kawasan terpinggir. Inilah senario yang kita hendak ubah. Jangan kita mempunyai satu pemikiran kononnya dalam tiga tahun kita periksa dua jam, umur 15 tahun, 510,000 yang tidak banyak kita masuk, kita guna pakai untuk berceritakan keadaan pendidikan kita.

Ini memang jauh sangat *misleading*, itu sebab saya minta tarik balik. Kita tengok holistik, kita ini buat bila tengok jauh kita pergi sampai kadang-kadang ada sekolah guru lebih

banyak daripada murid sebab kita begitu prihatin tentang perkara itu. Hendak cakap fasal standard kita boleh tengok, kita boleh bincang. Akan tetapi janganlah kata bodoh, sombong dan menipu. Saya ingat ini *unparliamentary statement* yang *to the lowest level* lah, datang daripada seorang yang konon cakap fasal standard. Bagi saya kita berpada-padalah. Kalau hendak kritik, kritik. Kita pun boleh terima kalau benda itu bagus. Jadi itu antara lain saya hendak sebut. Jadi saya minta- hendak cakap tadi, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih. Saya hendak jawab Yang Berhormat Kota Tinggi, sekejap ya. Yang Berhormat Kota Tinggi kata, sebenarnya yang merosakkan ini imej negara kita, pendidikan negara kita bukan saya, bukan pembangkang. Apabila kita mempersoalkan isu penilaian PISA yang baru berlaku, laporan yang keluar pada tahun lepas ini sebab negara kita terkeluar daripada senarai dalam PISA itu, hanya empat negara dalam dunia ini yang terkeluar dan terkeluar atas alasan di mana tidak cukup kuota kita, peratusan murid yang mengambil bahagian.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Okey.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, betul, saya habiskan dahulu, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tidak apa. Saya sudah faham. Jadi sekarang ini, tidak apa. Saya tidak bagi sudah.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Sekejap, sekejap. Sekarang ini dikatakan ada tuduhan mengatakan saya mempertikai.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tidak, saya tidak mempertikaikan standard. Saya kata tadi janganlah *you* kata tadi kita bodoh, sombong, menipu...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Bodoh sombong itu satu ungkapan, bukan bodoh dan sombong. Bodoh sombong itu maksudnya tidak mahu dengar cakap orang lain.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Ketawa] Kalau saya kata Yang Berhormat Bukit Bendera sekarang bodoh, tidak bermoral, *you* tentu marah. Jangan cakap macam itu.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Saya tidak. Tidak faham ya. Saya kata bodoh sombong itu satu ungkapan yang maksudnya tidak mendengar...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kalau saya kata, kalau saya katalah. Minta maaf saya bukan berdialog. Kalau kita kata tidak bermoral, cakap lain buat lain, tentu kita rasa marah. Jadi Yang Berhormat Bukit Bendera cakap satu kementerian yang kita betul prihatin, kita letakkan *proper allocation*.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Lagi satu PISA ini, saya tidak mempertikai standard...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Saya tengah menjelaskan, menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, seorang-seorang Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya kata kalau 72 negara sahaja, macam mana kita kata empat terkeluar?

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, saya hendak jelaskanlah ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Ada 72 buah negara sahaja, tiga tahun sekali ambil periksa dua jam, budak-budak yang ambil periksa ini berumur 15 tahun, kita hendak gunakan itu sebagai satu petunjuk bahawa kita ini bodoh sombong dan tidak kita menipu, jadi saya rasa – itulah saya kata kita ini berpada-padalah. *Criticize* yang membina...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Kota Tinggi, saya cuma hendak bagi kronologi...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tidak payah, sebab apa saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Tidak apa, nanti kita tunggu Menteri menjawab.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya tidak bagi jalan sudah sebab saya rasa *you* punya *statement*, jawapan itu *very lame excuse* dan tidak ada sebab kenapa kita hendak kata orang bodoh sombong dan menipu. Jadi saya minta tarik baliklah. Tuan Yang di-Pertua, saya tengok juga PISA, saya pun hendak belajar juga. Saya *first time* dengar PISA ini apa benda tetapi takkan lah kita periksa tiga kali setahun, budak umur 15 tahun buat periksa, selepas dua jam periksa kita buat satu pengiktirafan negara kita menipu, bodoh dan sombong. Jadi inilah cara-cara kita, sebenarnya...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Kota Tinggi tidak faham isu, minta maaf Yang Berhormat Kota Tinggi tidak faham isu ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Bukan tidak faham, saya faham.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Saya hendak jelaskan, saya hendak jelaskan di sini isunya bukan kesan...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Yang Berhormat Bukit Bendera, kalau itulah *statement* daripada Yang Berhormat Bukit Bendera, saya rasa *you* tak hendak dengar sebab *you*- menghina kita sampai satu *level* seolah-olah kementerian kita ini *so low* dan 72 negara, dalam negara di dunia ini ada 190 negara, ada 72 negara sahaja yang buat PISA ini. Saya hendak tengok 72, macam mana kata empat terkeluar dan apa standard yang kita hendak pakai sebenarnya?

■1650

Itu sebabnya, kita jangan *mislead the Dewan* mengatakan seolah-olah kita ini teruk sangat. Jadi, saya minta kalau boleh Bukit Bendera tarik balik dan selepas itu... [*Dewan riuh*] Ah, ya lah.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] [Kelana Jaya]: Kalau dia nak tarik balik, bagi dia jelaslah.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Kota Tinggi tak faham. Kota Tinggi yang patut tarik balik, dia tak faham. Kota Tinggi tak faham.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya tahu dia tak akan tarik balik sebab konsep dia tak mengaku.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ini saya hendak jelaskan tetapi Kota Tinggi tak nak dengar. Saya nak jelaskan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, dia hendak jelaskan perkara yang dia sudah cakap. Dia pun menghina, jadi saya sebutlah. Saya sebut dekat sini PISA ini *is nothing actually*. Satu rujukan yang bagi saya sangat dangkal dan tak sepatutnya digunakan di dalam Dewan ini. Saya hendak suruh dia tarik bukan sebab pasal *statement*, saya hendak suruh tarik sebab bodoh, sombong dan menipu. Itu maksud saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kota Tinggi yang bodoh sombong ni.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kejap, kejap, kejap. Eh, Sepang, saya tak bagi peluang bercakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nak tanya, nak tanya, minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua:, boleh minta penjelasan tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak bagi jalan Yang terhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sepang, Sepang, saya tak bagi peluang bercakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan mesyuarat, mengelirukan ini. Kalau kita kata jangan bodoh sombong...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sepang, eh Sepang, saya tak bagi peluang bercakap. Duduklah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan bodoh sombong.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Eh, *you* bodoh sombong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan bodoh sombong. Jangan bodoh sombonglah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, duduk Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan bodoh sombong lain. Apalah. Jangan bangang. Ha, bukan bangang. Jangan bangang. Macam gitulah. Kota Tinggi jangan jadi orang bangang. Bukan bangang, jangan jadi orang bangang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi, Dewan yang yang mulia ini tengoklah. Inilah, inilah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang, duduklah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Inilah contoh satu penuduh, jangan jadi pembangkang yang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini contoh, jangan jadi macam orang bangang.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Tidak cermin diri sendiri, pandang diri sendirilah. Pandang diri sendiri, kononnya pandai tetapi sebenarnya mengeluarkan kata-kata yang begitu teruk. Inilah jenis orang yang hendak menjadi pemimpin kononnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi peluang pun Sepang bercakap tetapi dia ini *lawyer* yang tak faham bahasa. *Lawyer* tak faham undang-undang. Inilah dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Sepang, duduk Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tak marah. Saya tak kisah, saya tak marah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ya, tak faham. Tak faham, selepas itu dia menuduh bangang, saya minta tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab, sebab...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya minta tarik balik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, duduk Sepang.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tak nak tarik balik.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya minta tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kota Tinggi, saya tak nak tarik balik. Jangan jadi bangang! Saya ulang balik, jangan jadi bangang! Jangan jadi bangang!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sepang, duduklah Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan jadi bangang!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan jadi bangang! Saya ulang balik, jangan jadi bangang! Jangan jadi bangang! Jangan jadi bangang! Jangan jadi bangang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, duduklah Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan jadi bangang! Jangan jadi bangang!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Sepang jaga jantung, jantung, jantung itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan jadi bangang! MP bangang! Saya tak tarik balik, saya makin tegaskan, jangan jadi MP bangang! Ha dah, apa lagi cakap?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Okeylah tuan-tuan. Saya tak sanggup nak cakap bangang” ini sebab dahulu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bukan tuduh dia bangang, saya cakap, jangan jadi bangang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sama erti Yang Berhormat, jangan sentuh itu Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Keduanya bercakap perkataan macam ini, selepas itu nak bercerita tentang kebaikan. Jadi, cerminlah diri sendiri. Pandanglah balik cermin, tengok. Pandang Sepang, tengok muka sendiri Sepang. Hendak kata orang bangang, tak bangang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, saya kata, jangan jadi bangang...!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi, itulah saya tak nak komen, dia tak bercakap, kononnya *lawyer* tapi bercakap tak ada kena mengena asas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Lek, lek, lek...*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okay, masa sudah habis. Sudah habis dah, saya hendak bercakap.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi Ampang, duduklah Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sudah habis dah, saya nak bercakap.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya tak jemput, saya tak jemput, duduklah, duduk. Cuma saya sebenarnya hormat sikit Sepang ini. Akan tetapi dia bila keluar perkataan macam ini Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, inilah cerminan orang yang hendak bercerita keburukan orang. Inilah cerminan orang yang hendak tunjukkan keburukan orang, menuduh bukan-bukan tetapi tuan-tuan tengoklah sendiri. Saya minta satu Malaya tengok ini. Satu Malaysia tengok.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Cakaplah apa-apa, saya tak kisah pun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi tuan-tuan, saya ingat itu sahaja, saya mengucapkan terima kasih. Akan tetapi di segi bajet *supplement* ini, saya cadangkan supaya kerajaan tambah kalau boleh. Sedikit sebanyak kita sudah sebut hari itu dengan Yang Berhormat Menteri mengenai MPOB. Saya lupa, pihak MPOB.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Oleh sebab saya pun sudah sebut, Tuan Yang di-Pertua, keperluan kita menangani cabaran kita dalam minyak sawit kita yang begitu besar. Kita satu tahun 65 hingga 70 bilion setahun. Akan tetapi sekarang ini *market* paling besar kita di Eropah sedang mengusahakan untuk minyak kelapa sawit kita dikategorikan *dibanned* atau dibuat kekangan. Ini kesannya amat buruk kepada rakyat, khususnya pekebun kecil dan di kawasan luar bandar. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan memberikan peruntukan khas kepada MPOB, MPIC dan MPOCC untuk menggerakkan satu gerak kerja yang secara tersusun dan konsisten dan meletakkan tenaga yang cukup di Eropah. Khususnya untuk menangani cabaran untuk meletakkan kelapa sawit ini sebagai satu produk yang akan dilevi. Sekiranya dilevi 300 Euro per tan, ini merupakan satu pukulan mautlah kepada kita. Seolah-olah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi, saya mengucapkan terima kasih, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seperti yang diputuskan, kita hentikan pada jam 5 petang. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ada enam minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Enam minit, tak sempat Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Please, please* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak apalah, Yang Berhormat Menteri.

4.54 ptg.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2016-2017 dan Usul Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan di dalam rang undang-undang tersebut.

Terdapat berbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh pembekalan tambahan sahaja yang dibentangkan ini. Bagi isu-isu khusus kementerian, ia akan diberi perhatian oleh rakan-rakan saya semasa perbahasan di peringkat jawatankuasa kelak. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya memaklumkan, perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan saya beri bagi menangani perkara yang telah di bangkitkan.

Saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Jasin, bertanyakan sama ada berapakah jumlah- adakah perbelanjaan ini telah menyebabkan tertukarnya kita punya defisit negara. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Jasin, perbelanjaan tambahan yang dibentangkan pada hari ini telah diambil kira dalam kita melaporkan defisit negara 3.1 persen untuk 2016. Seperti mana yang Yang Berhormat Jasin maklum, bahawa setiap kali kita buat bajet, ia akan ada satu kontingensi amaun untuk OE, kerajaan akan masukkan RM1.5 bilion yang tidak dinyatakan perbelanjaan tersebut bila kita bentangkan setiap tahun bajet. Begitu juga dalam perbelanjaan pembangunan, kita juga ada *contingency fund* sebanyak RM2 bilion yang tidak dinyatakan secara spesifik apakah perkara yang hendak dibelanjakan. Jadi, RM1.5 bilion untuk OE, RM2 bilion telah diluluskan oleh Dewan ini waktu kita bentang bajet. Cuma mengikut perlembagaan kita, walaupun kontingensi itu telah diluluskan oleh Parlimen, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan membentangkan semula kepada Parlimen *detail expenditure* yang digunakan dalam *1.5 billion* dan juga dalam *2 billion* belanja pembangunan. Itu konsep perbelanjaan tambahan. Oleh sebab itu kalau kita tengok jumlah yang kita laporkan defisit ini telah mengambil kira kesemua kewangan yang kita bentangkan.

Saya juga ingin menjawab soalan Yang Berhormat Kelana Jaya, apakah bajet tambahan ini *window dressing*? Sebenarnya Yang Berhormat, seperti apa yang saya sebut tadi bahawa kalau kita tengok senarai perbelanjaan dari segi *operating expenditure*, kemudian *development expenditure* yang dibentangkan dalam bajet tambahan ini adalah terangkum dalam apa yang sebut tadi dalam *contingency expenditure* yang kita maksudkan iaitu dalam pembentangan hari ini.

Yang kedua...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] [Kelana Jaya]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat dalam dokumen ini, saya terima bahawa terdapat RM1.5 bilion kontingensi dalam *operating expenses*. Itu memang kita sudah baca itu dan kita juga prihatin tentang RM2 bilion untuk *development expenditure, contingency spending*. Akan tetapi hakikatnya pada hari ini, untuk *operating expenditure* RM4.5 bilion. Maknanya, kita *short* RM3 bilion lagi. Betul? Ya, oleh sebab itu Yang Berhotmat Menteri mari pada hari ini untuk minta kita luluskan RM3 bilion. Jadi, apa yang Yang Berhormat Menteri beritahu kita tadi itu tidak sebenarnya- *not completely accurate*. Kalau boleh, *please tell us* macam mana RM3 bilion ini?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalau kita tengok daripada *figure* yang Yang Berhormat tengok, RM2.2 bilion itu sebenarnya bukan perbelanjaan. Itu adalah lebih daripada hasil tolak perbelanjaan. Lebih itu kita *transfer* kepada tabung pembangunan. Tabung kumpulan pembangunan. Bukan RM2.2 bilion itu adalah perbelanjaan yang kita guna pakai untuk OE, tak ada. RM2.2 bilion itu adalah jumlah yang kita *transfer* duit *excess* daripada hasil dan juga perbelanjaan itu kepada tabung pembangunan. Seperti mana Yang Berhormat tahu, kita punya pembangunan ini *always on borrowing*. *Everytime* bila kita buat pembangunan, kita akan *borrow*.

■1700

Jadi kalau kita nak mengurangkan *borrowing for that particular year*, apabila ada lebihan, kita ambil lebihan daripada hasil dan perbelanjaan OE ini kita masukkan dalam pembangunan. *That's how the accounting of the government works*.

Sebenarnya RM2.2 bilion *is not an expenditure*. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat mengenai perbelanjaan *additional* RM1.4 bilion iaitu *pension* dan juga emolumen. Yang itu nanti saya nak bagi jawapan yang itu, *under* JPA. Tetapi apa yang saya hendak beritahu, RM800 *million* lebih tadi dalam OE yang telah di-*itemize* itu dan juga RM987 juta dalam *development expenditure* adalah perbelanjaan-perbelanjaan yang terkandung dalam *contingency fund* yang telah kita *allocate* RM1.5 bilion dan juga RM2 bilion. Yang RM2.2 bilion itu sebenarnya *is not an expenditure* tetapi *the way* kita *reporting under* B.12 ini, dia *consider* macam perbelanjaan yang dihantar kepada lebihan. *That's how the accounting system of government*.

Saya pernah bertanya dengan *Accounting General*, saya beritahu kepada *Accounting General*, boleh tak kalau *in the future*, kita RM2.2 bilion yang lebih daripada ini tak di-*term*-kan sebagai B.12, perbelanjaan. Dia tengah tengok akta dan *act* ini. Kalau perlu kita tukar, kita akan tukar. Dia mesti ada *complication* kenapa dia jadi macam itu. Sebenarnya *is not an expenditure on the RM2.2 billion*, Yang Berhormat.

Daripada segi *financial source*, sebenarnya kerajaan tidak ada *financial source* yang lain selain daripada apa yang saya hendak sebut ini iaitu kerajaan mempunyai pendapatan daripada tiga sumber. Pertama, daripada segi cukai *direct tax* iaitu kita mempunyai *individual tax*, kita ada *tax* daripada syarikat dan kita ada *petroleum tax*. Untuk tahun 2016, Yang Berhormat, *individual tax* adalah sebanyak RM36.5 bilion. Untuk *company tax*, RM55.7 bilion dan *petroleum tax* sebanyak RM7.7 bilion.

Kemudian kita ada juga kategori dipanggil cukai *indirect taxes*. *Indirect taxes* ini duti eksport atau *export duty*, RM980 juta. Kemudian kita ada duti import, RM2.9 bilion. Kemudian kita ada duti eksais, RM11.7 bilion. Lepas itu kita ada cukai barangan dan perkhidmatan (GST), RM41.2 bilion. Jumlah keseluruhan kedua kumpulan ini, kita mempunyai RM169.3 bilion.

Kemudian kita ada juga hasil-hasil lain sampingan yang kita panggil hasil bukan cukai atau *non tax revenue*. *Non tax revenue* ini saya bagi contoh macam *road tax*, kita *collect* RM2.7 bilion, *levi foreign workers*, kita *collect* RM2.5 bilion *in* 2017, dividen PETRONAS, RM16 bilion *and then Bank Negara dividend*, RM3 bilion.

So inilah sumber-sumber pendapatan kerajaan dan kita gunakan ini masuk semua dalam *Consolidated Fund* dan daripada *Consolidated Fund* ini diguna pakai untuk mentadbir kerajaan dan baki kita hantar kepada Kumpulan Wang Pembangunan. *That's how the accounting*. Saya pun mula-mula masuk dulu pun saya pun biasa tengok debit kredit ini, jadi bila saya tengok kenapa yang duit ini *transfer* ke sana *you called it expenditure*. No, actually B.12 itu adalah *term* dia itu ialah *the operating part of the accounts*.

Okey, saya akan *move the next one*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri, penjelasan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, tapi apa yang kita lihat ialah *expenditure* kerajaan untuk tahun 2016 adalah lebih kurang RM267 bilion, betul ya? Itu data yang kita dapat. Dan *income* kita RM227 bilion. *There is shortfall of RM30 plus bilion*. Setahu saya, Menteri setuju atau tidak, apabila kita terdapat *shortfall*, kita akan pinjam sama ada dengan mengeluarkan bon, *government securities* ataupun pinjam *direct* daripada bank-bank ataupun *short term loan*.

Dalam isu ini, kita dah tahu bajet kekurangan RM30 bilion. Sekarang kita minta bajet tambahan RM5 bilion, RM5.5 bilion, nampaknya apakah yang sebenarnya *source* untuk bayar itu? Ya memang kita ada *taxes*, kita ada *revenue*, kita ada dividen tapi masih kurang itu. *We are still short of RM30 plus billion*. Daripada manakah untuk bayar bajet tambahan, bukan bajet yang biasa, bajet tambahan? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih. Sebenarnya kalau kita tengok, apa yang kita belanja ini sebenarnya duit itu dia datang daripada *Consolidated Fund*. Kita tidak boleh belanja kalau tak ada duit. *So, the money is there* dalam kita punya akaun *Consolidated Fund*. *Revenue* yang kita *collect* ini dan kita tolak perbelanjaan kita. Dalam perbelanjaan tambahan itu sudah masuk dalam OE. Ada OE yang kita bajet waktu kita *present* dekat dalam Parlimen Oktober 2015 untuk Bajet 2016, kita *present* OE punya bajet *with all the detail expenditure except RM1.5 billion, except RM2 billion* untuk pembangunan. *These are the two figures, is only one line*, kita tak *detail out*. Kita tak *detail every expenditure on the RM1.5 billion and RM2 billion* tapi bila *you* buat bajet tambahan, dua-dua ini kalau kita pakai duit dia *even one dollar, even RM1*, *you* kena bawa pergi Parlimen beritahu apa *you* pakai daripada RM1.5 bilion ini.

So dalam konteks ini, RM1.5 bilion ini diguna pakai melalui *Contingency Fund*. RM2 bilion pembangunan ini dipakai RM987 juta daripada RM2 bilion ini. *So the different is actually a saving*. Maksudnya kita tak pakai keseluruhan belanja *contingency* ini. Jadi *that's how the government punya Consolidated Fund* punya *accounting works*.

Jadi kalau saya nak *explain* lebih daripada itu, *a bit difficult because* saya ingat dia lebih *very technical* ini sebenarnya. Sebenarnya duit ini memang itu sahaja. Kita punya *source* masuk dalam *Consolidated Fund*, keluar dan belanja daripada kiraan itu. Mana-mana perbelanjaan pembangunan yang kita buat ini, kita terus untuk menggunakan pinjaman untuk membangunkan negara. Okey Yang Berhormat Kelana Jaya?

Okey, saya hendak pergi soalan seterusnya. Suruhanjaya Pilihan Raya. Suruhanjaya Pilihan Raya, saya akan cuba jawab yang terbaik dan sekiranya kalau jawapan itu tidak memuaskan, *you want to know more detail*, nanti bila dalam peringkat Jawatankuasa, Menteri yang berkenaan akan boleh jawab lebih baik daripada saya daripada segi isu ini.

Pertama, saya hendak jawab adakah peruntukan ini digunakan secara serius untuk proses persempadanan baru untuk pilihan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan tambahan sebanyak RM62.78 juta ini tidak digunakan untuk proses persempadanan tetapi digunakan sepenuhnya untuk melaksanakan tiga pilihan raya iaitu:

- (i) Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak sebanyak RM60 juta;
- (ii) Pilihanraya Kecil Parlimen P.067 Kuala Kangsar sebanyak RM1.28 juta;
- dan
- (iii) Pilihanraya Kecil Parlimen P.093 Sungai Besar sebanyak RM1.49 juta.

Secara perbandingan, kalau kita tengok Pilihan Raya Negeri Sarawak pada tahun 2011, waktu Kerajaan Negeri Sarawak mengadakan pilihan raya, perbelanjaan yang telah diguna pakai pada tahun 2011 adalah RM79 juta. Untuk tahun 2016 punya pilihan raya, jumlah keseluruhan yang diguna pakai termasuk bajet tambahan tolak sekatan, RM85.4 juta. Jadi kalau kita banding daripada tahun 2011 dengan tahun 2016, dua pilihan raya, perbelanjaan meningkat sebanyak 7.5 peratus.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Jasin. Mengapakah kerajaan tidak membuat anggaran sebenar tanggungan pencen kepada pesara? Apakah kesilapan JPA dalam merangka anggaran pencen?

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan asal yang diluluskan pada 15 Disember 2015 bagi maksud BOTT14 untuk tahun 2016 ini adalah sebanyak RM18.9 bilion. RM18.9 bilion ini adalah angka yang diberi oleh JPA kepada MoF dan kita masukkan dalam bajet. Seterusnya selepas itu kita dapat lihat ada peruntukan tambahan sebanyak RM1.4 bilion.

■1710

Akan tapi bila ada tambahan ini, saya hendak bangkitkan alasan yang kita dapat ini ialah pertama, antara faktor yang menyumbang kepada perbezaan tersebut ialah penyelarasan pencen disebabkan kenaikan gred jawatan terakhir pada tarikh persaraan. Bila katakan *initially* dia bajetkan pencen sebelum orang pencen, *this is* dia punya gred. Kemungkinan ada sebahagian daripada kakitangan bila dia pencen, enam bulan, tujuh bulan atau sebelum pencen dia naik pangkat. So, bila pencen, gred dia bertukar, maka pencennya, kadar pun akan meningkat.

Kedua, penetapan kadar pencen minima daripada RM820 sebulan telah dinaikkan kepada RM950 sebulan sepertimana yang diumumkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada Bajet 2016.

Kemudian, kita ada pengumuman Yang Berhormat Menteri Pertahanan berkaitan pemberian hadiah *band* secara *one-off* kepada anggota perkhidmatan yang terlibat dalam

pemakaian *Band 5* bagi semua *tred* ataupun ketukangan memberi kesan kenaikan kepada peruntukan ganjaran ganti rugi, cuti rehat dan pencen.

Keempat, pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 iaitu Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia. Dengan melaksanakan pekeliling ini, menyumbang kepada peningkatan gaji akhir penjawat awam yang bersara mulai 1 Julai 2016 dan seterusnya meningkatkan jumlah perbelanjaan faedah persaraan iaitu pencen, ganjaran dan gantian cuti rehat.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, penjelasan tentang isu pencen. Sebenarnya saya juga membawa perkara yang sama ya. Yang Berhormat Menteri kata tadi bahawa Perdana Menteri sudah buat *announcement* pada masa Oktober 2015 untuk Bajet 2016 ya. Kenapa kalau sudah buat *announcement* pada masa itu, kenapa tidak dimasukkan dalam bajet *original*? Kenapa masukkan dalam bajet tambahan? Perkiraan pencen ini bukan susah. Seperti yang saya kata pagi tadi ialah isu tentang cari seorang akauntan itu, buat modul dia, keluarlah pencen yang perlu dibayar. Kenapa tidak dibuat pada Oktober 2015?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Seperti mana saya beritahu bahawa bajet ini mereka *start* bulan Mac. *They prepare the budget until you get the final document in October. Then* bila Oktober, kita *present the budget and then* dalam *presentation of the budget* itu, Yang Amat Berhormat mengumumkan bahawa ada peningkatan yang saya baru sebut tadi, *minimum salary*, penetapan kadar pencen minimum selari dengan *minimum salary of RM900* yang kita tetapkan sebelum ini. Jadi secara automatik, *figures* itu meningkat. Jadi kita sudah *print* semua kita punya bajet. Jadi kita masukkan dalam bajet, sebahagian daripada bajet tambahan.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum Yang Berhormat sebut tadi, *in future*, kalau ada polisi-polisi dan dasar-dasar yang kita sudah tahu ke hadapan, mungkin kita boleh *incorporate* dalam bajet lebih awal, okey.

Saya seterusnya Kementerian Pendidikan. Apakah punca penurunan mendadak dalam *Programme for International Student Assessment (PISA)*? Mengapa 30 peratus murid SBP diguna sebagai responden mewakili tiga peratus populasi murid Tingkatan 3? Apakah KPM melakukan manipulasi data? Soalan ditanya oleh Yang Berhormat Bukit Bendera.

Saya cuba jawab Kementerian Pendidikan punya jawapan ini. Kalau jawapan ini tidak cukup untuk difahami, mungkin dalam Jawatankuasa nanti kita tanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Keputusan PISA 2015 bagi Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang sangat baik berbanding keputusan PISA kitaran yang terdahulu. Kalau kita banding PISA 2009, literasi bacaan 414, literasi matematik 404 dan literasi saintifik 422. Akan tetapi apabila kita bandingkan kepada PISA 2015, ia telah menunjukkan satu peningkatan iaitu untuk 2015, literasi

bacaan 431, literasi matematik 446 dan literasi saintifik 443. Strategi penambahbaikan telah bermula seawal 2012 dan berterusan hingga kini.

Antaranya inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Kempen Kesedaran Sains Matematik, penandaarasan kurikulum sains, matematik dan bahasa Inggeris dan pembangunan bahan sumber Hayati Eksplorasi Berfikir Aras Tinggi. Antara sebab Malaysia telah tidak mencapai peratusan kadar respons sampel sekolah asal yang diperlukan adalah bilangan respons murid yang tidak mencukupi atas sebab masalah teknikal seperti data rosak atau data yang hilang semasa pentaksiran dan ditadbirkan. Kemudian penggantian sekolah yang telah dilakukan berdasarkan tahap kesediaan peralatan ICT dalam kalangan sekolah sampel asal yang dipilih.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Data pencapaian SBP juga diambil kira dalam keputusan pencapaian Malaysia tetapi data tersebut hanya menyumbang sebanyak tiga peratus kepada keputusan Malaysia secara keseluruhan. Oleh yang demikian, tiada unsur untuk memilih atau memanipulasi keputusan yang akan dicapai oleh murid 15 tahun ke atas di Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Okey, saya nak tanya sedikit.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bendera bangun Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan berlaku masalah teknikal dan sebagainya. Akan tapi sebenarnya saya hendak kata di sini, alasan tersebut bagi saya, tidak boleh diterima kerana ini bukan kali pertama Malaysia mengambil bahagian dalam PISA. Sudah kali ketiga. Kali pertama 2009, lepas itu 2012 dan pada tahun 2009, kadar murid yang telah mengambil bahagian adalah 99.3 peratus, hampir 100 peratus dan pada 2012, 100 peratus. Maksudnya tidak pernah berlaku masalah teknikal, data hilang dan sebagainya. Akan tapi tiba-tiba untuk tahun 2015 pula, perkara ini boleh berlaku.

Ini yang saya kata sangat musykil dan ini yang saya hendak dapat jawapan yang lanjutan. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak dapat bagi, mungkin nanti Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Pendidikan saya harap dapat memberi penjelasan. Akan tapi sebab memang perkara ini pada saya tidak boleh diterima langsung. Sudah tiga kali kita buat dan tidak pernah berlaku masalah ini tapi tiba-tiba. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya bersetuju bahawa alasan bilangan respons murid tidak mencukupi, masalah teknikal seperti data rosak dan hilang semasa pentaksiran ditadbirkan, tidak boleh diterima pakai untuk *future. We should learn this mistake ya.*

Kementerian Pendidikan. Peruntukan penyelenggaraan sekolah termasuk SJK(C), SJK(T) yang belum diselesaikan sebelumnya. Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Rasah juga. Saya hendak jawab balik semula ini ya. Saya sudah jawab masa penggulangan Titah Diraja tapi saya hendak jawab sekali lagi *to clarify* betul-betul. Pertama,

saya jawab masa penggulungan Titah Diraja, saya beritahu bahawa semua sekolah ambil RM16.5 *million except* sekolah jenis kebangsaan (Cina). Mereka tidak mahu ambil RM16.5 *million* pada 2016. Sebab *they insist* untuk dapatkan tambahan RM33.5 juta oleh kerana dia cakap bahawa komitmen telah dibuat untuk hampir – saya hendak bacakan jumlah sekolah.

Jadi jumlah sekolah ini saya hendak bacakan. *Anyway, I do not have the figures. I think in my phone.* Akan tapi saya hendak bacakan *figures* ini, *it's about important* kita semua hendak tahu statistik ini. Kalau tidak, nanti kita cakap kenapa kita bagi kepada sekolah jenis kebangsaan (Cina) waktu ketika ini mempunyai lebih peruntukan yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini *I do not know where I keep this.* Saya ada bagi statistik ini. Okey. Kalau kita tengok sekolah jenis kebangsaan (Cina) ini, dia mempunyai 1,298 sekolah, sekolah Tamil 524. Kemudian sekolah Mubaligh 402.

■1720

Jadi apa yang saya hendak tekankan iaitu pada ketika itu sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini *they commit, they commit to do this school and they have the list of school total* RM50 juta. So, kalau dia ambil RM16.5 juta waktu ketika itu, saya cerita ini pasal 2016. Bila dia ambil RM16.5 juta, mereka tidak tahu sekolah mana hendak agih dulu. Berbanding dengan sekolah Tamil dan mubaligh, waktu awal 2016, masa beritahu ada RM16.5 juta sahaja, mereka ambil dan mereka *adjust from the* RM16.5 juta. Itu dia punya isu. Jadi kita cuba *convince*, tidak boleh sebab tidak tahu macam mana hendak agih RM16.5 juta *because they already have the list.*

Jadi pada 2017, Perdana Menteri bersetuju RM16.5 juta itu walaupun dia tidak ambil, kita simpan duit itu. Bagi RM33.5 juta *additional* untuk menyelesaikan janji yang telah dibuat untuk 2016, sekolah-sekolah yang telah *dicommit* oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Cina pada ketika itu. Oleh sebab itu bayaran itu dibuat awal 2017. Pada tahun 2017, semua sekolah, kita bagi RM50 juta. *Very specific* sebab semasa bajet 2016 itu hari, kita tidak sebut secara spesifik tetapi kita bagi *one lump sum figures.* Jadi saya ingat Yang Berhormat Batu Gajah, *that's all.*

Then you ask me that day sama ada, ada atau tidak pemimpin MIC minta. Saya jawab waktu jawapan saya waktu menggulung Titah Diraja, saya cakap tidak ada. Tadi saya dimaklumkan, *I just received this letter. Dated 3 January 2017.* Surat telah dihantar kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, *our* Perdana Menteri. Ditandatangani oleh Datuk Seri Dr. S. Subramaniam. Beliau telah memohon dipertimbangkan juga tahun 2016. Jadi saya tidak tahu *what is the outcome.* Okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, penjelasan. Saya hendak kepastian. Sepatutnya jumlah untuk tahun ini untuk dibelanjakan kepada SJK(C) dan SJK(T) adalah— untuk SJK(T) belum *confirm* lagilah, bergantung kepada surat tersebut. Untuk *Chinese school. RM33.5 million in addition of the RM16.5 million for 2016* dan tambahan juga untuk tahun ini RM50 juta. So, *total* untuk tahun ini 2017, mereka akan belanjakan sebanyak RM100 juta. Itu maksudnya. *Am I right?* Saya minta penjelasan adakah itu betul nilai saya?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yes, sekolah mungkin berbeza. Sekolah mungkin berbeza. Maksudnya RM50 juta itu untuk tahun 2016. Senarai sudah ada. Tahun 2017, senarai belum ada. Tahun 2017, *they are still collecting the senarai to give to the kementerian untuk kita allocate RM50 million. Different school, different amount, different work.* Okey?

Seterusnya soalan Yang Berhormat Jasin. Yang ini saya sudah jawab tadi. Tidak apalah *skip* sahaja. Yang Berhormat Rantau Panjang, peraturan tambahan diluluskan dahulu di Parlimen di peringkat kementerian bagi mengelakkan perbekalan tambahan diadakan setiap tahun. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] memperuntukkan supaya kerajaan boleh memohon Perbekalan Tambahan daripada Parlimen bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dan untuk perkara-perkara yang tidak diperuntukkan atau kurang diperuntukkan dengan secukupnya.

Peraturan membenarkan Menteri Kewangan mendahulukan peruntukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka bagi perbelanjaan mengurus iaitu sebanyak RM1.5 bilion serta mendahulukan peruntukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi perbelanjaan pembangunan iaitu RM2 bilion. Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peraturan ini iaitu kerajaan merasakan bahawa *contingency fund* ini perlu ada. Jadi kalau macam ada kes-kes *emergency*, kita tidak payah hendak panggil *emergency* persidangan bajet dalam Parlimen. Kita boleh pakai *contingency* ini dan kemudian kita laporkan kepada Parlimen.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, saya minta maaf. Boleh saya *rewind* sikit tentang SJK(C) dan SJK(T), dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, tadi daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri, kita nampak untuk tahun 2016, yang RM50 *million* yang ada masalah itu, SJK(C) sudah ada sekolah-sekolah yang hendak diberikan dan sebagainya. So, kita ada nama dan amaun. Itu yang saya terima daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri. Berbalik kepada sekolah SJK(T), RM16.5 *million* telah dibelanjakan. Saya belum lagi sentuh tentang RM33 *million* yang diminta pada 3 Januari 2017. Itu hal lain. Yang RM16.5 *million* yang dibelanjakan, *alright*. Boleh atau tidak saya mendapat nama sekolah dan amaun yang telah dibelanjakan? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, tidak ada dengan saya tetapi boleh minta semasa Jawatankuasa nanti. Minta Yang Berhormat Menteri beri maklumat *detail*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Satu lagi yang *last one*. Adakah apa-apa yang menghalang daripada kementerian untuk mengeluarkan penyata tersebut? Sekolah dan *amount* yang telah diberikan? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya kurang pasti benda itu sama ada dia boleh bagi atau tidak. Kena *check*. Saya kena *check* sebab kalau tidak, kalau semua kita hendak, jadi mungkin gaji orang semua kita boleh bagi *in detail*.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: [Bangun]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, ini bukan kena mengena dengan gaji. Ini lebih kepada sekolah dan saya nampak tadi penjelasan Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa untuk SJK(C) memang sudah ada nama sekolah dan amaun.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya, memang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu adalah praktis yang terbaik, teladan yang baik. Saya terima pakai. Kalau itu teladan yang dipakai untuk SJK(C), saya menuntut benda yang sama diberikan untuk SJK(T). Oleh kerana itu...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, boleh. *I think should not have a problem. I* tidak nampak kenapa tidak boleh bagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Exactly, exactly.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ini kerana *even the RM16.5 million* yang telah diterima oleh SJK(T) juga kena ada *supporting*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Thank you.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Dia tidak boleh bagi *general* macam itu *because MoF will never allow the money to be disbursed unless you have a specific school that you want to distribute*. Kalau tidak, tidak boleh. *So definitely ada. The question now is can you publish the detail. That is a different issue. Whether I can publish the detail. That one I am not sure. I got to check. I cannot commit, I say yes and then they say cannot for whatever reasons. I don't know. So, I got to check.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kalau kita betul duit itu yang diluluskan dan duit itu yang diberikan, *then nothing's worried to be published. Am I right?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *I see no problem.* Saya tidak nampak kenapa tidak boleh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Exactly.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Jadi mungkin pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan boleh ambil maklum ini untuk- masa kita buat perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri kita, letak satu *commitment* dekat sini. Andai kata sebelum ini ada isu-isu yang kata tidak boleh *publish* kan dan sebagainya atas konsep ketelusan dan keterbukaan, kita kena *publish* amaun-amaun ini sebab amaun-amaun inilah yang diberikan kepada sekolah. Kalau tidak ada apa-apa yang perlu diselubungi, saya rasa atas sikap keterbukaan dan ketelusan, benda ini perlu *publish* kan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, Yang Berhormat. Saya ambil maklum dan nanti pegawai akan tengok.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yes, Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sikit, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi dalam perbahasan saya, saya ada mengutarakan isu mengenai peruntukan

kepada sekolah menengah jenis kebangsaan (Cina). Untuk SMJK(C) ini, keadaan mereka lagi teruk. Satu sen pun belum terima sejak 2016 sehingga sekarang. Tadi saya terbaca satu surat khabar bahawa Presiden MCA, Yang Berhormat Bentong ada menyebut bahawa mereka sedang dalam usaha untuk menguruskan perkara ini dan angka tersebut tidak akan didedahkan kepada orang awam.

Saya cuma ingin hendak tanya kepada pihak Menteri, apakah angka tersebut? Ini kerana sebelum ini memang setiap tahun yang diperuntukkan untuk SMJK(C) ini, dia punya *figure* kalau tidak silap dia RM25 juta setiap tahun. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum, Yang Berhormat. Saya tidak ada maklumat *detail* dari segi status ini. SMJK(C) is sekolah?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sekolah menengah jenis kebangsaan (Cina).

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sekolah jenis kebangsaan (Cina). *The RM50 million already given.* RM50 juta sudah bagi untuk *distribute*.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang RM50 *million* itu adalah sekolah rendah. Yang ini RM25 *million* itu adalah untuk sekolah menengah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Oh! *But that one* saya tidak tahu sama ada— *I got to check. I got to check whether there is a budget or not on that.* Nanti saya *check*.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ada, ada. Memang ada dalam bajet.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, nanti saya *check*. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Batu Gajah bangun ya.

■1730

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sini Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mohon jasa baik Menteri untuk mempertimbangkan memberi peruntukan RM33.5 juta, baki yang sepatutnya diberikan kepada SJK(T) juga diberikan. Oleh sebab untuk makluman Dewan yang mulia, terdapat banyak sekolah Tamil yang amat memerlukan bantuan ini. Oleh sebab ada sekolah yang dalam pembinaan, ada sekolah yang rosak, yang berada dalam keadaan yang cukup uzur, yang amat memerlukan bantuan ini. Jadi, saya mohon jasa baik daripada Menteri supaya permohonan ini dipertimbangkan dan diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagikah?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak boleh komen di sini.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Menteri, yang sama juga bagi *mission school* di seluruh Sabah, khasnya di daerah saya di Penampang. *Please help them, give them fundings.* Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey. Saya akan bawa perkara ini kepada Kementerian Pendidikan untuk lihat, tengok *specific school. There is no more talking about budget and* bagi *and distribute.* So, kita hendak tengok *specific school.* Akan tetapi untuk 2017

ini kita dah bagi komitmen, *from now on* kalau kita hendak bagi, kita kena *specify the amount*, senang. Jadi, tidak ada *any further argument*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan soal pendidikan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena, ada lagi sekolah? Tidak adapun.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan pendidikan. Tadi langsung daripada apa Yang Berhormat Menteri respons Yang Berhormat Rantau Panjang tadi ini tentang proses perundangan, hendak kekalkan proses bajet tambahan ini macam mana yang sedia ada kerana ada perkara-perkara Yang Berhormat sebut tadi yang *emergency* yang perlu disegerakan. Jadi, tidak perlu hendak panggil mesyuarat khas, sidang khas Parlimen. Mungkin saya boleh bersetuju jika kita boleh membuat satu peraturan iaitu kita pisah, kita kena kenal pastikan apakah perkara-perkara yang boleh disegerakan, dibelanjakan dahulu kemudian baru kita minta kelulusan Parlimen. Ada perkara-perkara yang saya fikir macam disebut dalam bajet tambahan ini, dalam JKR iaitu peruntukan tambahan RM15 juta dikehendaki untuk membiayai projek infrastruktur dan kemudahan awam bagi pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang.

Saya fikir yang ini takkan tidak boleh nak rancang daripada awal untuk kita masukkan dalam bajet induk? Ini contoh saya katakan. Jadi, yang macam ini sepatutnya saya rasa perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu sama ada kelulusan di dalam bajet induk yang kita bentang pada setiap Oktober ataupun kalau hendak buat bajet tambahan, mesti dapatkan kelulusan terlebih dahulu. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata ada perkara-perkara yang tiba-tiba datangnya perlu kita segerakan, saya boleh bersetujulah. Umpamanya, kalau pilihan raya kecil kan, mana kita tahu ada wakil rakyat nak mati. Itu mungkin saya boleh terima yang perlu disegerakan, dibelanjakan dahulu baru minta kelulusan Parlimen.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Maklum saja?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Apa lagi jawapan, takkan nak jawab... *[Ketawa]*
Ambil maklum, satu cadangan yang bagus.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya baik, terima kasih. MAS punya isu kena jawab.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ini bajet tambahan, apa kena-mengena MAS ini? Oh, ada-ada, rosak betul. Kumpulan wang. Okey, ini saya dah jawab tadi fasal RM2.2 *million*. Seterusnya Yang Berhormat Pengkalan Chepa, menambah baik hasil perancangan, rasionalisasi subsidi, defisit, perancangan yang tidak teliti dengan juga- Okey, yang ini saya pun dah jawab tadi. Secara *big picture*nya ialah perbelanjaan tambahan yang dibuat ini bagi menampung antaranya keperluan-keperluan yang tidak dirancang dalam tahun 2016 bagi

perbelanjaan mengurus dan pembangunan seperti perbelanjaan pilihan raya kecil, kos operasi mencari MH370, bayaran pencen, perbelanjaan penyelenggaraan jalan raya dan sebagainya untuk Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Yang Berhormat Pokok Sena.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada membangkitkan persoalan bantuan infrastruktur ataupun bantuan pembangunan kepada sekolah agama kerajaan negeri bantuan kerajaan yang masih belum dijawab. Saya rasa perjanjian penyerahan 20 buah sekolah SABK kepada Kerajaan Pusat berlaku daripada 2008 dan sehingga kini saya rasa bantuan itu masih belum dilaksanakan secara menyeluruh.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat *detail* dari segi perjanjian tersebut. Kalau benar ada satu perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri untuk *commit* membiayai 20 buah sekolah.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: MoU.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: MoU? Oh, MoU ini selalunya ia tidak ada *financial commitment* tetapi saya ingat nanti kita *check* dengan Kementerian Pendidikan, tengok bagaimana ia boleh tengok MoU ini *how far*. Sekolah dah buat?

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Bantuan penyerahan balik sekolah agama bantuan kerajaan untuk pembaikan dan sebagainya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Nanti Yang Berhormat kalau boleh tulis kepada saya, nanti saya *find out* apa isu sebenar di sini.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: *Insyaa-Allah*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena, MAS ini mana ada bajet tambahan? Ini saya jawab kemudianlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mustahak.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Mustahak juga? Ini tak ada kena-mengena dengan tambahan. Saya bagi secara bertulis boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, elok begitu Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okeylah, saya bagi bertulislah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya fikir isu ini isu yang sangat mustahak yang...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okeylah, tidak apalah, saya jawab, saya jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...berkaitan dengan kepentingan negara.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, okey saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Just a quick one.* MAB kini sedang menaik taraf pesawat-pesawat kepada model terkini iaitu Boeing 737 MAX 8 dan 737 MAX 9 dengan enjin CFM lit 1B yang amat efisien dan memberi penjimatan penggunaan bahan api serta Airbus jenis baru iaitu A350-900 dengan enjin *Rolls Royce* yang juga menggunakan teknologi baru dan terkini. Pesawat-pesawat model baru ini menggunakan teknologi terkini yang boleh menjimatkan penggunaan bahan api. Ia memerlukan teknologi peralatan dan kemahiran yang amat berbeza daripada keupayaan MAS Engineering pada tahun 1990-an.

Selain daripada itu, kos untuk *facility* MRO ini juga adalah tinggi secara relatif kalau *compare* dengan *plane* yang *the old generation*. Oleh yang demikian, adalah lebih jimat dan menguntungkan daripada segi *economy of scale* untuk MAB bekerjasama dengan syarikat MRO terulung seperti Lufthansa Technik AG yang mempunyai kemahiran dan peralatan yang terkini dalam bidang ini. Selain itu, MAB juga boleh meraih keuntungan dengan memberi perkhidmatan MRO kepada syarikat-syarikat penerbangan lain yang juga menggunakan jenis pesawat terkini dalam kelas yang sama yang menggunakan *airport* kita.

Melalui usaha sama ini, MAB dapat memberi perkhidmatan MRO kepada pelanggan-pelanggan Lufthansa Technik dalam rantau Asia Pasifik. Buat masa ini, MAB dan Lufthansa Technik masih dalam proses rundingan sebelum sebarang perjanjian dimuktamadkan antara kedua-dua belah pihak. Saya ambil maklum saranan Yang Berhormat Pokok Sena supaya kakitangan MAS yang terlibat dalam MRO ini hendaklah turut serta diberi pengalaman baru kepada teknologi usaha sama ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kita tidaklah menjadi amalan kita sebenarnya perkara yang tidak disentuh dalam perbekalan tambahan kita nak jawab sebenarnya tetapi Yang Berhormat Menteri hendak menjawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, cukuplah saya kira yang itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita tumpukan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit saja Yang Berhormat. Cuma saya hendak minta apa jaminan walaupun tadi disebut bahawa jaminan untuk memastikan pekerja-pekerja *MAS Engineering* itu akan dilibatkan dalam kerjasama ini. Akan tetapi kebimbangan saya ialah apabila saya difahamkan *Lufthansa* ini telah melantik satu vendor untuk mengenal pasti pengambilan pekerja-pekerja. Jadi, kebimbangan saya ialah keutamaan akan diberikan kepada pekerja-pekerja daripada luar. Jadi, ini yang dibimbangi oleh semua pihak. Terima kasih.

■1740

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum, kita akan pastikan bahawa bila nak ambil kakitangan, bagi *priority* kepada kita punya MAS Engineering Team.

Soalan seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang, dana pembiayaan transformasi kedai runcit. Berapakah peruntukan yang diterima setakat ini dan apakah item-item berkenaan sehingga memerlukan tambahan RM18 juta? Apakah manfaat yang diterima oleh peserta TUKAR dan ATOM? Tuan Yang di-Pertua, Program TUKAR dan ATOM merupakan program yang dilaksanakan bertujuan untuk mentransformasikan perniagaan kedai runcit (TUKAR) dan bengkel pembaikan kenderaan (ATOM) daripada bentuk perniagaan tradisional kepada yang lebih moden dan berteknologi baru.

Melalui Program TUKAR, pengusaha boleh mendapat pinjaman hingga RM80,000, manakala ATOM, pengusaha bengkel kenderaan boleh mendapat pinjaman hingga RM100,000. Pinjaman boleh digunakan untuk menambah baik fizikal kedai serta membeli mesin peralatan yang membantu meningkatkan keberkesanan perniagaan. Sehingga kini, sebanyak 2,367 pengusaha telah menyertai TUKAR dan 864 peserta bagi Program ATOM.

Seterusnya— ini saya sudah jawab. Yang Berhormat Batu Gajah, adakah kerajaan akan tubuhkan tabung kanser untuk rakyat miskin? Tuan Yang di-Pertua, untuk meringankan lagi bebanan pesakit kanser yang berpendapatan rendah dan sederhana, kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Pesakit kanser akan dirujuk kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia yang dikendalikan oleh pegawai kerja sosial perubatan di setiap hospital dan klinik kesihatan kerajaan bagi mendapatkan bantuan peralatan perubatan. Contoh, *walking frame*, *ripple mattress* dan kerusi roda yang tidak dibekalkan oleh hospital kerajaan dan juga bagi mendapatkan bantuan kewangan segera sekiranya mereka berada dalam situasi kecemasan dan krisis semasa mendapat rawatan di hospital-hospital kerajaan.

Bagi pesakit kanser yang mempunyai masalah kewangan serta mempunyai tahap sosioekonomi yang rendah, pihak kerajaan akan merujuk pesakit kepada sumber lain seperti badan NGO, badan bukan kerajaan. Antara NGO yang terlibat adalah seperti MAKNA, Majlis Kanser Nasional, PRIDE bagi bantuan kewangan bulanan, pembelian ubat-ubatan serta peralatan perubatan bagi mengurangkan beban yang ditanggung pesakit dan keluarganya. Secara tidak langsung, kerajaan dapat membantu pesakit daripada golongan berpendapatan rendah untuk menjalani rawatan dengan lebih baik dan efisien. Pesakit kanser juga boleh mendapatkan rawatannya di semua *facility* Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta laluan Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Sebenarnya saya yang bangkit isu itu melalui Yang Berhormat Batu Gajah. Mengapa saya bangkit isu itu adalah sebab, saya dekat Klang sekarang telah menghadapi satu masalah, beban yang besar untuk menolong banyak, khususnya kaum wanita yang menghidap kanser. Saya telah bangkit isu ini di Parlimen ini dan

dijawab oleh Menteri dalam sidang Parlimen yang lalu dan juga bangkit isu bersama dengan Menteri Kesihatan ialah berkait dengan kos ubat yang begitu tinggi. Saya telah pergi jumpa dengan *hospice* di Wilayah Persekutuan di mana mereka mengatakan kepada saya, salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh pesakit-pesakit kanser ialah mereka tidak dapat membeli ubat ini. Oleh sebab satu jenis ubat 30 biji di satu botol itu, lebih kurang RM8,900, itu satu, *only one*. Akan tetapi kita hendak lebih kurang 30 botol untuk satu tahun, itu untuk *stage two and stage tiga*.

Soal di sini ialah, satu pesakit kanser itu menghadapi masalah yang besar untuk membeli ubat, itu satu. Kedua, kita dapati bahawa keluarga mereka ada masalah juga. Kalau mereka ibu tunggal dan mereka tidak dapat menampung kos untuk beli ini dan juga dekat hospital, anak mereka tidak dapat pergi ke sekolah sebab mereka mesti jaga ibu. Oleh kerana itu, masalah yang dihadapi oleh keluarga yang bersabit dengan kanser itu adalah lain daripada macam demam dan sebagainya. Saya fikir, satu cadang yang boleh dibuat oleh kerajaan, satu projek yang boleh dibuat kerajaan ialah untuk menubuhkan *national cancer fund* di bawah kementerian supaya dapat menolong orang ramai. Wang yang sedia ada di *Welfare Department* dan juga hospital-hospital, sangat kurang. *It's not enough, because there are many other problems*. Saya minta budi bicara dan juga pandangan daripada Menteri supaya dapat *establish national cancer fund*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat, saya pun sama juga, berdepan dengan banyak masalah di kawasan saya. Mereka mendapat *treatment* di Hospital Besar Kuala Lumpur dan *it's not cheap, very expensive treatment*. Kita juga mengambil maklum bahawa kekangan dari segi kita punya kebolehan untuk bagi semua orang. Oleh sebab itu kita pastikan mana-mana bantuan yang diberi di bawah Kementerian Kesihatan ini hanya kepada *targeted group* yang *really cannot pay*. Kita tidak nak ada situasi mereka-mereka yang duduk di luar negara, rakyat kita duduk di luar negara, apabila dia kena penyakit kanser, dia *decide* balik ke tanah air kita kerana dia tahu, kalau balik sini dapat *treatment* murah kalau dibandingkan dengan negara luar.

Jadi saya— *at this moment I don't have any specific strategy* untuk mengatasi ini. Akan tetapi apa yang saya boleh fikirkan, kalau benar penyakit ini sudah menjadi satu benda yang agak besar dan mungkin *we can do some kind of compulsory insurance scheme specific only for cancer. This is another thing that I think you can deliberate further* dengan Menteri Kesihatan dalam Jawatankuasa Khas nanti dalam peringkat Jawatankuasa.

Maybe we can invite all the insurance companies in Malaysia to participate in this scheme, because kalau only one insurance company may not be profitable or they most probably cannot take the risk. So, we can bring all the insurance companies participate in this and then we come out with a reasonable premium and yang mana golongan berpendapatan rendah yang betul-betul tidak mampu, maybe kerajaan can look into it, into helping them to help. But, this is only a rough cadangan, somebody have to really get the stakeholders to discuss this in detail dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Satu perkataan lain Yang Berhormat. Sebenarnya, menurut Kementerian Kesihatan, mereka telah mengatakan dalam jawapan kepada saya bahawa *one in ten men will have cancer and one in nine women will have cancer. At anyone point di Malaysia* sekarang, kita dapati lebih kurang 100,000 *people, Malaysians who will have cancer. This is a very serious issue and a big problem. So,* sebelum itu menjadi lebih teruk dan ini akan memiskinkan orang ramai dan juga ini juga kos perubatan pun merupakan satu kos tinggi yang mengakibatkan keluarga kita merana dan mengalami kemiskinan.

It would be a good idea Yang Berhormat kalau ada *Ministry of Finance*, mungkin satu jawatankuasa boleh ditubuhkan untuk merangka beberapa cadangan, beberapa cara untuk *work forward on this matter* dan juga kalau saya boleh cadang Yang Berhormat, mungkin kita boleh *appoint one Select Community* untuk bincang isu ini. Mungkin Yang Berhormat boleh membuat satu pengumuman dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya nak tambah sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang pertimbangan untuk menyelesaikan masalah dan membantu pesakit kanser ini amat penting dengan dua isu yang berbangkit daripada penyakit-penyakit atau pesakit kanser ini. Satu adalah ada yang turun-temurun, ia *heritage*. Bukan dia nak tetapi dia kena *because of parents* dia ada atau nenek moyang dia ada. Kedua adalah, kadang-kadang kita dapat kenal pasti pada *stage* ketiga atau *stage* keempat. Di mana agak kritikal dan memerlukan bantuan serta-merta. Di situlah cadangan Yang Berhormat Klang tadi di mana kena ada *cancer national fund or something like that in any other terms*, akan membantu terutamanya untuk golongan-golongan miskin atau golongan sederhana kerana *there and then* mereka perlukan bantuan. Ini bukan macam penyakit lain, kalau dia dapat *stage three or stage four, that is already critical*.

■1750

So, saya rasa pandangan secara holistik diwajibkan untuk kementerian untuk memandang isu ini. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey Yang Berhormat, saya ambil maklum cadangan tersebut dan saya akan kemukakan kepada Menteri Kesihatan untuk dipertimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis. Saya ucapkan terima kasih. Mana tidak jawab, yang tertinggal, dalam Jawatankuasa kita boleh *cover*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak sembilan ratus lapan puluh tujuh juta, tujuh ratus enam puluh satu ribu, satu ratus tujuh puluh empat ringgit (RM987,761,174) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2016 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2017 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang Sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 28 Mac 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang]